



MALAYSIA

Hari Jumaat
3hb Mei, 1974

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1483]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan)
[Ruangan 1504]

Rang Undang-undang Perlindungan Pihak-berkuasa Awam (Pindaan)
[Ruangan 1537]

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) [Ruangan 1542]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Carum dan Pembayaran
Babik Stok Penimbang Timah) [Ruangan 1558]

Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan [Ruangan 1560]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 1551]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Jumaat, 3hb Mei, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

„ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

„ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

TUAN JAWAN ANAK EMPALJENG (Rejang).

DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

Yang Berhormat **TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD** (Kuala Trengganu Selatan);

- „ **TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN**, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ **TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID**, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ **TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN** (Kapar).
- „ **TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD**, A.M.N. (Temerloh).
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH** (Bachok).
- „ **WAN MOHKTAR BIN AHMAD**, P.J.K. (Kemaman).
- „ **TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL**, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ **TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH**, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ **TUAN NG HOE HUN** (Larut Selatan).
- „ **RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK**, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ **TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH**, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ **TUAN R. C. M. RAYAN** *alias* **R. C. MAHADEVA RAYAN**, A.M.P. (Ipoh).
- „ **TUAN SEAH TENG NGIAB**, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ **DR S. SEEVARATNAM**, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ **TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH**, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ **TUAN SOH AH TECK**, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ **DR A. SOORIAN** (Port Dickson).
- „ **TUAN SU LIANG YU** (Bruas).
- „ **TUAN SULAIMAN BIN BULON**, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ **WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM**, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ **TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB** (Krian Laut).
- „ **TUAN TAI KUAN YANG**, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ **DATUK TAJUDIN BIN ALI**, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ **DR TAN CHEB KHOON** (Batu).
- „ **TUAN TAN CHENG BEE**, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ **TUAN TIAH ENG BEE**, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ **TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG** (Kanowit).
- „ **TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD**, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Kewangan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. K.O.M., (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Perhubungan, **TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR**, P.M.N., S.P.M.K.,
S.P.M.J. (Pontian Utara).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, **TUAN MOHAMED KHIR JOHARI** (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, **TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG**,
P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan; TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

„ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K., (Samarahan).

„ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rambau Tampin).

„ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

„ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Yang Berhormat TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJANIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYB (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husia.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

K.W.S.P.—DASAR

1. Tuan Latip bin Haji Dris (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang mengubah dasar K.W.S.P. untuk membolehkan pencarum-pencarum mengeluarkan pencaruman-pencaruman mereka hanya sekali sebanyak jumlah yang ditetapkan oleh K.W.S.P., bagi tujuan membeli harta-harta seperti tanah atau rumah, sejajar dengan dasar Kerajaan menggalakkan pemilihan rumah dan tanah oleh tiap-tiap rakyat di negeri ini; dan
- (b) apakah cara-cara lain K.W.S.P. boleh membantu pencarum-pencarum membeli harta-harta semasa mereka masih muda dan harga-harga masih murah, selain daripada peraturan sekarang yang mana membolehkan pencarum-pencarum mengeluarkan 1/3 daripada pencaruman mereka bila mencapai umur 50 tahun.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa ini telah beberapa kali ditanya di Dewan ini dan pada yang akhirnya ialah pada 12hb Julai, 1973 yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bruas. Oleh itu Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak berhajat untuk menambah lagi kepada jawapan yang telah diberikan itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana perkara ini telah beberapa kali diulang dalam Dewan ini dan sudah banyak kali diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, adakah pada pendapat Yang Berhormat Menteri atau Kerajaan bahawa perkara ini menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan orang-orang yang menyimpan wang dalam K.W.S.P. terhadap dasar yang ada sekarang ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, harus mereka yang menyimpan duit itu tidak puas hati, tetapi tujuan asal Kerajaan ialah hendak membolehkan seseorang pencarum mengeluarkan 1/3 daripada pencaruman mereka bila mencapai umur 50 tahun; ini semata-mata kerana hendak memberi menafaat kepada pihak pencarum.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kebiasaan rakyat Malaysia

Tuan Yang di-Pertua: Soal asal tidak dijawab, bagaimana hendak bertanya soal tambahan, saya tidak mengerti.

CUKAI MINYAK PETROL

2. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa Kerajaan Sarawak telah meminta supaya dinaikkan cukai-cukai minyak petrol di Sarawak, sekali pada bulan Disember 1972 dan sekali lagi dalam bulan Disember 1973;
- (b) samada beliau sedar bahawa kenaikan kenaikan cukai minyak petrol ini telah melibatkan harga pengangkutan dan harga-harga barang di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak; dan
- (c) langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan bahawa kenaikan kenaikan cukai minyak petrol ini tidak akan menyebabkan bertambahnya inflasi di Sarawak.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada satu soalan yang sama oleh Ahli Yang Berhormat daripada Serian, Sarawak pada 18hb April, 1974, hasil-hasil daripada cukai impot dan eksais atas minyak petrol di Sarawak adalah semuanya diserahkan kepada Kerajaan Negeri itu di bawah peraturan ini. Walau-kuasa itu diberi

Menteri Kewangan Persekutuan patutlah di sini bahawa kenaikan kenaikan petrol dalam tahun 1972 dan 1973 di Sarawak telah dibuat atas permintaan Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Oleh yang demikian, maka eloklah soalan-soalan ini dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk jawapannya.

Tuan Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana cukai minyak ini telah beberapa kali dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, dan kita tahu Kerajaan Pusat adalah seperti bapa dan Kerajaan Negeri seperti anak, sekiranya Kerajaan Negeri tidak mencukupi wang, Kerajaan Pusat dapat mencari wang kerana Kerajaan Pusat banyak bersahabat dengan negeri lain untuk membantu Kerajaan Negeri Sarawak dalam perkara pembangunan. Itu sebab Negeri Sarawak tiap-tiap tahun menaikkan cukai. Saya hendak tahu apakah tindakan Kerajaan supaya cukai tidak naik tiap-tiap tahun di Sarawak?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu barangkali soalan lain. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Kerajaan Pusat memang sentiasa memberi bantuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya tidak mengerti apakah sebabnya Negeri Sarawak yang mengeluarkan minyak, tetapi cukai minyak terlalu tinggi?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Itu soalan lain dan Ahli Yang Berhormat sendiri boleh fikirkan apa sebabnya.

Tuan Hussain bin Haji Solaiman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan kenaikan cukai minyak ini ialah atas permintaan Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak yang ada sekarang ini benar-benar bertanggungjawab untuk membantu negara Malaysia dan rakyat Malaysia dengan sebab itulah dia minta supaya cukai?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Pada hemat saya, begitulah, Tuan Yang di-Pertua.

HARGA SIMEN

3. Dr S. Seevaratnam (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada memandangkan kenaikan harga simen tindakan akan diambil bagi menambah pengeluarannya oleh kilang-kilang yang masih berjalan sekarang dan mengharamkan pengekspotan simen.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang serupa telah diberikan dengan panjang lebar di Dewan ini pada 23hb April, 1974. Oleh yang saya tidak apa-apa lagi yang hendak ditambah.

Berhubung dengan soalan samada pengharaman ke atas pengekspotan simen telah dikenakan, Kerajaan telahpun mengharamkan pengekspotan simen daripada Semenanjung Malaysia mulai daripada 11hb November, 1971.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam masalah pengharaman ekspot simen ini, saya hendak tahu daripada Kerajaan adakah Kerajaan sedia menggalakkan pemodal-pemodal asing supaya menambah kilang simen lagi dalam negeri ini?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada 23hb April, 1974 itu telah menghuraikan tambahan pengeluaran kilang-kilang simen yang ada sekarang dan juga tambahan kilang simen yang akan diadakan di Semenanjung Malaysia dan juga di Sarawak.

KUIZ PERPADUAN

4. Tuan Latip bin Haji Dris (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan samada Kementerian beliau bercadang mempelawa peserta-peserta dari Sabah dan Sarawak menyertai rancangan "Kuiz Perpaduan" yang diselenggarakan oleh T.V. Malaysia, memandangkan bahawa penyertaan adalah terhad kepada mereka yang berada di Semenanjung Malaysia; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Kuiz Perpaduan adalah diselenggarakan oleh T.V. Malaysia dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara.

Peserta-peserta dalam rancangan tersebut adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Kelas Perpaduan Rakyat yang mewakili negeri masing-masing. Pada masa ini rancangan Kelas Perpaduan Rakyat sedang dilaksanakan dalam 12 buah Negeri kecuali

di Negeri Sabah. Kementerian saya telah menulis kepada Kerajaan Negeri Sabah dan telah mengadakan perbincangan-perbincangan dan adalah diharapkan kelas-kelas tidak lama lagi akan juga dibuka di Negeri Sabah. Tiadanya peserta-peserta dari Negeri Sabah adalah disebabkan tiadanya Kelas-kelas Perpaduan Rakyat dijalankan di sana. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pertandingan akhir Kuiz Perpaduan yang diadakan pada tahun ini, Negeri Sarawak telah mengambil bahagian dan berjaya menjadi Naib Johan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara bersetuju dengan Kuiz Perpaduan di dalam T.V. Malaysia itu?

Tun V. T. Sambanthan: Bagaimana saya tidak menyokong Kuiz Perpaduan ini! Kalau saya tidak menyokong Kuiz ini tidak boleh dijalankan.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri menyokong Kuiz Perpaduan yang dijalankan oleh T.V. Malaysia. Soalan saya ialah apa maksud Kuiz Perpaduan yang diadakan dalam T.V. Malaysia itu?

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia dan menarik minat Pelajar-pelajar K.P.R. khususnya dan rakyat Malaysia amnya mengetahui pengetahuan am tentang negaranya dan dunia luar.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan Tambahan. Kita selalu mendengar iaitu perpaduan negara sangat penting untuk negara seperti Malaysia kita. Bolehkah Yang Berhormat beritahu atau menjelaskan kepada Dewan ini apakah langkah-langkah yang telahpun diambil oleh Kementerian beliau untuk merapatkan berbagai-bagai kaum dalam negara kita.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

KEADAAN KESELAMATAN NEGARA

5. Tuan Su Liang Yu bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan keadaan keselamatan di seluruh negeri

Malaysia terutamanya dalam Negeri Perak, Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, keadaan keselamatan di Sabah tidak timbul, dan bagi seluruh negara pula keadaan keselamatan adalah terkawal.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan keselamatan Negeri Perak tidak berapa lama dahulu Pasukan Keselamatan berjumpa mayat lima orang komunis yang mati kelaparan (starve to death). Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sedikit berkenaan dengan hal itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis.

PEGAWAI-PEGAWAI IKTISAS— KEKURANGAN

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan bilangan kekurangan pegawai-pegawai yang mempunyai latihan iktisas dan berkebolehan bagi Kementerian beliau, dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut kehendak-kehendak jabatan, dan jelaskan apakah tindakan yang Kementerian beliau sedang ambil untuk mengatasi kekurangan pegawai-pegawai ini.

Setiausaha Parlimen kepada Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, kekurangan Pegawai-pegawai iktisas yang terlatih dan berkebolehan di bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan pada akhir bulan Mac, 1974, mengikut Jabatan-jabatan adalah seperti berikut:

Ibu Pejabat Kementerian: 7 jawatan dari perbekalan bagi 35 jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas.

Bahagian Pertanian: 31 jawatan dari perbekalan bagi 162 jawatan di dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas.

Bahagian Parit dan Taliair: 86 jawatan dari bekalan bagi 223 jawatan di dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas.

Bahagian Perkhidmatan Haiwan: 42 jawatan dari perbekalan bagi 98 jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas.

Bahagian Perikanan: 15 jawatan dari perbekala bagi 58 jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas.

Bahagian Kajiteknik Makanan: 11 jawatan dari perbekala bagi 38 jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas.

Bagi mengatasi masalah ini Kementerian ini akan mengharapka kepada peruntukan biasiswa Persekutuan tahunan. Bantuan-bantuan biasiswa juga diperolehi dari Kerajaan-kerajaan Negeri dan Rancangan Colombo untuk Kursus Latihan Ijazah Peringkat Asas. Kelulusan telah juga diperolehi bagi Kementerian ini mengiklankan jawatan-jawatan yang kosong untuk menjalankan pengambilan calon-calon yang bukan warganegara dengan cara kontrak perkhidmata.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya minta penjelasan berkenaan dengan soalan ini. Saya tidak berapa dengar dan kurang faham berapa orang pegawai-pegawai di Kementerian Pertanian dan Perikanan yang tidak cukup?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan satu persatu. Kalau dia kurang dengar, sila lihat dalam *Hansard*.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, di negara kita pegawai-pegawai di Pejabat Perikanan kurang, itu sebab di Port Weld dan kawasan lain selalu berlaku pergaduhan di antara pukat tunda dengan orang yang menangkap ikan tepi laut (inshore fisherman). Oleh sebab itu, saya hendak berta ya apa sebabnya tidak boleh dilantik bekas-bekas asykar atau pun polis menjadi pegawai-pegawai dalam Pejabat Perikanan.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak payah melantik tentera atau pun asykar bagi mengatasi masalah perang ini. Jika sekiranya ada timbul kejadian pergaduhan dengan sendirinya Kementerian ini telah mendapat kerjasama dengan begitu baik dan begitu rapat daripada pihak polis dan daripada pihak asykar bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Adakah Setiausaha Parlimen sedar di dalam pergaduhan di kawasan itu selalu bot-bot ronda dan bot-bot

laju yang dipunyai oleh Kerajaan selalu rosak dan tidak boleh meronda?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, ada, tetapi kebanyakan kita boleh kerana bot kita tidak semua rosak, satu dua mestilah ada yang rosak. Tetapi bukanlah bila ada pergaduhan bot itu rosak; itu tidak benar.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Dari perangkaan yang diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, pegawai-pegawai dalam Bahagian Parit dan Taliair 86 daripada 223 di Ibu Pejabat sendiri 7 daripada 35, di Kaji Teknik Makanan, 11 daripada 38. Kepada saya perkara-perkara ini sangat penting. Saya ingin mendapat penjelasan berapa lama lagi boleh mencapai sekurang-kurangnya separuh daripada target yang ada di dalam anggaran kita?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, suka memberi penjelasan kepada Yang Berhormat itu. Yang pertama sekali kita mengharapkan penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa yang sedang menuntut pada hari ini. Pada tahun 1973 Bahagian Perikanan kita telah mengeluarkan 10 biasiswa dan tahun 1974, 5 biasiswa dan Bahagian Haiwan, tahun 1973, 79 biasiswa dan tahun 1974, 58 biasiswa. Bahagian Kajiteknik Makanan agak kurang sedikit, tahun 1973, 2 dan tahun 1974, 1. Bahagian Parit dan Taliair, tahun 1973 kita mengeluarkan 79 biasiswa dan Bahagian Pertanian tahun 1973 kita keluarkan 16 biasiswa dan tahun 1974 sebanyak 17 biasiswa. Kita berharap apabila penuntut-penuntut ini tamat daripada pengajiannya akan dapat berkhidmat kepada Kementerian ini.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Oleh kerana dalam Bahagian Kajian Teknik ini "satu" tahun, 1973 dan "dua" tahun, 1974 yang kita kehendaki ialah 38. Kalau dapat baru jadi 13. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi pengakuan dalam Dewan ini bahawa 4 tahun lagi pun kedudukan Kajian Teknik ini menghadapi kelumpuhan?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Dalam soal ini, saya suka menarik perhatian kepada Ahli Yang Berhormat

ini bahawa Kementerian ini telahpun menerima kelulusan untuk memperolehi dan mengiklankan jawatan-jawatan yang kosong untuk menjalankan pengambilan calon-calon yang bukan warganegara dengan secara kontrek. Boleh jadi kita akan mengiklankan mengambil daripada luar negeri secara kontrek berkhidmat dalam Bahagian Kaji Teknik ini.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada cadangan hendak mengambil pegawai-pegawai dalam Bahagian Kajian Teknik dari luar negeri, adakah pihak Malaysia bercadang hendak mengambil dari Thailand kerana kalau kita nampak sekarang ini pihak Bahagian Kaji Teknik daripada Thailand lebih pakar daripada kita yang ada di sini—benda masam boleh jadi manis di sana.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Perkara ini diambil perhatian.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen menyatakan untuk mengatasi kekurangan pegawai-pegawai yang tertentu, Menteriannya akan mengambil pegawai-pegawai secara kontrek daripada luar negeri. Bukankah lebih sesuai jika Menteriannya memberi lebih biasiswa untuk melatih penuntut-penuntut warganegara kita supaya kita boleh memberi kerja kepada warganegara kita dan kerja warganegara kita pun lebih baik kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai asing?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Wakil dari Batu, sebab yang pertama sekali Kementerian ini adalah bergantung kepada biasiswa yang telah dikeluarkan. Kerajaan tidak mengadakan biasiswa dalam bidang-bidang ini. Apa yang kekurangan pada masa ini ialah calon-calon yang mempunyai kelayakan untuk mengambil jurusan-jurusan yang tertentu di dalam jurusan-jurusan ini. Ini yang menjadi masaalah. Kalau sekiranya kita cukup calon-calon seberapa banyak kita ingin mengisi daripada warganegara negara sendiri untuk diutamakan. Itulah sebabnya kalau sekiranya kita terpaksa mengambil daripada bukan warganegara sekali pun adalah secara kontrek sahaja, bukan sebagai pegawai yang tetap.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Oleh kerana kekurangan calon-calon dan bukan kekurangan biasiswa yang mencukupi syarat, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa untuk semata-mata mengatasi perkara ini dikurangkan sedikit syarat-syarat yang sangat ketat itu?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ini luar daripada kuasa Kementerian ini. Sebab ini adalah di bawah kuasa Universiti yang berkenaan untuk melatih orang-orang yang akan menjadi pegawai-pegawai khas.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Oleh sebab universiti masing-masing di tanahair kita sekarang masih memilih mahasiswa-mahasiswa, bolehkah Menteriannya berhubung dengan Universiti-universiti kita khasnya Universiti Malaya, supaya kita boleh siasat adakah mahasiswa-mahasiswa yang mencukupi supaya Menteriannya boleh menawarkan biasiswa dan selepas mereka lulus daripada universiti mereka boleh berkhidmat dengan Menteriannya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ini dijalankan oleh Kementerian yang selama ini mendapat calon-calon untuk berkhidmat dalam Kementerian.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sekarang ada banyak rancangan-rancangan di luar bandar, ini adalah satu perkembangan yang sesuai sekali dan nampaknya banyak hutan-hutan, pokok-pokok telah dipotong, saya bimbang sedikit oleh sebab pada masa akan datang kita tidak menanam pokok-pokok baharu. Dan saya hendak bertanya kepada Menteri, adakah Kerajaan mempunyai pakar-pakar forestry yang bijak science of silviculture untuk menanam pokok-pokok yang baru untuk mengekalkan hutan-hutan di Malaysia?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tidak dapat menjawab soalan ini, kerana keluar daripada soalan asal.

TANAH SIMPANAN MELAYU

7. **Dr Chu Chee Peng** bertanya kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas samada FELDA telah memajukan sebarang rancangan atas tanah simpanan Melayu dan jika ya, berapa jumlah ekar tanah yang telah dimajukan sehingga Disember, 1973.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di-Pertua, FELDA telah memajukan beberapa buah rancangan yang termasuk dalam Kawasan Simpanan Melayu. Daripada 660,000 ekar tanah yang telah dimajukan 120,212 ekar daripadanya adalah dalam Kawasan Simpanan Melayu, iaitu di Negeri-negeri Johor, 30,115 ekar; Perak 13,970 ekar; Negeri Sembilan 16,490 ekar; Pahang 59,637 ekar. Jumlahnya 120,212 ekar.

LUCUTKAN TARAF KEWARGANEGARAAN

8. **Penghulu Abit anak Angkin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada dasar Kerajaan terhadap orang-orang bukan warganegara Malaysia yang telah diberi kewarganegaraan tetapi selepas itu melakukan kesalahan berat dan samada kewarganegaraan mereka boleh dibatalkan dan mereka diusir dari Malaysia.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Perkara 25 (1) (c) Perlembagaan, Kerajaan boleh melucutkan taraf kewarganegaraan seseorang warganegara Malaysia yang melakukan kesalahan berat.
- (b) Kerajaan berhak mengusir sesiapa jua dari Malaysia melainkan orang-orang itu warganegara Malaysia ataupun orang-orang yang dikecualikan di bawah undang-undang.

TUNJUK PERASAAN DI BANGUNAN PARLIMEN

9. **Tuan Ng Hoe Hun** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi penjelasan mengapa lebih kurang 50 orang perempuan mengadakan tunjuk perasaan berhampiran dengan Bangunan Parlimen dalam bulan Januari, 1974.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diketahui ialah tunjuk perasaan yang diadakan oleh 50 orang di hadapan Bangunan Parlimen pada 17hb Januari, 1974 itu adalah haram, kerana perhimpunan itu dilakukan tanpa kebenaran Polis. Oleh kerana mereka tidak meminta kebenaran untuk berkumpul tidaklah saya tahu sebab kenapa mereka berkelakuan begitu. Tetapi mereka ada membawa sepanduk berbunyi "Demokrasi telah mati" seolah-olahnya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sudah hilang semuanya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah maksud tunjuk perasaan dekat Bangunan Parlimen itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang sekali lagi.

Tuan Ng Hoe Hun: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar tunjuk perasaan tak lama dahulu ialah disebabkan adik-beradik mereka. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tadi ditanya apa maksud. Maksud itu belum mendapat jawapan, Timbalan Menteri minta ulang sekali lagi apa soalnya?

Tuan Ng Hoe Hun: Itulah soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, (*Ketawa*). Saya hendak memberi penjelasan terlebih dahulu. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu, saya beri jawapan dan soal tambahan pula (*Ketawa*). Maksud tunjuk perasaan itu ialah disebabkan adik-beradik mereka sudah ditahan di Batu Gajah dan telah mengadakan mogok lapar, sebab itu tunjuk perasaan diadakan—sedar atau tidak?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, jawapan di atas soalan itu telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Dewan ini baharu-baharu ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan tunjuk perasaan itu haram oleh sebab mereka yang mengambil bahagian tidak mendapat permit ataupun kebenaran daripada pihak polis. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri

yang berkenaan menjelaskan bahawa adakah pihak polis di masa yang lalu memberi permit atau kebenaran kepada sesiapa pun untuk mengadakan tunjuk perasaan?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan jawapannya, saya tidak dapat jawab dalam Dewan ini kerana harus notis.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan samada benar bahawa antara persetujuan yang dicapai pihak di antara pihak berkuasa dengan orang-orang tahanan yang mengikatkan tunjuk perasaan ini, untuk memberhentikan mogok lapar ialah bahawa Kerajaan akan menarik balik charge atau summons atas 50 orang itu di Mahkamah dan jikalau benar adakah Kerajaan atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendak memenuhi persetujuan ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini, saya rasa sudah lari daripada tajuk asal soalan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana tunjuk perasaan ini berlaku dalam bulan Januari, 1974 dan ketika itu Parlimen sedang dan mengikut kata Yang Berhormat Menteri tadi ada se-
yang menunjukkan demo-
telah mati, dan jika tidak silap ingatan saya tunjuk perasaan itu berlaku selepas sehari daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka berucap di dalam Dewan ini mengenai dengan perkara orang tahanan di Batu Gajah. Adakah ini kesan-
kesan yang kurang baik daripada ucapan Ahli Yang Berhormat itu di dalam Dewan ini secara tidak bertanggungjawab menyebabkan berlaku tunjuk perasaan?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, secara sah, saya tidak tahu, tetapi semuanya ini ada kemungkinan.

Tuan Ng Hoe Hun: Kes berkenaan dengan 50 orang ini sudah diselesaikan atau belum?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya pun boleh pusing. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Kalau berpusing itu, pusing duduk sekali baguslah. (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Jikalau itu soalan lain, saya hendak tahu 50 orang ini ada di dalam kem-kem tahanan atau tidak?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, ini juga lari daripada tajuk asal.

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan lagi—tanyalah apa-apa! (*Ketawa*)

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. (*Ketawa*) Adakah yang 50 orang ini dikenakan hukuman, jika ya, berapa ringgit? (*Ketawa*)

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, itupun lari daripada tajuk asal.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana ini soalan lain? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada disebutkan di sini mengenai berapa ringgit didenda.

JALAN LUAR BANDAR DI PELAGUS/ KAPIT—BELAGA

10. Penghulu Abit anak Anghin minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada beliau akan kerja memperbaiki jalan luar di Pelagus dan kerja membuat jalan-jalan dari Kapit dalam Bahagian Ketujuh, Sarawak ke Belaga, kerana jalan ini diperlukan segera oleh orang-orang di situ dan juga kerana air terjun di Pelagus menjadi menghalang besar kepada perjalanan sungai di antara kedua-dua buah bandar ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Jalan dari Kapit ke Belaga telah tidak dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kedua. Pembinaannya mungkin akan dimulakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga bergantung kepada kajian-kajian kemungkinan yang hendak dijalankan terlebih dahulu. Demikian juga dengan mempercepatkan kerja-kerja memperbaiki jalan luar bandar di Pelagus

akan bergantung kepada kajian-kajian kemungkinan dari segi ekonomi dan kejuruteraan.

MUTU RANCANGAN RTM

11. **Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minia Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk meninggikan mutu rancangan-rancangan T.V. dan Radio sekarang untuk memuaskan pendengar-pendengar dan penuntun-penuntun berbagai kaum di negara ini.

Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas (Tengku Ahmad Rithanddeen Al-Hajj): Tuan Yang di-Pertua, adalah sentiasa menjadi dasar Kementerian ini untuk meninggikan lagi mutu rancangan-rancangan T.V. dan Radio dan beberapa tindakan telahpun diambil.

ZULKIFLI BIN ISMAIL—TAHANAN

12. **Tuan Ng Hoe Hum** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa Zulkifli bin Ismail diperintah menjalani tahanan selama 2 tahun lagi. Apakah sebab Lembaga Kajian menghendaki Zulkifli menandatangani surat mengakui kesalahannya sebelum berjumpa dengan Lembaga tersebut; sebutkan sebab-sebab Zulkifli masih dianggap sebagai mengancam keselamatan negara; apa tindakan Kerajaan akan ambil terhadap rayuan daripada Badan Pengampunan Antarabangsa berkenaan pembebasan Zulkifli.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab Encik Zulkifli bin Ismail ditahan selama 2 tahun lagi sudah pun dijawab di Dewan ini pada 18hb. April, 1974 yang lalu. Berkaitan dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat mengaikan bahawa Encik Zulkifli bin Ismail dikehendaki menandatangani surat mengakui kesalahannya sebelum berjumpa dengan Lembaga Penasihat adalah fitnah dan tidak benar sama sekali. Beliau didapati masih lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara kerana sikap asalnya semasa dia mula ditahan dahulu masih lagi belum berubah. Rayuan Pengampunan Antarabangsa seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dipertimbangkan.

Tuan Ng Hoe Hum: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapa kali Yang Berhormat Encik Zulkifli bin Ismail berjumpa dengan Lembaga Kajian pada tahun 1973?

Datuk Abdul Samada bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, itu saya tidak dapat terangkan sekarang.

Tuan Ng Hoe Hum: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Encik Zulkifli bin Ismail ditahan oleh sebab dia menyokong sepucuk surat yang dibuat oleh S. yang dihantar kepada bekas Perdana Menteri dahulu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, dan Sivasubramaniam sudah dibebaskan, tetapi orang yang menyokong surat itu masih ditahan lagi. Ini tidak ad.l. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi keterangan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah dia beri keterangan. Keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sudah cukup jelas, tidak payah diterang apa-apa lagi.

Tuan Ng Hoe Hum: Tuan Yang di-Pertua, ini evidence baharu berkenaan dengan Encik Zulkifli bin Ismail. Sebab Sivasubramaniam dan Encik Zulkifli bin Ismail ditangkap berdua sekali, dan saya menulis surat kepada bekas Perdana Menteri dahulu ialah Sivasubramaniam dan yang menyokong sahaja surat itu ialah Encik Zulkifli bin Ismail. Sivasubramaniam sudah dibebaskan dua tahun dahulu, tetapi Encik Zulkifli bin Ismail masih lagi ditahan. Saya tidak mengerti, saya minta penjelasan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, hal ini sudah jelas, dua kali sudah diterangkan dan yang akhir baharu-baharu ini pada 18hb April. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah berhajat hendak menjelaskan lebih jauh lagi.

Tuan Ng Hoe Hum: Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Encik Zulkifli bin Ismail ialah seorang warganegara Malaysia, tetapi Pengerusi Lembaga Kajian itu

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ingin lagi bertanya meminta keterangan apa-apa!

Tuan Ng Hoe Hum: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

SIJIL-SIJIL PEPERIKSAAN DI MALAYSIA

13. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Pelajaran menyatakan samada taraf sijil-sijil peperiksaan Malaysia semakin bagus atau samada ianya telah menja i satu kegagalan dalam masa tiga tahun yang lepas berdasarkan kepada keputusan-keputusan peperiksaan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah peperiksaan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tetapi suka saya menerangkan bahawa taraf sijil-sijil Peperiksaan di Malaysia adalah tinggi dan sentiasa dikekalkan.

PEMBAHAGIAN TANAH

14. Tuan Lim Cho Hock (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menerangkan peraturan dan peruntukan pembahagian tanah oleh semua Kerajaan Negeri untuk kedahagaan tanah memuaskan 450 Kampung Baru di Semenanjung Malaysia.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai dasar dan peraturan-peraturan yang tertentu untuk memberi tanah, di mana ada, kepada semua golongan rakyat yang memerlukanya termasuklah juga penduduk-penduduk kampung baru. Oleh itu soalan peraturan memberi tanah kepada kampung baru secara berasingan tidak berbangkit.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam masaalah memberi tanah kepada penduduk-penduduk di kampung baru ini menurut sepertimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, atas dasar Kerajaan tiap-tiap Negeri, adakah Kementerian ini sedar bahawa di antara cara Kerajaan-kerajaan Negeri ini memberi tanah kepada penduduk-penduduk kampung baru itu dengan cara lease 25 tahun, dengan keadaan 25 tahun ini kampung baru itu tidak oleh sebab bila mana mereka hendak mendirikan bangunan pihak bank enggan menerimanya. Adakah boleh Kementerian ini memberi nasihat kepada

Kerajaan-kerajaan Negeri itu supaya di-timbangkan balik bagi membolehkan mereka mendirikan bangunan atas tanah kepada mereka?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, jika demikian adanya maka Kementerian ini sedia menasihatkan kepada Kerajaan Negeri.

GURU-GURU SEKOLAH CHINA

15. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapakah kekurangan guru-guru sekolah China dalam tahun 1975 nanti;
- (b) bilangan Maktab-maktab Latihan Guru-guru China di Semenanjung Malaysia; dan
- (c) apakah dasar Kerajaan sekarang berkenaan dengan perlantikan guru-guru bahasa China dari Universiti Taiwan dan Nanyang.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Anggaran adalah 1,128.
- (b) Tidak ada Maktab Perguruan yang khas bagi melatih guru-guru Sekolah China. Tetapi Maktab-maktab Perguruan yang ada pada hari ini ada melatih guru-guru untuk mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China).
- (c) Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang tersebut, boleh membuat permohonan berikutan dengan iklan-iklan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan soalan (a), Yang Berhormat Menteri menjawab ada serama 1,128 orang guru yang tidak cukup, apakah rancangan Kementerian Pelajaran sekarang hendak menambah kekurangan guru-guru ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya saya telah buat dalam Persidangan ini beberapa kali di minggu yang sudah berkenaan dengan apakah tindakan Kementerian Pelajaran telah ambil. Saya tidak lagi hendak menambah apa-apa.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan, kenapa semenjak tahun 1971 untuk selama 4 tahun Maktab-maktab Latihan Guru-guru tidak melatih seorang guru pun untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan angka-angka itu diberi oleh Yang Berhormat Menteri dalam Jawapan Bertulis di Persidangan baru ini bahawa untuk 4 tahun Maktab-maktab Latihan Guru-guru tidak melatih seorang pun, dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu penjelasan adakah itu satu dasar baru Kerajaan?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya minta Yang Berhormat terangkan yang mana satu dasar baru Kerajaan?

Tuan Lim Kit Siang: Untuk melatih guru-guru sekolah-sekolah.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan dasar baru, cuma pada masa itu ialah guru-guru ini di bawah satu scheme gaji yang dinamakan U.T.S. (Unified Teachers Scheme); semua sekolah-sekolah mengambil guru-guru masing-masing. Pada masa itu selepas sahaja masuk Scheme Aziz, barulah Kementerian mengambil alih semua pentadbiran guru-guru ini, maka barulah didapati kekurangan guru-guru ini dan pada masa ini kita memperbaiki dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Pada tahun 1971 Kementerian Pelajaran ada melatih guru-guru daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China), tetapi pada tahun 1971 sampai sekarang latihan itu diberhentikan dan soalan saya, adakah Kementerian Pelajaran sekarang mahu melatih lagi guru-guru untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) oleh kerana jikalau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) tidak ada guru-guru yang terlatih tentulah di masa hadapan tidak ada guru-guru yang boleh mengajar di sekolah-sekolah yang sebegitu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedang melatih guru-guru untuk mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (China) pada hari ini dan pada masa sekarang.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Oleh sebab pada tahun yang akan datang (tahun 1975) Kementerian yang berkenaan

menyatakan kekurangan guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan (China) sebanyak 1,128 orang, bolehkah Menteri yang berkenaan menimbangkan untuk mengatasi masalah ini Kementeriannya boleh mengadakan Maktab Perguruan untuk guru-guru yang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) sahaja?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada cadangan untuk mengadakan Maktab Perguruan Khas bagi mengeluarkan guru-guru untuk mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (China), tetapi Maktab Perguruan yang ada sekarang dan yang akan dibina pada masa akan datang akan menambahkan lagi latihan untuk guru-guru ataupun menambahkan guru-guru pelatih bagi Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (China). Bagi makluman Ahli Yang Berhormat iaitu kekurangan seramai 1,128 orang ini bukanlah bermakna tidak ada guru langsung. Guru-guru sementara diambil untuk mengajar di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (China) dan juga bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu kekurangan guru ini bukan sahaja kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (China) bahkan juga kepada semua Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris) dan juga di Sekolah Kebangsaan sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Barangkali Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak tahu mengenai angka-angka pada tahun 1971 dan 1973, tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan yang tegas di Dewan ini bahawa tentulah pada tahun ini dan di masa yang ke hadapan dan untuk Maktab-maktab Latihan Guru-guru tentu akan melatih guru-guru daripada Sekolah Jenis Kebangsaan (China)?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya sudah katakan, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini pada tahun ini berapa guru-guru yang berkenaan hendak dilatih?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka hari ini, tetapi saya sudah jawab pada minggu yang sudah ataupun pada hari yang lepas.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Guru Bahasa China dari Universiti Taiwan dan Universiti Nanyang,

apa sebabnya apabila mereka membuat permohonan kepada Kementerian Pelajaran mereka tidak dipanggil interview?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat ini tidak mengetahui undang-undang Kerajaan dan Perlembagaan, Yang Berhormat itu tidak mengetahui. Perkhidmatan Pelajaran adalah dikelolakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bukan oleh Kementerian Pelajaran—pengambilan guru-guru adalah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan dengan seberapa jelasnya dalam Dewan ini bahawa di dalam Malaysia kita ini mempunyai dua jenis sekolah sahaja iaitu satu Sekolah Kebangsaan dan satu lagi Sekolah Jenis Kebangsaan, samada Jenis Kebangsaan (Inggeris), (China) atau (Tamil). Jadi mana-mana guru yang dilatih untuk berkhidmat menjadi guru dia berhak boleh mengajar samada di Sekolah Kebangsaan ataupun Jenis Kebangsaan dan kalau ini menjadi matlamat Kerajaan maka tidaklah timbul seperti apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka tadi. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi pengakuan seperti itu dalam Dewan ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, cuba Ahli Yang Berhormat itu bertanya sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba, saya pun tak faham, pertanyaan itu berpusing-pusing.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penerangan supaya jelas di dalam Dewan ini bahawa mengikut dasar pelajaran kita yang ada sekarang, kita mempunyai dua jenis sekolah sahaja, pertamanya Sekolah Kebangsaan dan satu lagi Sekolah Jenis Kebangsaan dan jenis kebangsaan itu terdiri daripada Jenis Kebangsaan Inggeris, China dan Tamil. Usaha Kerajaan menambah guru-guru untuk mengajar di Sekolah-sekolah Kebangsaan dan jenis kebangsaan itu sedang dibuat. Jadi masaalah kekurangan ini tidaklah lagi timbul seperti yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka tadi kalau dia faham sistem pela-

jaran yang ada sekarang ini. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju seperti itu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain, tetapi bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu maktab-maktab perguruan kita mengeluarkan guru-guru yang terlatih, ada setengahnya terlatih untuk mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan China, ada setengahnya untuk mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, dan ada setengahnya pula mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris yang sama dengan Sekolah Kebangsaan pada hari ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan guru-guru China dan sekim Aziz, berapa ramai guru-guru yang sudah memohon masuk Sekim itu dan berapa yang sudah di-luluskan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Lee Seck Fun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapat tahu ramai penuntut-penuntut yang lulus MCE di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (China) mendapat kredit dalam matapelajaran China sungguhpun mereka tidak dapat kredit Bahasa Malaysia, Kementerian Pelajaran telah mengambil mereka berlatih menjadi guru sebab mereka dapat kredit dalam bahasa China. Adakah betul perkara itu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Betul, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, pendek kata guru-guru China, guru-guru Tamil itu, dasar Kerajaan akan sentiasa melatih atau memberi kursus perguruan kepada Sekolah China, Sekolah Tamil dan Inggeris. Betulkah begitu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu memang betul.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SENJATAPI (PENALTI LEBIH BERAT) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang

Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (2hb Mei, 1974).

Perbahasan disambung semula.

3.25 ptg.

Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyatakan betapa banyaknya senjata-senjata bertaburan dalam tanahair kita ini dan menerusi akhbar, talivisyen dan radio kita dapat penerangan mengatakan orang-orang yang memakai senjatapi kerana merompak dan menyamun, menjadi-jadi sekarang. Jadi jelas saya kata perkara ini terjadi tiap-tiap hari. Saya bukan seorang ahli nujum, tetapi sudah ada bukti yang terang dan nyata bahawa cakap saya ini betul, dan saya minta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua membaca apa yang terjadi hari ini: "Police detained two in hotel and seized four guns: City Police detained two suspected robbers and seized four pistols this morning. They also seized 136 rounds of ammunitions and a pair of handcuffs." Sehingga gari pun sudah ada pada mereka itu. Selalunya Polis yang memakai gari, sekarang orang-orang jahat pula hendak menggari pihak Polis. Saya sungguh-sungguh berterima kasih kepada pihak Polis, terutama sekali D.S.P. Kulasingam. These seized guns and ammunitions are shown here.

Saya telahpun menyatakan banyak juga senjata-senjata telah dilesenkan. Sudah menjadi kebesaran kepada setengah-setengah orang kerana mempunyai senapang pendek, senapang panjang dan sebagainya, senapang pendek tiptakai pada waktu malam dan yang panjang pada tengah hari. Jadi, saya rasa ini tak baik kepada negara kita. Saya mengesyorkan di sini, kalau orang-orang yang hendak berlagak demikian rupa kita mesti ada jalan menahan perkara demikian. Orang-orang yang berlagak hendak memegang senjata banyak, lebih daripada satu dalam sebuah rumah, saya syorkan kepada Kerajaan supaya melesenkan iaitu sekurang-kurangnya \$100 kepada satu senapang yang lebih dalam sesebuah rumah. Saya harap juga kalau umpamanya Ahli-ahli Parlimen mempunyai senjata dan jarang-jarang senjata ini dipakai, kadang-kadang bertahun tidak menembak satu pelurupun, Oleh kerana memikirkan banyak senjata dalam negara kita ini, kita patut kutip semula, dan Yang Berhormat Ahli-ahli

Parlimen pun seperti saya katakan tadi ada mempunyai senapang pendek, dan ada senjata panjang.

Di masa Jepun dahulu senapang telah ditaburkan dengan banyaknya oleh pihak tentera British, dan kita dapati waktu itu peperangan dengan tentera Jepun senang sahaja kita boleh hapuskan, tetapi peperangan bersamaan dengan kita, oleh sebab terlampau banyak senjata dalam tanahair kita ini akan berpanjang-panjang. Maka sekarang sudah jelas iaitu Jepun kita telah tewaskan dengan senang sahaja dalam masa tiga tahun lebih, tetapi peperangan dengan sama sendiri secara guerilla, secara kominis berpanjang-panjang, tambahan pula sekarang dengan orang-orang jahat banyak memakai senjatapi. Saya berpendapat, orang-orang yang memakai senjatapi ini seolah-olah seperti mata putih dengan mata hitam. Orang yang mata putih dan mata hitam itu malangnya orang-orang ini pada satu hari kelak boleh jadi perompak, penyamun dan mungkin boleh berjabat tangan dengan pihak kominis. Alangkah dukacitanya kita sekalian memikirkan kedudukan ini kalau sekiranya orang-orang ini mengambil langkah bercampur-gaul dengan pihak kominis, yang angkanya makin sehari makin kuat.

Tiap-tiap satu senjata yang kita hendak dapati kembali daripada pihak orang jahat ini bukan senang, seolah-olah hendak "hunting a needle in a haystack". Kenapa pihak Polis dan juga Kerajaan, saya juga cukup simpati dengan pihak Polis ini yang bekerja kebanyakannya 24 jam. Gaji mereka itu kecil. Umpamanya, A.S.P. mulai \$700, seseorang yang hendak masuk jadi M.C.S. pun \$700 tetapi bagi A.S.P. hendak meningkat gaji sampai \$1,800 memakan masa 21 tahun, kalau M.C.S. cuma 16 tahun sahaja. Inilah saya dengar rungutan di luar Dewan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa ada bersangkut-paut gaji dengan senjatapi ini?

Datuk Tajudin bin Ali: Gaji dengan senjata ialah bagi orang-orang yang bekerja keras, tetapi timbang rasa daripada pihak Kerajaan kurang sedikit oleh sebab mereka bekerja begitu keras siang dan malam, bukan sahaja pegawai-pegawainya bahkan ahli-ahli biasa.

Saya syorkan perkara itu kepada Kerajaan oleh sebab mereka memberikan khidmat yang cemerlang bagi keselamatan kita sekalian. Maka eloklah gaji-gaji itu difikirkan semula dan lain-lain kemudahan, umpamanya rumah dan sebagainya pun hendaklah diberi lebih baik lagi.

Kita lihat macammana pihak polis hendak menyerang orang-orang jahat ini, kadangkala pihak polis kita memakai senjata yang sudah lama sangat (obsolete), senjata tahun 1914 dan bila hendak memburu kominis terpaksa menggunakan Land Rover yang bising bunyinya. Vehicles war surplus hendak pakai kerana hendak mengejar pengganas-pengganas. Pada hari ini kita dengar mereka pakai motokar Mercedes dan Alfa Romeo. Saya syorkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kita supaya pada setengah-setengah pusat itu buangkanlah Land Rover yang buruk gantikan dengan Alfa Romeo. Dengan jalan ini gaji yang lebih baik, rumah yang lebih baik, senjata yang lebih moden dan juga motokar Alfa Romeo dan Mercedes yang berkilat-kilat maka moral pihak polis akan naik dan kita boleh serang orang-orang yang menyamun dengan lebih senang dan lebih berjaya lagi.

Kalau saya tidak silap kebanyakan daripada senjata-senjata ini diseludup menyeberangi sempadan kita daripada Laos, Burma, Thailand dan sebagainya ke tanahair kita. Oleh sebab kita bersaudara baik, berpakat baik dengan negara-negara ini, saya rasa pihak berkuasa Kerajaan kita moleklah berfikir dan berpakat dengan negara ini supaya jangan pula kita hendak campur hal ehwal pentadbiran mereka itu bahkan kita berpakat supaya mereka itupun, jangan biarkan senjata masuk berluaslusan di negara mereka itu sudah menjadi cabaran yang hebat kepada security negara kita.

Keseluruhan Rang Undang-undang ini saya adalah berpuas hati, tetapi saya tegur sedikit-sebanyak, umpamanya, saya minta kebenaran membaca huraian seksyen baru 7 yang berbunyi:

“7. (1) (a) bunuh; atau

(b) penjara seumur hidup dan juga dihukum sebat tidak kurang daripada enam kali.”

Saya berfikir orang-orang yang memegang senjata sudah tentu hajat (motif) hendak

membunuh orang. Apakah sebabnya kita benarkan lagi penjara seumur hidup? Yang Berhormat Peguam Negara telah menerangkan kalau ada maklumat-maklumat daripada orang ramai mengatakan orang ini bawa senjata dan apabila dikeluarkan daripada tahanan nanti dia akan cari orang ini, tetapi dia hendak jelkan kali ini sampai seumur hidup. Inilah yang saya kurang puas hati. Kerajaan kita ini kadang-kadang lembut sangat. Kalau ingat hendak jel seumur hidup menyusahkan orang ramai, mengapa tidak ditamatkan riwayatnya begitu sahaja. Saya fikir, kalau jenayah ini berluas-luasan, maka seksyen yang sedemikian itu akan dihapuskan tidak lama lagi. Kalau tidak lama lagi hendak dibuat mengapa tidak dibuat sekarang—itu soalnya.

Saya nampak kadang-kadang orang yang ditangkap kerana membawa senjata cuba hendak membunuh orang ramai menakutkan orang ramai pula. Bila mereka itu diseret ke mahkamah kononnya ada pula orang-orang yang hendak menjadi jaguh (champion) kepada orang-orang ini. Kononnya, Kerajaan menyuruh pula assign satu lawyer suruh fight out a case in court. Apa faedahnya? Kalau dia beritahu hendak membunuh orang pergi dalam court berjumpa dengan hakimnya, di situlah dibicarakan terus-terang. Buat apa ditugaskan kepada peguam lagi hendak bicara kes yang cukup terang hendak membunuh orang ramai. Ini membuang masa dan membuang wang rakyat sahaja. Saya harap lain kali assignment itu diberhentikan.

Tidak syak lagi, apabila kita luluskan Rang Undang-undang ini orang-orang jahat ini memang bijak. Kalau tidak boleh senjata ini dibawa dan hukuman yang begini berat dihukum mati bukan senang. Seumur hidup kita mati sekali sahaja. Maka mereka akan mencari jalan lain pula, barangkali sudah tentu digunakan pisau yang tajam dan sebagainya. Saya ingat sekali lagi akan dibawa ke Dewan ini Rang Undang-undang ini supaya dipinda pula. Saya harap Peguam Negara yang bijaksana fikirkan perkara ini dan dibuatkan suatu undang-undang once and for all.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita apabila melawati negeri China Kominis perkara membunuh, membawa senjata sampaikan membawa senjata tajam pun

tidak ada. Saya telah huraikan dengan jelas dan cukup mendalam iaitu pergaduhan ini adalah disebabkan ada perkara rebutan iaitu senjata pun banyak dan orang-orang pun banyak, moralnya rendah, cara keugamaan kurang, maka dadah dan ganja banyak. Oleh sebab itulah orang-orang ini membawa senjata untuk merompak dan menyamun. Saya harap perkara ini diperhatikan oleh pihak atasan supaya perkara yang elok dijalankan seperti di Negeri China Kominis, boleh jadi sedikit-sebanyak yang mana baik kita ikuti iaitu pergaduhan tidak ada, bawa senjata tidak ada dan juga merompak dan menyamun pun tidak ada. Kalau kita fikir dan halusi undang-undang ini tidak berapa keras juga iaitu hendak menakutkan orang supaya takut sedikit, tetapi orang jahat mesti cari jalan. Contohnya, masa Jepun dahulu kita lihat seseorang yang buat jahat dipotong kepala dan diletakkan di tepi jalan supaya semua orang boleh lihat. Di masa ini juga di negara Arab begitu juga mereka buat. Orang jahat dipotong kepala dan diletakkan di tepi jalan. Orang kata kejam, tidak baik, tetapi perkara itu memang ada baiknya. Apa negara lain kata, itu soal lain. Apa yang patut kita jalankan ialah kita mesti ambil satu jalan pendek bagi mengatasi satu-satu jenayah yang menjadi-jadi dalam negara kita ini. Saya rasa kalau kita potong 3-4 kepala dan diletakkan di tepi jalan perkara ini mesti berkurangan.

Saya mendengar cerita juga di luar Dewan, boleh jadi benar dan boleh jadi tidak benar bahawa merompak cara memakai senjatanya ini adalah suatu kind of business. Kita lihat orang merompak sampai setengah juta ringgit itu mustahil hanya dua tiga orang boleh menggunakan kesemuanya duit itu, iaitu rompak cara wang ataupun barang-barang kemas. Saya dengar duit ini dikumpulkan di mana dengan duit yang begitu banyak mereka membeli harta dan mengambil insuran. Apabila kena jel, kena hukum bunuh dan sebagainya, maka hasil-hasil daripada perniagaan itu diberi kepada anak, diberi kepada isteri supaya anak itu dapat pengajian dan sebagainya. Cakap-cakap orang barangkali tidak betul, dan boleh jadi betul. Saya harap pihak yang berkuasa akan memerhatikan di atas perkara ini. Kadang-kadang kita lihat sebuah rumah

mencakar langit sudah dapat bertukar tangan kepada orang yang langsung kita tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kita membuat satu siasatan berkenaan dengan filem sex, maka perkara jenayah yang kita tidak ingini iaitu rogol dan sebagainya sudah menjadi berkurangan, sebab jenayah itu berlaku berluas-luasan seketika dahulu, tidak lain dan tidak bukan kerana ada orang-orang yang meniru perkara ini daripada filem wayang gambar, talivisyen dan sebagainya. Itu sudahpun menjadi contoh dan tauladan kepada kita. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan iaitu oleh sebab setengah-setengah rompak yang sangat-sangat ngeri itu semuanya mereka tiru daripada gambar-gambar yang mereka dapati di wayang-wayang gambar. Memikirkan oleh sebab kita sudah mengambil langkah yang cukup baik iaitu kita tegah filem sex dan sebagainya daripada ditayangkan dalam negara kita ini, maka dengan jalan itu kes-kes yang tidak diingin boleh dikatakan habis. Maka saya mendatangkan syor yang tegas di sini iaitu filem-filem yang berjodol ganja, peperangan, menyamun dan sebagainya kita tegah sama sekali daripada ditunjukkan di panggung-panggung wayang gambar kita di seluruh tanahair. Maka sedikit sebanyak saya rasa dapat mengatasi jenayah yang begitu ngeri.

Akhirnya, saya suka juga hendak mendatangkan satu syor kepada Kerajaan dan sekarang pun ada dalam Bil ini iaitu orang-orang jahat ini bukan sahaja dihukum bunuh dan yang ada dihukum penjara itu dihukum sebat. Cukup bagus hukuman ini, saya katakan syabas kepada Yang Berhormat Peguam Negara kerana kita dapat contoh tauladan daripada sekolah-sekolah: spare the rod and spoil the child. Begini jugalah orang-orang jahat yang ada di tanahair kita ini, we have got to use more rods in order to save them.

Jadi, selain daripada saya meminta maaf kepada yang bijak pandai hakim-hakim kita, ini ialah syor saya sendiri.

Selain daripada hukuman-hukuman yang dijatuhkan di mahkamah, saya juga mendatangkan syor iaitu hukuman canning patut juga kita beri kepada pihak Commissioner of Prisons dan juga barangkali kepada Menteri yang berkenaan kerana kita tengok orang-orang ini apabila sampai dalam penjara kelak langsung tidak berubah perangainya. Kita hendak bawa ke

mahkamah tidak boleh lagi. Selain daripada kita we resort to a second thought, beri kuasa itu kepada Pesuruhjaya Penjara dan sebagainya menggunakan caning itu dan saya telah menyatakan terlebih dahulu begitu iaitu spare the road and spoil the child. Orang-orang jahat ini juga jarang-jarang, apabila mereka sudah bertukar hati hendak memakai senjata yang begini tajam hendak membunuh saudara mara mereka itu, kalau dibuat apa sekali pun their course cannot be corrected. They are already spoiled children, spoiled people and spoiled citizens. The only answer is that we have got to finish them. Macam mana berat hati hendak menyatakan saya terpaksa menyatakan perkara ini demi untuk kebaikan negara dan tanahair.

The licensing authority berkenaan senjata-senjata ini pun patut mengkaji semula. Masa dahulu OCPD dan sebagainya dapat mengeluarkan lesen. Saya tidak katakan ada abuse tetapi tidak berapa sedap oleh sebab lesen itu dapat senang di keluarkan oleh OCPD-OCPD tempatan maka sudah begini lama sudah berapa banyaknya senjata-senjata itu di dalam tanahair kita ini. Oleh sebab itu, saya rasa sekarang ini power itu hendaklah diberikan kepada IGP. Tetapi kalau kepada IGP banyak juga desakan dan sebagainya, saya harap power itu patut diberikan kepada Menteri sendiri.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, untuk penerang. Pada masa ini kuasa mengeluarkan lesen bukan OCPD atau CPO lagi tetapi Pesuruhjaya Polis sendiri yang mengeluarkannya. Inilah keadaan yang ada sekarang.

Datuk Tajudin bin Ali: Jadi apa yang saya nyatakan tadi itu betullah, bukan CPO bahkan IGP. Saya telah nyatakan tadi barangkali Yang Berhormat Peguam Negara tidak berapa dengar cakap saya tadi iaitu saya kata kalau kepada IGP pun tidak berapa sedap juga, banyak juga desakan-desakan barangkali daripada parti politik menyuruh keluarkan, maka patut power itu diberi kepada Menteri. Saya takut sangat kalau banyak sangat senjata ini maka negara kita ini tidak akan tinggal dalam aman dan damai. Kita sekarang satu negara yang dikelilingi atau diselubungi oleh fahaman komunis, masih ada lagi. Saya telah menyatakan terlebih dahulu dalam Dewan ini dan saya telah memberi amaran yang cukup

tegas kepada Kerajaan iaitu menyatakan Kerajaan berapa susah memerangi penganas-penganas dalam hutan tetapi yang betul-betul penganas—dalam hutan itu tidak banyak, bahkan yang banyak sekali ibu-ibunya dalam bandar. Dalam Dewan ini juga saya telah katakan banyak orang gelak kepada ucapan saya itu tetapi saya telah menyatakan terlebih dahulu dan saya bukannya ahli nujum tetapi apa yang saya nyatakan telah terbukti iaitu saya menyatakan barangkali dalam Dewan ini pun ada orang-orang yang bersimpati dengan orang-orang itu. Tidak lama selepas saya ucapkan itu di sini, dua tahun kemudian meletup di Sarawak. Orang-orang V.I.P. menyokong pihak-pihak komunis dan begitu juga barangkali orang-orang yang membawa senjata ini ialah orang-orang yang besar-besar menyokong mereka. Oleh sebab itu, saya berpendapat sekiranya hendak mengeluarkan lesen ini biarlah dijagai bersungguh-sungguh dan lebih-lebih lagi saya telah menyatakan dengan terang tadi lesen itu jangan dikenakan nominal fees sahaja, kenakan dengan seberat-beratnya terutama sekali kepada orang-orang yang ada double guns (bukan double barrels) iaitu satu rumah mempunyai satu hingga empat pucuk senjata kerana hendak menunjukkan kebesaran mereka itu. Kenakan cukup-cukup licensing feesnya, kalau dia ingin dia boleh bayar, simpan. Kalau tidak kembalikan kepada Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya. . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah banyak kali “yang akhir”, saya harap ini yang akhir sekali.

Datuk Tajudin bin Ali: Ini yang akhir betul.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah!

Datuk Tajudin bin Ali: Saya berfikir, Tuan Yang di-Pertua, mintalah Yang Berhormat Peguam Negara cari jalan supaya banyak sangat senjata yang bertaburan itu di tanahair kita ini sedikit demi sedikit ditarik kembali. Saya ada mendengar cerita juga iaitu pada 13 Mei yang sudah senjata-senjata kita sendiri juga telah memakan kita semula. Saya takut kalau terlampau banyak senjata yang bertaburan di negara kita ini akan terjadi pergaduhan yang tidak diingini.

3.48 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat pendekkan ucapan.

Dr Tan Chee Khoo: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sedikit sebanyak tentang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Peguam Negara dan di samping ini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, let me say from the outset that this is a blood-thirsty Bill and if one were to listen to the Member for Larut Utara, he is making it more blood-thirsty. He wants the heads of people to be *potong* and to be stuck up all over the town as a grisly reminder to the barbaric times we lived during the Japanese Occupation. Those young chaps who are sitting in the public gallery have not seen such grisly performances, but it looks to me that there are people in this House who want to return to the barbaric times that a quite a number of us unfortunately experienced during the Japanese time.

Mr Speaker, Sir, this Bill literally wants an "eye for an eye" and "a tooth for a tooth". More than that, it wants perhaps two eyes for one eye by the number of penalties that it seeks. This Bill, Mr Speaker, Sir, although it is only about four or five pages has far-reaching consequences on all law-abiding citizens in this country. It provides stiffer penalties and punishments, even death itself, for those who perhaps not by inclination have fallen into evil ways.

We must remember, Sir, that punishment itself *per se* is never a cure for the crimes that are being perpetrated not only in this country but also outside this country. At a time when the civilised world is asking for more civilised ways of treating our erring fellow citizens—for example, in many countries, the death penalty has been removed, and in many countries too prison life has been made more livable to those who have offended against the laws of the society—we are now seeking not only to make it more difficult but we are making it more difficult for the Judges also.

Throughout those amendments to the Bill, Mr Speaker, Sir, the powers of the Judges are literally taken away. The Judge has no power at all. It is mandatory on him to impose a sentence of death as I shall presently show. This is most regrettable, because although a misguided youth may carry a gun, for example—under this Bill the traffic in firearms is spelt out very clearly—there may be many mitigating circumstances, but under this Bill itself, when the case goes up to the High Court, the Judge has got no power whatsoever to vary the sentence. It is mandatory on him under this Bill to pronounce the sentence of death to the unfortunate victim.

Mr Speaker, Sir, all these punishments, I would dare say, will lead to a hardening on the part of criminals: they might graduate from petty thievery to robbery without firearms and, despite all the penalties that the Government may provide, they will go on to gravitate towards robbery with violence and perhaps unfortunately use firearms as well.

Mr Speaker, Sir, I would hope that the Government would study why the youth of today or the adolescents of today lead a life of crime. Has there been any sociological studies made in this country to find out should there be an increase of crimes? Entirely agree with the Attorney-General that there is an alarming increase of crimes in this country. But providing stiffer penalties as provided for in this Bill, I dare say, will not deter the youth of today from committing crimes. I would rather hope that the Government, through its various agencies, should try and find out the causes of why the youth of today gravitate towards a life of crime and then take preventive measures, rather than provide punitive punishment for those who gravitate towards crime.

One of the reasons why there is a rise in crime

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: It does not say "crime" but the law here says "violent crime using firearms." We must stress on the word "firearms".

Dr Tan Chee Khoo: I am well aware, Mr Speaker, Sir. I have read this Bill over and over again, and I am well aware that this whole Bill concerns crime with violence

associated with firearms. I am well aware of that. I would say that one of the reasons why the youth of today gravitate towards a life of crime with firearms is the urbanisation that is going on today not only in this country but also in other countries as well and it would be well for the Government to find out because urbanisation, with its lack of opportunities for work and facilities for recreation, may be one of the reasons why the youth of today gravitate towards crime. If the Government provides proper housing facilities, proper recreational facilities, proper reading facilities and the like, I dare say that the incidence of crime will go down without these punitive measures that are being sought by the Attorney-General today.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: On a point of order. My Honourable friend still speaks on crimes generally. I am saying again that this concerns crimes with firearms. Lack of jobs may have increased crimes, but the law here says "firearms". So, as the time is short, I hope he will be more to the point.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, I am well aware that this whole Bill deals with crimes with firearms.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Confine your observations to "crimes with firearms."

Dr Tan Chee Khoon: I am well aware of it. Mr Speaker, Sir, one of the causes of the rise in crimes with firearms is the socio-economic conditions that prevail in our society and not only in our society but in other societies as well. The youth of today, many of them gravitate from the rural areas, many of them are dropouts from our school systems, and they gravitate towards the urban areas and they look for work. But they cannot get work; so, what do they do? They join the *Ang Bin Huay*. Where before secret societies were exclusively the prerogative of the Chinese, now you have perhaps not *Ang Bin Huay* or the like but you have secret societies amongst the Malays and then they gravitate and graduate towards crimes with firearms. The Government would do well to study all these conditions that lead to the increase in crimes with firearms rather than seek more punitive measures to curb such crimes.

Mr Speaker, Sir, Clause 3 seeks to change the interpretation of "life imprisonment". Where before life imprisonment meant that the person would serve about 20 years of his life, now it means that the misguided youth of today will have to spend the rest of his natural life within the four walls of the prison. I say this is a sadistic attempt of the Government to confine its own fellow-citizens within the four walls of the prisons, and I say it is also counter-productive because where a person is kept within the four walls of a prison, the Government will have to feed him or her and therefore the more sensible way would be to ensure that he not only pays for his crime but also he learns to repent and having repented he should be given a chance to be let out of prison to rejoin the mainstream of life itself.

Mr Speaker, Sir, Clause 4 talks about the penalties of accomplices in the case of discharge of firearms in committing or attempting to commit or abetting the commission of scheduled offences. Now, the scheduled offences are defined, amongst others, as extortion, robbery, preventing or resisting arrest and escaping from lawful custody. Now to this list are added two more categories. You, have first of all, abduction or kidnapping about which I do not grumble as they are prevalent these days. But I really do not understand why to this list are added house-breaking or house-trespass and I shall come to this a little later, Mr Speaker, Sir. I say, Mr Speaker, Sir, this is a very serious thing that the Attorney-General is seeking to ask this House to approve because we all know that very often when robbery, for example, takes place, it is not pre-meditated on the part of certain participators. Of course, on the part of the principal participators, it is pre-meditated. "A" goes along with his gang of three or four; he meets a very good friend "Y", for example, he says: "Come, come, come, we have some easy money to make. Let's go and rob the chap in that house which is not guarded". Mr Speaker, Sir, he does not know, he has not got a clue, that some of the accomplices there have firearms in their pockets—he does not know. All he knows is that there is some easy money to be made, that a good friend of his has invited him to try and get some easy money and he goes. Under Clause 4 of this Bill, he is now a part and party to this crime and the death penalty awaits him. I

say it is a travesty of justice, Sir, to ask the Judge to impose death penalty on such a person like this. Surely, the Judge should be given power to use his commonsense and to see whether there are any mitigating circumstances and, if there are so, to provide a lesser sentence than this mandatory sentence of death for people who just gang along on the way. He might be wanting to go to his work, but he is told, "Look here, forget about your work, come and join me in a venture," and then he is caught up in this web from which there is no escape.

Mr Speaker, Sir, equally alarming is this new Section 7 that the Government seeks to pass in this House. The new Section 7 says:

"(1) Any person trafficking in firearms shall be punished with:

(a) a death; or

(b) imprisonment for life and with whipping with not less than six strokes.

(2) Any person proved to be in unlawful possession of more than two firearms shall be presumed to be trafficking in firearms."

Now, Mr Speaker Sir, this, again, to me is very alarming. We all know that the trafficker in arms very often makes use of innocent dupes. Let us say that you are in Bangkok and a good friend of yours says, "I have a parcel here. Can you take this parcel to my brother in Kuala Lumpur?" So innocently you take this parcel, perhaps you feel it is a little heavy but since it is from your friend you do not bother. You bring it along to deliver it to this brother of the friend of yours in Bangkok. When you reach the Customs, what happens? You do not know what it is all about and you are searched. You openly allow them to open the bags and they search and lo and behold, there are two pistols and under this law it is mandatory death or imprisonment for life with whipping with 6 strokes. Mr Speaker, Sir, this is a terrible legislation that we are seeking to pass in this House. I say that I do not mind these penalties provided the Judge is allowed to take into consideration mitigating circumstances. Throughout this Bill, the Judge is not allowed any discretion at all. It is mandatory on him to impose, to put on a black suit and black cap and impose the penalty of death or enforce life imprisonment with whipping.

Now, this to me, for a person who is but carrying a parcel to a friend, sounds a terrible piece of legislation, and I do hope that the Government will seriously re-think about this new power that it seeks in the new Section 7 that is before this House today.

This new Section 9 also is another piece of legislation which really frightens me. It is a principle of law, Mr Speaker, Sir, that you are innocent until you are proved guilty. This is a very good principle that the Courts the world over uphold: that if you are caught, it is up to the Prosecution to prove that you are guilty; it is not for you to prove that you are innocent; it is for the Court to prove that you are guilty. Under this Clause 9, you have to prove that you are innocent. It says here:

"9. Any person who consorts with, or is found in the company of another person who is in unlawful possession of a firearm in circumstances which raise a reasonable presumption that he knew that such other person was in unlawful possession of the firearm shall, unless he that he had reasonable grounds for that such other person was not in unlawful possession of the firearm, be punished with imprisonment for a term which may extend to fourteen years and with whipping with not less than six strokes."

In other words, he has to prove his innocence, Mr Speaker, Sir, and not the other way round that the Prosecution should prove that he was guilty. Now I say again that this is a travesty of justice and that it is not on the part of the accused to prove his innocence, but it is for the Prosecution to prove that the accused is guilty and not seek this easy way out.

Mr Speaker, Sir, I come now to another frightening clause, Clause 7 which adds another frightening addition to the scheduled offences. It adds now house-breaking or trespassing. I can think of thousands of trespassing offences occurring every day. If an enraged husband barges into the house of a neighbour whom he thinks is molesting or going about with his wife, then he is trespassing. I may walk into the house of a person who particularly does not like me and I may be trespassing. The simple thing like walking into the house of a neighbour or another person now becomes one of the scheduled offences and it comes within the ambit of penalties which are punitive, to say

the least. I hope that when the Attorney-General comes to wind up the debate, he will tell us what is the *raison d'être* or the rationale behind the addition of house-breaking or house-trespass into scheduled offences. In the case of house-breaking, there is at least some justification because you go in and you want to steal but not in the case of trespassing. I do not see how the Government will want to add trespassing to the list of scheduled offences.

Sir, prevention is better than cure, and I say that, rather than imposing these punitive measures that the Government wishes to impose on those who may be misguided as to commit crimes with firearms, the Government should prevent such occurrences; and one of the ways would be to increase the efficiency of the Police and perhaps to increase the Police Force itself. I want to bring to the attention of the Attorney-General some specific cases.

From time to time, I receive letters. It is no secret that in Kepong Bharu, for example, a new Housing Estate in my backyard of Batu, there has been a spate of robberies, perhaps even of abduction, and I have received letters from the citizens of that area. I have forwarded them to the City Hall Police. Regretfully, I have not even received an acknowledgment from the authorities concerned, and when I made inquiries from the citizens there, they said "Doctor, tiada apa-apa perubahan katanya". Now, I hope that the Police, having got such a letter from me, would want to ring me up and would want to find out how and in what way I can co-operate; and I would want to tell the Police that what the citizens of Kepong Bharu want is that the Police should be seen to be present. There is a Pondok Police down there but there is no policeman for 24 hours of the day. Now if there is a policeman there for 24 hours a day and if the police patrol more often, I dare say that the incidence of crime there will be reduced. Perhaps, one of the reasons for the increase of crimes, with or without firearms, is the lack of bodies in the Police Force. If that is so, the Attorney-General should not come to this House to seek such punitive punishment but should persuade his Cabinet colleagues to increase the Police Force and to increase its efficiency as well. Certainly, a blood-thirsty Bill such as this, Mr Speaker, Sir, I dare say, will not prevent crimes.

4.10 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan 1971.

Sokongan saya adalah semata-mata berdasarkan kepada semakin bertambah banyaknya berlaku kejadian jenayah yang bersifat kejam di kalangan masyarakat kita pada hari ini. Bukan sahaja dilakukan terhadap komplot-komplot jahat, tetapi kebanyakannya dilakukan juga kepada masyarakat biasa, masyarakat yang tidak berdosa, umpamanya mangsa-mangsa rompakan bersenjata, peras-ugut dan di akhir-akhir ini dilakukan juga kepada Pasukan Keselamatan dan Angkatan Bersenjata kita yang ada hubungan dengan gerakan-gerakan komunis yang sedang mengancam kedaulatan dan ketenteraman negara ini.

Kejadian-kejadian negeri dan menggerunkan ini memerlukan tindakan-tindakan balas dalam bentuk hukuman yang lebih berat supaya penjenayah-penjenayah merasa gerun untuk melakukan apa-apa tindakan. Oleh itu, hukuman yang dikemukakan di dalam pindaan Rang Undang-undang ini saya rasa amatlah menasabah dan sesuai sekali dengan kejadian-kejadian yang sedang berlaku di hadapan kita sekarang dan mungkin dengan kejadian-kejadian yang akan berlaku di hadapan anak-anak kita pada masa akan datang. Saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada beberapa kejadian, kejadian yang bukan sahaja tidak menyenangkan bahkan menakutkan untuk hidup sekalipun maksud saya, ialah kerana ujudnya atau timbulnya suatu suasana, suatu keadaan yang menyebabkan masyarakat kota dan negara kita ini terutamanya merasa takut dalam hidup sehari-hari. Sekiranya mereka mempunyai sedikit sebanyak harta kekayaan ataupun mempunyai tugas-tugas yang penting oleh kerana adanya orang-orang jahat yang merompak, menyamun harta-harta mereka dan mencolek mereka dan keluarga mereka dengan sewenang-sewenangnya bukan itu sahaja, tetapi kita semua mengetahui kejadian yang lebih dahsyat lagi iaitu timbulnya suatu jenis balas dendam dengan cara membunuh yang dilakukan terhadap orang-orang seperti mata-mata gelap dalam Pasukan Keselamatan. Kemajuan yang dicapai oleh negara ini dan orang-orang

individu untuk memperbaiki taraf ekonomi mereka tidak akan memberikan apa-apa erti sekiranya keamanan rumahtangga mereka tidak akan dapat dijamin oleh undang-undang. Oleh itu, sangatlah kena pada tempatnya undang-undang yang lebih berat ini dilaksanakan dalam masyarakat kita pada hari ini, dan untuk menjamin penguatkuasaan undang-undang, saya rasa pindaan-pindaan ini patutlah juga menunjukkan bahawa sesiapa yang bertindak untuk menghalang pelaksanaan undang-undang oleh anggota-anggota polis umpamanya, hendaklah dihukum lebih berat daripada penjenayah-penjenayah yang dilakukan kepada orang-orang biasa.

Saya tidak nampak dalam pindaan Rang Undang-undang ini ciri-ciri seperti itu. Oleh itu, saya suka mengesyorkan supaya hukuman terhadap penjenayah yang dilakukan kepada Pasukan Polis itu hendaklah dilipatgandakan, dan saya percaya ianya bukan sahaja akan memberi perlindungan yang lebih kepada anggota polis, tetapi juga akan memberi suatu penghormatan oleh rakyat atau masyarakat kepada perkhidmatan pasukan keselamatan kita.

Selain daripada itu saya suka menyentuh sedikit lagi tentang pelaksanaan pada umumnya. Saya mendapat tahu bahawa banyak kes-kes jenayah yang telah dibawa oleh Pendakwa Raya ke mahkamah tidak dapat dihukumkan dengan sepatadannya oleh kerana hujjah-hujjah dan keterangan-keterangan dan cara-cara dakwaan itu dibuat biasanya kurang lengkap. Walaupun saya tidak menafikan adanya kes-kes pendakwaan jenayah yang berjaya. Oleh itu saya ingin menyeru kepada Kementerian Dalam Negeri dan pihak-pihak yang berkenaan, pegawai-pegawai polis khususnya supaya persiapan-persiapan pendakwaan itu dibuat dengan lebih teliti dan rapi dengan harapan supaya janganlah yang bersalah itu terlepas bebas dan yang tidak bersalah itu dihukum.

Dalam hal ini untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pendakwaan itu, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya pendakwa-pendakwa itu hendaklah dilantik daripada orang-orang yang benar-benar mengetahui undang-undang, dan kalau perlu hendaklah Kementerian ini mengadakan satu sekim, sekim yang membolehkan pegawai-

pegawai polis mengambil kursus undang-undang hinggalah ke peringkat ijazah atau peguam. Sebab di dalam mahkamah kita semua tahu mereka akan berdepan dengan peguam-peguam yang berpengalaman dan petah berbicara, yang sentiasa mencari titik-titik kelemahan di mana-mana sahaja. Saya sedar bahawa pihak polis pun ada menjalani kursus-kursus seumpama itu, tetapi pada hemat saya kursus-kursus itu masih boleh diperbaiki dengan cara yang dicadangkan itu. Usaha ini bukan sahaja untuk melengkapkan atau meramaikan Pasukan Pendakwaan, tetapi juga untuk menarik tenaga-tenaga muda yang lebih berkelibar ke dalam Pasukan Polis. Saya suka mengingatkan supaya tindakan di bawah undang-undang ini tidaklah digunakan dengan sewenang-wenangnya oleh kerana hukuman yang ditentukan itu adalah sangat berat, tetapi sebaliknya saya mengharapkan supaya undang-undang ini dapatlah berjalan dengan lebih berkesan, mudah-mudahan selain daripada mengurangkan jenayah bersenjata ianya juga akan dapat membasmi penye-ludupan senjata dari luar negeri dan pembuatan senjata dengan secara haram di negeri ini sendiri.

Seperkara lagi saya patut sebutkan di sini iaitu pada masa akan datang ini ketika hendak meluluskan lesen-lesen senjata, saya suka mengesyorkan di dalam Dewan pada hari ini supaya borang-borang yang ditentukan bagi seseorang pemohon untuk mendapatkan satu senjata itu hendaklah diubahsuaikan supaya mereka merasa gerun dan takut mengisi borang itu bagi orang-orang yang berniat hendak mengancam ketenteraman negara, atau merasa cepat terbuka rahsia bagi orang-orang yang mempunyai sahabat-sahabat atau rakan-rakan yang ada hubungan dengan gangster-gangster ataupun penjenayah-penjenayah negara. Dengan demikian, mereka yang membuat permohonan itu akan merasa gelisah, serbasalah, terutama sekali dalam menghadapi temuduga bagi membolehkan senjata atau pun lesen itu dimiliki oleh beliau.

Akhir sekali, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian ini yang telah berani mengemukakan pindaan Rang Undang-undang ini.

4.18 ptg.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian menyokong di atas Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) yang telah dikemukakan di Majlis Dewan Rakyat pada hari ini.

Saya bercakap dengan ringkas. Undang-undang yang dipinda ini dan beberapa tahun yang lalu telah ada juga Undang-undang Senjatapi ini telah dipinda dalam Parlimen ini, tetapi perlaksanaannya tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Saya boleh memberi satu penjelasan di dalam Parlimen ini, kalau saya tidak salah dalam tahun 1972, satu Undang-undang Senjatapi telah dipinda dalam Parlimen ini yang berbunyi demikian:

"Barang siapa membawa senjatapi, perasungut, merompak, menyamun, ada senjatapi itu ditubuhnya walaupun tidak digunakannya apakala ia dapat ditangkap maka orang itu akan dihukum gantung sampai mati."

Tetapi setelah Pindaan itu diluluskan oleh Parlimen, maka berlakulah pembunuhan seorang mata-mata gelap di pekan Setapak, Kuala Lumpur yang bernama Kopral Yap. Apakala Kopral Yap ditembak mati, pembunuhnya telah dapat ditangkap oleh pihak Polis Setapak yang mendengar letupan itu, dia dibicarakan dalam Mahkamah. Apakah hukuman yang telah dijatuhkan kepada pembunuh Kopral Yap itu? Ia dihukum penjara, kalau saya tidak salah selama 20 tahun, pada hal Pindaan Undang-undang itu telah pun diluluskan di dalam Parlimen ini baru beberapa bulan sahaja. Ertinya, perlaksanaannya tidak dapat dijalankan, tidak ada kerjasama dari pihak Hakim dan Penggubal Undang-undang. Apakala disoal kembali ke dalam Parlimen ini kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah iaitu mengapakah hukumannya sedemikian itu? Timbalan Menteri menjawab kita cuma meminda undang-undang; hukumannya terletak di tangan Hakim. Saya fikir kalau Hakim tidak mahu mengikut kata Ahli Parlimen tidak usahlah dipinda, perlaksanaannya tidak ada makna. Hari ini lagi sekali kita telah meminda, saya menyokong lagi pindaan ini, tetapi saya

merayu supaya perlaksanaannya dapat dengan lebih cepat dan menepati maksud yang dipinda itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita menghukum penjenayah-penjenayah yang menggunakan senjatapi yang kita maksudkan dalam pindaan itu, kita patut mengkaji mengapakah perkara jenayah bertambah berlaku dalam negeri ini? Saya hendak mengemukakan kepada Kerajaan pendapat saya, samada Kerajaan mahu mendengarnya atau tidak, tetapi saya menjalankan tugas saya sebagai seorang Wakil Rakyat. Pertama sekali, di negeri ini judi terlampau banyak seperti Lumba Kuda, 3 Nombor, 4 Nombor, Toto, Loteri Kebajikan dan di tiap-tiap negeri ada kelab. Misalnya, di Ipoh ada banyak kelab. Mereka gunakan atas nama kelab sukan, atas nama kelab teksi, atas nama kelab Hokkien dan lain-lain. Namanya sahaja Kelab, tetapi di dalamnya penuh dengan judi; mereka main poker, tai sat dan lain-lain. Namanya kelab muhibbah, sesiapa pun boleh masuk dengan tidak bayar yuran, tetapi apa yang ada di dalamnya ialah judi mulai daripada pukul 10.00 pagi sampai pukul 3.00 pagi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya minta jalan, kalau dibenarkan.

Tuan Hashim bin Gera: Sila.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Yang Berhormat itu mengatakan di Ipoh banyak kelab, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat itu adakah Yang Berhormat masuk dalam kelab itu?

Tuan Hashim bin Gera: Saya masuk, sebab itu saya tahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila teruskan!

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, sebabnya menjadi-jadi jenayah dalam negeri ini kerana orang-orang yang melakukan jenayah masuk ke dalam penjara tidak menerima hukuman yang berat, jadi mereka manja. Pada zaman British dahulu, sesiapa yang masuk penjara tidak dapat menghisap rokok. Pada masa ini seminggu dapat 2 batang dan dapat pula makan daging sebulan sekali. Kalau sakit tidak hendak bekerja boleh report kepada

doctor. Dengan sebab keadaan yang semacam itu, mereka tidak takut membuat perkara-perkara jenayah. Kata mereka, kalau merompak, menyamun, kalau dapat jadi kaya, kalau kena tangkap nasib tidak baik. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan untuk mengelakkan jenayah jangan berlaku bertambah-tambah dalam negeri ini, hukuman mereka itu dengan seberat-beratnya dan kalau boleh tiap-tiap orang yang ditangkap kerana merompak, menyamun, membunuh dengan senjata jangan dibenarkan mereka mengambil lawyer. Semua penjenayah apabila mereka kena tangkap, mereka mengambil lawyer dan sanggup bayar beribu-ribu ringgit, kerana mereka ada gang di luar yang mengutip wang. Itulah peluang lawyer. Mereka belajar hukuman jenayah, ini cara membuat bohong yang menasabah yang boleh diterima oleh Hakim dengan, sebab itu penjenayah ini dibebaskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam Dewan ini ramai Ahli-ahli yang terdiri daripada lawyer, berhati-hati dan cermat sedikit di atas teguran-teguran itu.

Tuan Hashim bin Gera: Benar, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu. Mereka belajar undang-undang, tetapi cara mereka berlawyer itu mereka mencari helah hendak melepaskan orang itu dengan cara yang menasabah yang boleh diterima oleh Hakim, terlepaslah dia. Saya tidak menghina mereka itu saya menceritakan kepandaian mereka itu.

Oleh itu, kalau seseorang didapati betul-betul merompak, menyamun, jangan dibenarkan dia mengambil lawyer, tetapi terus sahaja di hukum dengan kebijaksanaan Polis, keterangan sudah mencukupi, di hukum seperti yang dibuat Negeri Siam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bagaimana kita hendak tahu seseorang itu betul-betul penyamun sebelum dibicarakan case itu?

Tuan Hashim bin Gera: Itu kepandian Polis kalau mereka pandai menyasihat. Inilah pendapat saya secara ringkas untuk menghapuskan jenayah dalam negeri ini. Saya tegaskan sekali lagi dihukum dengan seberat-beratnya kepada mereka itu. Di dalam penjara kalau dijatuhkan hukum 3 tahun kerja berat, beri mereka kerja berat, jangan

diberi cuti. Kalau diberi cuti jumpa doctor, jumpa sana, jumpa sini menjadikan mereka manja, dan dengan demikian mereka berani membuat perkara jenayah dalam negeri ini dengan tidak silu-silu lagi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.26 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) I will try to be very brief, Mr Speaker, Sir. This Bill shows that the Government is rather frustrated over the problem of crimes involving arms. It shows that the Government has been unable to solve this problem since the passing of the principal Act in 1971. Furthermore, I feel that this Bill is a step backwards from civilisation and indeed this piece of legislation is fit for the laws of the jungle.

Mr Speaker, Sir, there is at the moment a controversy raging through America as to the question whether the death penalty is constitutional or unconstitutional. I do not know whether our Draftsmen or the Government has considered this question—whether the death penalty is constitutional or unconstitutional in our country, whether the Constitution guarantees that no life can be taken

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. It is clearly constitutional. I can guarantee that the death penalty is clearly constitutional.

Tuan Lim Cho Hock: Mr Speaker, Sir, that is a matter of opinion. Even today, there is a controversy, as I said, in the United States of America where this question has cropped up very often and in academic circles, they have discussed as to whether the death penalty in the United States of America is constitutional or unconstitutional. The United States of America has got a Constitution that dates back to quite a number of years.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: The Constitution of the United States is entirely different from our Constitution.

Tuan Lim Cho Hock: I do not think certain Clauses are entirely different; certain Clauses which relate to civil liberties are

almost the same although the wording may be different.

Tuan Yang di-Pertua: Why must you bring the Constitution of the United States into the argument?

Tuan Lim Cho Hock: In passing, I am just mentioning it.

Tuan Yang di-Pertua: In passing, it should be very quick.

Tuan Lim Cho Hock: This is a very serious Bill, Mr Speaker, Sir, and I would not be very long.

Mr Speaker, Sir, Clause 3 of this Bill redefines "imprisonment for life" and as stated here, "imprisonment for life" under the Criminal Justice Ordinance, 1953 means imprisonment for about 20 years, but now under this particular Act, imprisonment for life will be for the duration of the natural life. To condemn a man in prison for the rest of his life is indeed bad because the criminal imprisoned for life has not got any hope to live on and perhaps he may just commit suicide in prison. Indeed, imprisonment for the natural life will tantamount to a death sentence. You may as well introduce a death sentence rather than having imprisonment for the duration of the natural life. This is unacceptable Mr Speaker, Sir, the Government is making a bad situation of a crime being committed into a worse situation; a mere robbery may have been committed but with the passing of this Bill, the offender may just use the firearm to finish off the victim because "dead men tell no lies". So, by this Bill, in certain circumstances, we might inadvertently force the criminal to finish off the victims. Instead of a mere robbery being committed, a murder is committed because a criminal knows too well that if he is caught, he will be hanged by the neck; in such a situation, he will definitely try to finish off the victim. Furthermore, if we impose a mandatory death sentence on the offender, in certain cases, the Court may make a wrong decision and may convict a man wrongly, if somehow a conviction is recorded, this offender is hanged. Subsequently, evidence might crop up to show that this particular offender might be innocent. Now in such a case, we cannot save this man because he is already dead—

hanged by the Government. It is better, I would suggest, that a long period of imprisonment be imposed rather than a death sentence because if a wrong decision is made, the poor man could not be saved.

Mr Speaker, Sir, to prevent crimes with firearms, I suggest that Government should try to stop the flow of firearms into this country. I understand that firearms can easily be obtained from across the border. To solve this problem, the penalty should not be increased but instead the Police Force should be made more efficient to stop the flow of firearms into this country.

Furthermore, this problem of crimes should not be treated purely as a legal problem. It should be also treated as a social problem. The socio-economic problems of the country should be solved. We cannot expect a man, who is unemployed and who has got a large family to feed, to lead a good life. He has got to live somehow: he has got to rob, perhaps, and what about

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: If you want to rob, rob by all means, but don't use firearms. The law says "firearms". What you mean is that if a man has no job, he must get a living, and he might want to rob. Yes, if he does not use firearms, it is all right; but if he uses firearms, then it comes under this penalty.

Tuan Lim Cho Hock: Yes, Mr Speaker, Sir, I am about to come to that. Robbing with a firearm or robbing with a sharp dagger makes no difference as far as I can see. A dagger is as dangerous as a firearm—it is as simple as that. Also, there is the problem of these non-citizens. There are about a few hundred thousand people in Malaysia who are with red identity cards. These people cannot find jobs because the Government has stopped them from getting jobs. This problem is still there and the Government has not considered this. What are they going to do? I suppose most of these criminals are non-citizens of this country. They have to live somehow, but the Government has not been able to solve this problem. It has shown its frustration by introducing this Bill. But that is not the way to do things.

Mr Speaker, Sir, since the passing of the Principal Act, there is no evidence that the crime rate has gone down. Is the increased penalty a deterrent? That is the question. If

it is not a deterrent, then other means must be found to solve this problem, not just increase the penalty. Everyday we read in the newspapers about robberies being committed with firearms and with daggers perhaps, but they remain there. Why? Perhaps there are other problems which need to be attended to. For instance, Mr Speaker, Sir, in Ipoh recently, about a month or so ago a case was reported to the Police in which a house was burgled; a shot was fired, and I think the servant girl was injured too. But, after having reported, the Police took no action; the Police did not go to the house to investigate and instead the owner of this house brought the spent bullet to me and showed it to me. He said, "This is the bullet that we found in the house but the Police did not care to come and investigate, to take the bullet away."

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyiasat perkara ini dan subpoena Yang Berhormat to give evidence in Court because he has said that the witness came up to him and showed him the bullet; the man had told the Police, but that the Police did not take action. I note that and I will subpoena him to go to Court.

Tuan Lim Cho Hock: This case was reported to the Police in Ipoh and the Police did not take action—it is as simple as that. The report number is there, I have written to the C.P.O. complaining about the whole thing. I do not know whom to subpoena.

Next, Mr Speaker, Sir, when the Principal Bill was introduced in this House, the Bar Council strongly opposed the death penalty on various grounds, and I suppose the Bar Council today is of the same opinion with regard to this particular Bill. I think the Government should consider very seriously the views tendered by the Bar Council on this question of death penalty.

Furthermore, Mr Speaker, Sir, each time such a Bill is introduced and passed, the Court's hands are tied, the Judges' powers and discretion are being cut down to size. The Judges have no discretion in these particular cases to consider extenuating circumstances or other circumstances that merit consideration. The Judges have just got to follow the law strictly. The judges have no discretion at all. But, you, Mr Speaker, Sir, have a certain discretion to tell

me to stop in five minutes' time, and this and that, but if a law is passed to restrict your discretion, then I don't think you would feel very happy too. Our Judges are of high calibre, and I am sure they can decide whether a death penalty or an imprisonment is fit for this particular criminal, but with the passing of such Bills, the Judges just simply have no discretion at all. That is all, Sir.

4.37 ptg.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan memberi teguran-teguran dalam beberapa banyak perkara. Saya berasa hairan juga rupa-rupanya ada Ahli Yang Berhormat yang boleh dikatakan tidak setuju dan tidak menyokong langsung atas Undang-undang (Pindaan) bagi Rang Undang-undang ini untuk menambah berat hukuman pada mereka yang menggunakan senjata dalam jenayah-jenayah tertentu. Pada hal sebagaimana kita telah ketahui dan saya telah menyatakan di sini Undang-undang ini mendapat sokongan, boleh dikatakan sebulat suara daripada rakyat jelata. Kebanyakan teguran-teguran itu ialah timbulnya daripada kurang faham atau kurang mendengar penerangan-penerangan yang saya telah berikan di Dewan ini pada masa saya mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Saya tidak akan menjawab satu-persatu, tetapi ada beberapa perkara yang saya fikir saya patut jawab teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat.

Berkenaan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara iaitu orang yang dihukum bunuh itu, selepas digantung kepalanya itu hendaklah diletakkan di khalayak orang ramai untuk menakutkan mereka seperti yang dibuat dalam masa Jepun dahulu, saya tidak bersetuju kerana memandangkan masa itu ialah zaman perang. Kita sedar perkara yang seperti itu, hukuman-hukuman itu kalau diadakan di khalayak ramai atau, katanya, dipotong kepala dan diletakkan di tepi jalan supaya orang-orang takut. Betul boleh menakutkan, tetapi pada pandangan saya tidaklah sesuai pada keadaan negara sekarang ini dan jarang-jarang dibuat di mana-mana jua pun melainkan dalam masa perang sahaja.

Saya hendak menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Batu yang mengatakan undang-undang ini adalah undang-undang yang tidak patut dibawa oleh Kerajaan Negeri ini dan menunjukkan Kerajaan tidak ada jalan lain sedangkan ini sahaja untuk mengurangkan jenayah yang menggunakan senjata dan juga, katanya, undang-undang ini tidak akan mengurangkan jenayah seperti itu. Sebenarnya, walaupun apa undang-undang yang ada di dalam dunia ini tidaklah boleh menghapuskan langsung apa jenayah sekalipun. Misalnya, membunuh orang itu hukunya ialah bunuh juga, tetapi walau bagaimanapun kita dapati di mana-mana negeri dan dalam negeri kita juga jenayah membunuh orang itupun ada juga berjalan, tetapi itu tidak bermakna dengan sebab satu undang-undang itu tidak dapat menghapuskan sama sekali jenayah itu kita tidak payah buat undang-undang ataupun tidak boleh dihukum dengan berat.

Sebagaimana saya katakan dahulu walau apa jua undang-undang termasuk undang-undang yang kita ada pada masa ini ialah untuk menakutkan pada mereka yang menjalankan jenayah seperti itu, dan kita berharap dengan tingginya hukuman-hukuman yang ada ini boleh mengurangkan jenayah-jenayah seperti itu, kerana saya dapat tahu undang-undang yang seperti itu juga telah dibuat lebih dahulu di Pulau Singapura di mana saya dapati di sana perkara-perkara jenayah seperti rompakan dan lain-lain dengan menggunakan senjata adalah berkurangan semenjak undang-undang itu telah diluluskan di negeri itu. Itu satu tauladan sebagaimana saya telah lihat, dan saya dapati patut kita juga buat satu undang-undang seperti itu, kerana kita dapati jenayah yang menggunakan senjata di negeri ini telah bertambah dari satu masa ke satu masa.

Saya bagi pihak Kerajaan menekankan di sini undang-undang ini bertujuan semata-mata hendak mengelakkan penjenayah-penjenayah ini daripada menggunakan senjata. Sebabnya saya menerangkan di Dewan ini ialah kita semua sedar kalau seorang itu hendak menjalankan satu rompakan dan lain-lain jenayah yang besar-besar seperti kidnapping, ugutan dan lain-lain menggunakan senjata, kita dapati ada jalan lain yang kita boleh melawan mereka itu, melainkan takut semata-mata kerana mereka itu menggunakan senjata,

tetapi kalau mereka itu menggunakan senjata lain seperti parang, pisau, kayu, sekeru dan lain-lain, maka ada peluang bagi kita boleh melawan mereka itu. Banyak kita dengar kenyataan dalam akhbar-akhbar di mana penyamun cuba menggunakan pisau dan lain-lain, apabila dilawan mereka itu kadang-kadang lari. Rakyat sekarang telah banyak belajar perkara Kuntau, Jujitsu, Silat Gayung dan lain-lain. Walau bagaimana pakar pun seorang itu dalam segala silat atau menjaga diri kalau seorang musuhnya dengan membawa pistol tidak ada upaya baginya hendak melawan mereka itu, tetapi kalau mereka itu menggunakan senjata lain, ada banyak peluang boleh melawan mereka itu. Inilah sebabnya kita beratkan hukuman kepada mereka yang menggunakan senjata.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga menyalahkan Kerajaan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyatakan bertambahnya jenayah menggunakan senjata ini adalah dengan sebab sosial, mereka itu tidak dapat kerja, ada yang berkata dengan sebab mereka itu ada Kad Pengenalan Merah tidak dapat kerja dan lain-lain lagi. Saya menekankan di sini berkenaan dengan jenayah am dan jenayah menggunakan senjata adalah berlainan. Kita percaya dengan sebab seseorang itu tidak ada kerja atau dengan sebab percampuran dengan kumpulan jahat boleh masuk jenayah, tetapi mengapa menggunakan senjata, Di sinilah bezanya antara jenayah am dengan jenayah menggunakan senjata. Tuduhan-tuduhan itu adalah tidak tepat mengikut undang-undang yang saya bentangkan di Dewan ini.

Saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan iaitu mereka yang dituduh dalam kes-kes jenayah menggunakan senjata apabila undang-undang ini diluluskan jangan diberi lawyer atau Peguam Bela oleh Kerajaan. Sesungguhnya kita ada undang-undang iaitu mana-mana tuduhan yang membawa hukuman mati, maka Kerajaan mengadakan satu undang-undang dan wajib mengadakan seorang peguam bagi membela mereka. Ini adalah disebabkan hukuman yang dikenakan sangat berat dan kita sedar itu adalah hukum mati. Sekiranya mereka yang dituduh walau penyamun sekalipun menggunakan senjata atau pembunuh sekalipun, maka adalah wajib bagi kerajaan kita mengadakan lawyer bagi mereka itu sekiranya mereka tidak ada wang untuk mengadakan peguam

supaya diberi segala kemudahan bagi mereka itu untuk membela dirinya, maklumlah hukuman itu ialah hukuman bunuh. Ini adalah satu hak bagi mereka itu, dan dengan cara itu sahaja kita dapat kalau telah diberi lawyer yang handal baginya yang dibayar oleh Kerajaan, dan didapati mereka itu bersalah samada dengan sebab murder atau di bawah undang-undang ini, maka barulah kita puas hati yang mereka itu bersabit kesalahannya. Sekiranya mereka itu tidak diberi peguam dan tidak diberi peluang mengadakan lawyer dan lain-lain bagaimanakah kita hendak tahu bahawa mereka itu betul-betul membuat suatu kesalahan. Saya tidak bersetuju dengan apa-apa cadangan yang mereka itu tidak diberi bantuan lawyer, atau jangan diberi mereka itu mengambil lawyer, kerana kita tahu adalah kewajipan seorang peguam itu untuk membela seorang itu dalam apa-apa tuduhan. Ini untuk kita menjamin perjalanan keadilan dalam negara kita.

Saya berkata di sini walaupun Kerajaan memandang begitu berat atas penjenayah-penjenayah yang menggunakan senjata dan hukumannya banyak dalam undang-undang ini ialah dengan hukum bunuh Kerajaan sedia mengadakan kewangan memberi mereka itu, malahan mana lawyer yang layak untuk membela mereka demi kepentingan keadilan bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, atas teguran mengenai seksyen 7, iaitu "trafficking in firearms" atau menjual-beli berkenaan dengan senjata ada satu seksyen 7 (2), ada yang tidak suka akan isi kandungannya yang berbunyi:

"7. (a) seseorang yang dibuktikan sebagai memiliki lebih daripada dua senjapati dengan menyalahi undang-undang hendaklah dianggap sebagai berdagang senjapati".

Di sini, setelah Ahli-ahli Kabinet memikirkan dengan sehalus-halusnya kalau seorang itu ada 2 senjapati dengan tidak berlesen, maka mereka itu cuma salah di bawah menyimpan senjapati dengan tidak berlesen, tetapi kalau ada 3 atau lebih senjapati dibawa dengan tidak berlesen apa tujuannya kalau tidak tujuan hendak menjual senjapati. Seorang yang berjalan didapati membawa 5 pistol misalnya, takkanlah hendak merompak menggunakan 5 pistol atau 4 pistol kalau tidak tujuan lain, undang-undang

ini cuma pursue atau menyatakan adalah dianggap mereka itu menjual senjapati, tetapi dia boleh membuktikan di menyatakan dia membawa 3 atau lebih senjapati bukan tujuan hendak menjual tetapi tujuan lain. Sekiranya sabit kepada mahkamah, maka tidaklah dia dianggap untuk menjual senjapati. Saya tidak nampak bagaimana provision yang seperti ini adalah dikatakan tidak adil dalam undang-undang ini.

Berkenaan dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Batu iaitu saya masukkan dalam Schedule, Seksyen 7 (vi) House breaking and house trespass iaitu sesiapa membuat kesalahan pecah rumah ataupun menyalahi masuk rumah (house trespass) di bawah undang-undang Penal Code dengan menggunakan senjapati, adalah satu kesalahan di bawah undang-undang ini yang telah ditambah, dinyatakan "tidak patut" oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu.

Saya suka menerangkan di sini iaitu house breaking and house trespass memandang sesuatu keadaan itu berlaku, sekiranya seseorang itu akan masuk sebuah rumah atau memecah sebuah rumah dengan membawa sebuah pistol dengan tujuan tidak ada lain, tetapi rumah itu bukan rumah saudaramaranya dan lain-lain sebab, maka tujuannya adalah nyata saya fikir ialah kerana hendak merompak atau hendak mencuri atau hendak merogol atau lain-lain di dalam rumah itu. Ini telah nyata dan telah patut kita hukum kalau dia membawa senjata. Tetapi sebaliknya pula, house trespass, misalnya, masuk pintu yang tidak berkunci, dia masuk terus sahaja membawa pistol bukan ke rumah orang lain dengan sebab-sebab yang tertentu, itu makna house breaking. Tetapi jikalau ada satu-satu jiran, misalnya, seorang itu isterinya dilarikan oleh jirannya yang masuk ke rumah itu, dan dia dengar isterinya di dalam rumah itu dan dia ada senjata seperti Ahli-ahli Yang Berhormat ada senjata kerana ada lesen, dia membawa senjata itu, pecah rumah, dia masuk ke dalam rumah kerana hendak ambil isterinya, maka pihak polis atau pendakwa raya tidak akan menuduh di bawah undang-undang itu. Saya berkata di Dewan ini sungguhpun undang-undang ini diluluskan, saya ingatkan lagi undang-undang lama iaitu kesalahan di bawah senjapati adalah masih

dipakai. Dengan sebab itu, jikalau mana-mana ada suatu kesalahan di bawah undang-undang ini maka pihak berkuasa yang mana di bawah jagaan saya sebagai Pendakwa Raya dan Peguam Negara boleh menggunakan timbang tilik saya, samada hendak dituduh mereka itu di bawah undang-undang yang lama di mana hukuman adalah sangat ringan boleh dikatakan. Misalnya, dalam undang-undang lama illegal possession of firearms hukumannya ialah cuma hukuman dengan denda atau jel tidak lebih daripada 5 tahun. Boleh jadi cuma dihukum denda \$100. maka berhak bagi pihak Pendakwa Raya dan saya juga mengarahkan pihak-pihak yang mendakwakan samada hendak dituduh di bawah undang-undang ini atau di bawah undang-undang yang lama mengikut keadaan tiap-tiap satu kesalahan.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terangkan di sini dalam bahasa Inggeris supaya pihak yang kurang faham dalam Bahasa Kebangsaan kita dapat faham.

(Dengan izin) I would like to bring to the attention of Honourable Members of this House that the existing law on the possession of firearms is still in existence and has not been repealed and this new Bill is only an amendment to the Act which was passed in 1971 for the increase in the penalty in using firearms for certain types of violent offences as given in the schedule to this Bill and to the existing Act. So, you may see that it is still at the discretion of the police and the prosecution, who are entirely under the direction of the Public Prosecutor and Attorney-General—myself—to direct whether a person should be charged under the old law which carries a much lesser penalty or under the new law which carries a very, very heavy penalty. So, I can assure the House here that the police, the Deputy Public Prosecutors and the legal officers under me will do their best to see and be very very careful whether a person should be charged under this new law or under the old law. I can assure this House, Sir, that I won't, for a moment, hesitate to endorse my legal officers and the police to charge those involved with firearms if I find that, in the circumstances of the case and in the interest of this country and our people, that he be charged under this new law so that the full penalty as provided under this law and as approved by this House shall be passed by the Judge who try that case.

It is true that on the passage of this law, if somebody is charged under the law and he is found guilty, there is not much discretion for the Judge to pass punishments other than provided under this law, but, as you all are aware, in all laws it is the duty of Parliament to make the law and it is the duty of the Judge to pass the sentence when a man is found guilty and pass that sentence in accordance with the law that has been approved by Parliament and his duty is bound by that.

I would, give an example where for hundreds of years, the sentence for murder was only one and that was death and yet no one has criticised in this House that the Judge in that case has no discretion but to pass the sentence of death. It is true that if a person has been sentenced to life imprisonment according to this law, he shall be there in jail until the end of his death, but I can assure this House again, as I have said before, that if he reforms, if he shows improvement as he grows older, there is nothing to prevent him from applying for pardon and with a good recommendation from the Commissioner of Prisons, the Pardons Board will consider whether to release him if the Pardons Board is fully satisfied that at that age he has reformed so much that he can safely be released and that he won't again commit crimes using firearms. So, Sir, we have a discretion in other ways of pardoning in such a case.

Now, in this case, I want to stress again on corporal punishment. I have Sir, for nearly 20 years served as a Magistrate and as a Deputy Public Prosecutor and I have found that in many cases, especially in gangster cases, when I imposed a sentence with one or two strokes of the rotan, they always shouted back at me and told me, "I don't mind being sentenced to 10 or 20 years jail but I don't like to be whipped" because they don't like whipping at all. There are many reasons for this. What the prisoners fear is whipping because I can tell this House that the whipping in prisons is not the whipping that is done in the schools. They are whipped by an expert in the prison, where that man is tied and whipped by an expert and the mark of that whip shall be there for life. And that, to some people, is "Suay" they say it is not good, it is a smear on them. So, that is why you

find, Sir, that in all provisions of this Bill, there is always whipping of not less than three strokes and that through my experience and belief, will be a deterrent to all these people who won't hesitate to use violence and firearms when they are committing robbery and other offences and I think it is only right that they try the taste of violence on themselves after their conviction.

So, we feel that, although the punishment is really very harsh, the circumstances in this country warrant this law to be passed and, as I said earlier, we will try our best not to abuse this law and try as much as possible to find out whether a person should be charged under this law or under the old law.

Sir, I think that is all I have to reply and I thank those who made their criticisms on this Bill.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PIHAKBERKUASA AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bahawa suatu Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Perlindungan Pihakberkuasa Awam, 1948 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang (Pindaan) ini pendek sahaja, iaitu tujuannya yang ringkas ialah bagi meminda Ordinan Perlindungan Pihakberkuasa Awam, 1948 untuk me-

manjangkan tempoh sesuatu tindakan Mahkamah itu boleh diambil oleh orang-orang awam terhadap pihakberkuasa awam termasuk juga Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan lain-lain dari satu tahun kepada tiga tahun. Ini adalah kali yang keduanya tempoh ini telah dipanjangkan dan di bawah Undang-undang asal sebelum Ordinan ini tempohnya ialah cuma tiga bulan sahaja. Keperluan untuk dilonggarkan syarat ini adalah difikirkan sangat-sangat menasabah dan sejajar dengan keadaan masa dan keadilan. Di tempat-tempat lain seperti di England pihakberkuasa sekarang tidak lagi menikmati tempoh yang istimewa kerana telah disamakan kedudukannya dengan orang-orang awam. Majlis Peguam-peguam (The Bar Council) telah juga mendesak demi kepentingan awam supaya perubahan dibuat tetapi sebaliknya mereka mencadangkan untuk dilonggarkan setakat tiga tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini, maka memberi lebih peluang kepada orang awam untuk menuntut ganti-rugi kepada pihak Berkuasa Kerajaan Persekutuan Kerajaan Negeri, misalnya Majlis Bandaran yang mendapat kemalangan dan apa-apa tuntutan yang dahulu diberi tempoh dalam masa setahun. Kalau dalam masa setahun dia tidak menuntut maka tidak ada hak lagilah rakyat jelata ini hendak menuntut dari Kerajaan. Sekarang kita beri peluang kepada mereka itu boleh menuntut sampai masa 3 tahun. Masa ini diberi peluang hampir 3 tahun kerana memandangkan kadang-kadang lambat hendak jumpa Peguam bagi orang kampung, orang yang di luar bandar dan ambil kuasa pula lagi sebelum menuntut kepada pihak Kerajaan, maka difikirkan adalah menasabah dan adil kalau kita beri rakyat jelata boleh menuntut kepada Kerajaan dalam masa 3 tahun. Inilah tujuan pindaan ini untuk menyenangkan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.05 ptg.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Amendment to the Public Protection Ordinance of 1948 no

doubt will be welcomed by all members of the Bar and the public generally. Up to now, members of the public could not bring any action for any injury or damage against the Government, its servants or agents acting in the execution of statutory or other public duties unless the action was commenced within one year after the act, neglect or default complained of or in the case of a continuing injury or damage within 12 months next after the ceasing thereof. This Bill enables an action to be brought against the Government, its servants or agents within 3 years from the date of the act, neglect or default complained of.

Hitherto, particularly in fatal accident cases, victims were prevented from bringing any action against the Government, caused perhaps by some delay in obtaining Letters of Administration and getting other necessary information or particulars from Government Departments or otherwise. Though the victims or their next-of-kin had shown all diligence, care and had good causes for action against the Government, they were barred from instituting any action due to the limitation period of one year which worked against them, although in ordinary civil claims against non-Government servants, for personal injuries, the period of limitation was 6 years and in fatal accident cases the period of limitation was and still is 3 years. It will be appreciated if the Government will consider giving the same period of limitation of 6 years for injuries and 3 years for fatal accident claims as is the case with non-Government servants who are involved in accidents.

5.07 ptg.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sepatah dua sambil menyokong Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, memuji sikap Kerajaan kerana bertimbang rasa kepada rakyat yang selama ini di dalam tempoh setahun tidak dapat kesempatan untuk mendapat hak mereka kerana boleh jadi sebahagian besar daripada penduduk dalam negara kita ini tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan di kawasan pendalaman, kurang memahami cara-cara hendak mendapat haknya daripada Kerajaan dan masa 12 bulan atau setahun

yang diberi kepada mereka dahulu tentulah tidak mencukupi dan masa tiga tahun ini memanglah mencukupi. Saya rasa kalau hendak bagi sampai kepada 6 tahun, seperti yang dibayangkan oleh sahabat saya yang baru sekejap ini tentulah terlampau panjang dan eloklah tiga tahun ini.

Apa yang saya hendak katakan dalam Dewan ini, kalau benar-benar kita memikirkan di masa yang telah lalu setahun itu ada orang yang rugi daripada mendapat haknya, maka saya ingin mendapat penjelasan sambil meluluskan Rang Undang-undang ini bilakah pindaan ini akan dijalankan kuatkuasanya? Samada kuatkuasa akan dijalankan sebaik-baik sahaja Dewan Rakyat dan Dewan Negara diluluskan dan dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak dikebelakangkan tarikh kuatkuasa ataupun berjalan berhadapan seperti itu. Saya katakan begitu kerana kalau kita sudah bertimbang rasa seperti ini ada eloknya tarikh mengwartakan ataupun tarikh dijalankan kuatkuasa peraturan ini atau pindaan ini diperlewatkan selama dua tahun. Ertinya kalau sekarang ini kita berada dalam tahun 1974 eloklah kuatkuasa pindaan ini bermula daripada tahun 1972 supaya orang-orang yang tidak mendapat kesempatan dalam tahun 1972 yang lalu disebabkan tempoh setahun itu dapat mereka mendapat perlindungan daripada pindaan yang ada pada hari ini. Kalau benar-benar Kerajaan yang ada pada hari ini bertimbangrasa di atas sedikit kelewatan yang berlaku disebabkan kejahilan ataupun disebabkan kelalaian rakyat dalam negeri ini; saya tidak faham dari segi undang-undang samada perkara ini boleh dibuat ataupun tidak, tetapi saya dengar ahli undang-undang kata boleh, kalau hendak buat. Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Peguam Negara dapat menentukan di dalam Dewan ini samada boleh dipertimbangkan atau tidak cadangan yang saya bayangkan itu, dan sekali lagi saya menyokong penuh dan diharap dapat pertimbangan.

5.10 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bagi mengalu-alukan dan sokongannya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) yang saya bawa ke Parlimen ini.

Berkenaan dengan cadangannya minta lanjutan 6 tahun pada kes kemalangan yang tidak mati, saya fikir masa ini 3 tahun bagi keduanya adalah mencukupi dan seliranya mustahak pada masa yang akan datang didapati ada kesusahan, maka saya akan timbangkan cadangan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Besut juga menyokong Undang-undang ini. Beliau bertanya berkenaan dengan samada boleh atau tidak Undang-undang ini kuatkuasanya berjalan mulai dalam tahun 1972. Sebetulnya, mengikut Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini kita tidak boleh beri kuatkuasakan Undang-undang itu kebelakangan, sebab tidak ada peruntukan dibuat dalam Undang-undang itu. Maka apakala Undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat akan dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Maka apakala diistiharkan dalam *Warta Kerajaan*, maka dari tarikh itu berkuatkuasalah undang-undang ini. Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Besut itu telahpun dipertimbangkan tetapi kalau kita fikirkan hendak menolong orang yang ke belakangan setahun, apa pula kata mereka yang telah lepas tuntutan tahun 1972, 1971 tahun 1969 dan yang kebelakangan. Jadi susah hendak tahu had mana hendak pergi ke belakangan itu untuk dapat keadilan. Sebetulnya tidak banyak mereka yang tidak dapat tuntutan. Kalau ada mereka yang telah lewat memasukkan tuntutan lepas daripada masa yang ditentukan itu, saya bagi pihak Kerajaan kita, boleh merayu kerana tuntutan itu selalunya dibuat kepada Peguam Negara. Segala tuntutan kepada Kerajaan Persekutuan adalah dibuat terhadap Peguam Negara, sekiranya mereka itu sudah lepas masa, saya boleh merayu kepada Kerajaan kita dan Kementerian Kewangan minta timbang rasa dan sagu hati dan diberikan juga bayaran kepada mereka itu, walaupun mereka itu mengikut Undang-undang tidak ada hak lagi untuk menerimanya. Dari segi peri kemanusiaan atau compassionate ground perkara itu boleh ditimbangkan. Itulah sahaja jawapan saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.15 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.30 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
5.30 pg.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Jualan, 1972 dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Huraian kepada Rang Undang-undang itu tujuan Rang Undang-undang ini ialah meminda beberapa peruntukan Akta Cukai Jualan, 1972 dengan bertujuan untuk memperbaiki pentadbiran cukai jualan dan juga kerja-kerja menguatkuasakan cukai tersebut. Pindaan-pindaan yang difikirkan penting ialah pindaan-pindaan kepada seksyen 13, 29 dan 43. Seksyen 13 dipinda untuk memasukkan seksyen baru 13A yang akan memberi peruntukan bagi penyerahan lesen cukai jualan jika seseorang yang kena cukai sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Cukai Jualan, 1972 berhenti berniaga. Suka saya nyatakan di sini bahawa lesen cukai jualan yang dimaksudkan tadi dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dengan dikenakan apa-apa bayaran. Seksyen baharu ini juga akan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah

Kastam melucutkan lesen bagi perkara yang saya sebutkan tadi dan juga perkara-perkara di mana seorang yang kena cukai (a) tidak mematuhi atau enggan mengeluarkan invoice berkenaan dengan penjualannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 17; atau (b) enggan menyimpan rekod sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 18; atau (c) enggan menyerahkan penyata cukai jualan kepada Jabatan Kastam; atau (d) enggan mengena dan mengutip cukai jualan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 22. Dengan peruntukan baru ini Jabatan Kastam akan dapat menyimpan rekod yang baik dan yang "up-to-date" berkenaan dengan semua orang yang kena cukai untuk tujuan mengadakan perlaksanaan cukai jualan yang lebih sempurna dan berkesan.

Seksyen 29 juga akan dipinda supaya syarat-syarat yang dikenakan bagi sesuatu ambilan cukai jualan yang diberi berkaitan dengan barang-barang yang kemudian di-eksepot boleh dinyatakan dalam satu peraturan cukai jualan yang dibuat di bawah Akta Cukai Jualan. Seksyen 29 yang ada sekarang ini tidak memperuntukan bagi tujuan tersebut. Seksyen ini hanya menyatakan bahawa syarat-syarat adalah sama dengan syarat-syarat yang diberi bagi ambilan cukai kastam di bawah Akta Cukai Kastam, 1967.

Di bawah seksyen 43, tidak ada hukuman yang diberi bagi kesalahan-kesalahan yang tersebut dalam seksyen ini seperti keengganan menyimpan rekod, keengganan mengeluarkan invoice, keengganan mengena dan mengutip cukai jualan, keengganan menyerahkan peyata cukai jualan kepada jabatan Kastam, keengganan menyerahkan rekod atau dokumen untuk pemeriksaan pegawai cukai jualan yang tertentu dan sebagainya. Hukuman yang diberi di bawah seksyen ini ialah hanya bagi kes-kes di mana keengganan atau perbuatan itu adalah disebabkan oleh apa-apa tipuan atau kecuaiian yang sengaja. Adalah dicadangkan bahawa perkataan-perkataan "dan jika perbuatan atau hal tidak melakukan perbuatan itu disebabkan oleh apa-apa tipuan atau kecuaiian yang sengaja" dalam seksyen itu dipotong supaya seorang yang kena cukai yang melakukan mana-mana kesalahan di bawah seksyen ini boleh dikenakan hukuman sebagaimana yang diperuntukan dalam seksyen ini.

Pindaan-pindaan lain kepada Akta Cukai Jualan seperti seksyen 2, 22 (1), 26, 31 (1), 44 dan 76 adalah kecil sahaja dan dibuat untuk memberi pengertian yang lebih tepat kepada seksyen-seksyen tersebut atau untuk memperbaili pentadbiran cukai jualan.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menerangkan konsep dan perjalanan cukai jualan kerana cukai ini nampaknya telah digunakan oleh setengah orang yang tidak bertanggungjawab, terutama sekali penjual-penjual runcit yang dipercayai telah menaikkan harga barang-barang terutama sekali barang-barang keperluan harian untuk membuat keuntungan yang lebih.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar cukai jualan yang dikuatkuasakan sekarang ini dikenakan atas semua barang-barang impot dan juga barang-barang buatan tempatan di peringkat impot ataupun di peringkat barang-barang itu dijual atau dilepas dengan cara-cara lain oleh pengilang, melainkan jika barang-barang itu dikedualikan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Cukai Jualan. Kadar cukai ini ialah 5% bagi semua barang-barang melainkan emas, barang-barang kemas, minuman-minuman keras, rokok yang mana dikenakan kadar sebanyak 10%. Cukai jualan ini adalah seperingkat sahaja, iaitu ia dikenakan ke atas barang-barang siap di peringkat pengilangan. Dalam lain perkataan hanya pengilang sahaja mengena dan mengutip cukai bagi pihak Kerajaan. Seorang penjual borong atau penjual runcit tidak harus mengutip cukai atas barang-barang yang dijual kepada pengguna-pengguna melainkan dia sendiri ialah seorang pengilang yang telah mendapat lesen daripada Jabatan Kastam dan Eksais. Oleh itu di bawah sistem ini cukai itu telah pun dimasukkan dalam harga tiap-tiap barang semasa dijual oleh pengilang-pengilang itu. Cukai yang termasuk di dalam harga barang-barang itu mungkin berjumlah sepenuhnya atau sebahagian sahaja bergantung kepada kemampuan pengilang-pengilang untuk menyerapnya.

Adalah diperingatkan di sini bahawa bukan semua pengilang-pengilang dikehendaki mengena dan mengutip cukai jualan. Pengilang-pengilang yang dikehendaki mengena dan mengutip cukai jualan adalah pengilang-pengilang yang mana nilai jualan mereka melebihi \$20,000 setahun.

Oleh itu pengilang-pengilang kecil adalah dikecualikan daripada kehendak itu. Begitu juga pengilang-pengilang yang membuat barang-barang bercukai dengan menggunakan bahan-bahan orang lain seperti tukang jahit dan tukang emas adalah dikecualikan daripada kehendak itu jika bayaran-bayaran yang diterima oleh mereka daripada pekerjaan tersebut tidak melebihi \$4,000 setahun.

Saya suka menerangkan di sini barang-barang diperkilang sahaja, sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 dalam Akta, dikenakan cukai jualan. Barang-barang yang tidak diperkilang seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan tidak termasuk dalam bidang Akta itu, dan oleh itu tidak dikenakan cukai jualan. Sekiranya harga barang-barang ini naik, kenaikan itu bukan disebabkan oleh cukai jualan tetapi sebab-sebab lain seperti faktor-faktor musim dan cuaca. Walau bagaimanapun ada barang-barang yang diperkilang yang difikirkan perlu untuk kegunaan hari-hari. Barang-barang ini semuanya telah dikecualikan daripada cukai jualan. Ada sebanyak 620 jenis barang-barang tersebut termasuklah barang-barang yang telah saya sebutkan tadi. Jika jenis-jenis ini dipecahkan lagi jumlahnya akan menjadi lebih besar. Secara kasar barang-barang ini termasuk minyak masak, gula, garam, minyak tanah, minyak disel, minyak petrol, semua jenis ubat, baja, setengah barang-barang binaan termasuk batu-bata dan simen, buku, surat khabar dan majallah-majallah dan juga alat-alat sukan. Butir-butir penuh mengenai barang-barang tersebut adalah terkandung dalam Perintah Cukai Jualan (Pengecualian), 1972—P.U. (A) 53 bertarikh 29hb Februari, 1972, seperti dipinda. Jika sekiranya harga barang-barang ini telah naik, kenaikan ini bukan disebabkan oleh cukai jualan kerana barang-barang itu telah pun dikecualikan daripada cukai tersebut, tetapi oleh sebab-sebab lain seperti inflasi. Sebagai contoh, sekiranya Kerajaan telah tidak memberi subsidi ke atas gula, tepung dan beras harga barang-barang tersebut yang mana dikecualikan daripada cukai jualan mungkin naik lebih tinggi lagi daripada paras harga yang ada sekarang.

Saya telah pun menerangkan tadi secara mendalam ciri-ciri penting cukai itu untuk menunjukkan bahawa ianya ialah cukai seperingkat. Barangkali ada kemungkinan

juga bahawa harga barang-barang tersebut yang dikenakan cukai telah meningkat tetapi memandangkan bahawa kadar cukai jualan ialah hanya 5% bagi kebanyakan barang-barang, maka adalah tidak benar bahawa inflasi telah disebabkan oleh cukai jualan ini. Saya patut menyatakan juga bahawa kadar 5% yang ada sekarang ini sebenarnya ialah suatu kadar yang paling rendah sekali dalam negara-negara Asia pada hari ini, jika tidak pun dalam dunia dan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum inflasi ini dihadapi di seluruh dunia.

Saya suka juga menyatakan bahawa Kerajaan melalui sistem penyampaiannya sedang melancarkan satu kempen publisiti untuk menerangkan kepada rakyat perjalanan dan perlaksanaan cukai jualan yang sebenarnya untuk mencegah pihak peniaga daripada mengambil kesempatan daripada cukai ini untuk membuat keuntungan bagi kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.46 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister just now explained that the Government feels that the Sales Tax is not responsible for the increasing inflation in this country. I would like to bring up one or two instances which show that things are quite the contrary and that the Sales Tax is responsible, to a large extent, for at least domestic inflation.

Mr Speaker, Sir, everybody in the country, except the Ministers on the Government benches, is quite convinced that the Sales Tax has been the main culprit in the spiralling of domestic inflation. On imported inflation, we have no control; but at least with domestic inflation, it is within our resources to remove the most likely causes.

The Sales Tax Act was implemented in 1972, and for the past two years, businessmen in commerce and industry and consumers of the working class knew and have felt, the impact of the Sales Tax on domestic

inflation. The Sales Tax has spurred the inflation rate because of its multiplying action. The people in the know, the businessmen, complained that in certain cases, the Sales Tax was collected several times on the same article. I quote from a complaint by an association of businessmen. For example, they say, "In the case of a printed document in the Chinese language, firstly, the Sales Tax was paid on the paper on which the characters were printed; secondly, Sales Tax was paid on the cost of setting up the types of Chinese characters; thirdly, Sales Tax was paid on the cost of printing the document; and, fourthly, Sales Tax was paid on the distribution of the printed documents."

Another instance is the question of the assembly of cars. I was told by reliable people that Sales Tax is paid on the parts (C.K.D.) at the time of import, in other words, at the port of disembarkation and after that they also pay Sales Tax when the whole car has been assembled. In other words, the assembler has to pay twice. I was told too that a tyre manufacturer has to pay Sales Tax on the tyres that come out from the tyre factory and these added on to the cars have another Sales Tax when the assembled cars are sold to the consumers. Similarly, with batteries; the battery maker pays Sales Tax and on being assembled into the car, another Sales Tax is imposed again on the assembled car.

Mr Speaker, Sir, one shudders to think how many times this multiplying procedure has been repeated over and over again in other consumer goods, and how many times the cost of the finished articles must have been pushed up. It is small wonder that the working class consumer finds that his dollar has shrunk considerably in the purchase of food and other daily essentials, notwithstanding the claim that our dollar is among the strongest currencies in the world. We are all proud that the Ringgit is strong, but to be meaningful to the consumer, it should at least retain its buying power.

In view of the present inflation, where the Consumer Price Index for February 1974 is some 21.9% higher than the index for February 1973, i.e. last year, the role of the Sales Tax in the national economy must be reconsidered. Also in view of the anti-inflation measures announced recently by the

Government, the Sales Tax has become an anomaly. It defeats the whole purpose, and the anti-inflation campaign is hardly likely to get off the ground with the retention of the Sales Tax. The Sales Tax sticks out like a sore thumb in the midst of all the Government subsidies for essential goods and the waiver of certain excise and import duties and other anti-inflationary measures.

Mr Speaker, Sir, inflation is the problem and, unless controlled, may bring in a host of economic, social and political problems. Half-hearted measures will not be sufficient. A bold stroke is necessary, and that is, the abolition of the Sales Tax. It has been said that Helen of Troy launched a thousand ships, but it is now said in the shops here that the Sales Tax here has launched a thousand inflations.

5.53 ptg.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I agree with the Honourable Minister that the Sales Tax is not a major component of the inflationary situation that we are faced with today. But, I think, it is true to say that up to a point when it was first introduced before inflation really hit this country that the Sales Tax introduced then provided the spark, although a small one, and an opportunity for the profiteers in this country to capitalise on the situation and to up the prices of all the goods and essential items in this country. Having started on that spiral, then other factors came in—imported inflation, shortage of materials and goods and they overwhelmed and overpowered this relatively small item with regard to the Sales Tax.

I think the main thing which we are now concerned with is how to really check the situation from getting worse. I do not believe that at the moment it is possible for any government, even the best government in the world, to completely beat inflation because basically it is a world-wide problem caused by world-wide events: the uncertain monetary situation in the world, the collapse of the major currencies of the world—the American dollar, the British pound and the Japanese yen, plus the continued state of tension in the Middle-East with all the oil embargoes and the high cost of petroleum. So, our job is to see how we could prevent the problem from getting worse, and one of the ways by which

we could do that, Sir, is to encourage our co-operatives in this country to play a more active role. I would like to see the co-operatives play a more active role because I have seen that even with just one co-operative shopping centre in Petaling Jaya, that shop can sell goods much cheaper than all the other shops around it. This is just one indication and evidence to show that the co-operative movement can in fact help to bring down the cost of essential items in this country.

Secondly, Sir, I believe that as consumers the matter is very much also in our own hands. It is no use for us to complain about profiteers and complain about things not being done right while we ourselves are not prepared to lift a finger in order to help stop the worsening inflation in our country. One way that we all could help would be to take part and to support the consumers' bodies which have been formed, and I think more consumer associations ought to be formed throughout the length of Malaysia so that everybody then can be made more aware of what really causes inflation and what are the steps which we, the people, can take to do a lot of things to help lessen the burden on us. I think it is important that this is done; otherwise all the gains which have been made in the Second Malaysia Plan could be nullified by the increasing cost of living in Malaysia. So, I myself do not subscribe to the belief that the Sales Tax is presently the main cause of inflation in this country and even if you remove this Sales Tax, it is unlikely that there will be a proportionate reduction in the cost of all these items. It seems to me, in the nature of things, in the nature of materials, and items, that once the price has gone up it is very unlikely for it to come down. What goes up does not necessarily come down in the case involving the cost of living in this country, but what I think we could do is that the productivity can also go up higher than the inflationary trend.

What could also be done is to increase the earning capacity of our people, of the rakyat, both the farmers, the fishermen and the people in the urban areas, so that even if inflation goes up, as long as productivity increases at a higher rate and the earning capacity of the people also goes up at a higher rate than the cost of living, then I think we will be all right. I think in

comparison with the other countries of the world, even in comparison with our good neighbour Singapore, we have not done too badly. The Members from the D.A.P. like to say that nothing has been done to check inflation and that it is symptomatic of the indifference to the problems of inflation. I think even in Singapore where the Government is very concerned about the welfare of the people and where they really tried to stop this problem, they have found it not possible, and they have admitted it that the problem is really beyond their control and the Honourable Minister, Mr Hon Sui Sen himself has said it very clearly, that "This problem is beyond us, it is a world-wide problem" so much so that today the cost of living there has jumped up so much so that a lot of Malaysians who were in Singapore—I know for a fact that a lot of Malaysians were in Singapore and they were there to take part in the construction industry in Singapore because of the job opportunities there then, because of the urban renewal projects which were springing up all over Singapore—have now come back to Malaysia because inflation is less of a problem in this country, because the price of rice is cheaper here and the price of sugar, fish, housing and a lot of other items are much cheaper here. So, they have come back and that is one reason. The other reason, of course, is the increasing opportunities for employment in all the urban areas with all these building projects which are coming up and the increasing employment opportunities in the rural areas with all the Rancangan-rancangan Luar Bandar which make it worth their while to come back to Malaysia.

So, Sir, I say that we are on the right track except that we have got to make sure that in the implementation of some of our measures, especially now this question of controlling the price of rice, I think a few problems have cropped up; dealers do not quite know how the system is going to operate and the consumers themselves are a bit confused and they do not know what is the long grain, what is the short grain, they do not quite know the difference, the various categories of rice which have been spelt out by the Honourable Deputy Prime Minister when he announced the measures to control the price of rice. I think it is basically a good measure, but I think we have to take into account the fact that all the various groups involved in the process—the producers, the farmers, the

dealers and the consumers—that all their rights are well looked after. In other words, if we control the price of rice, we must make sure that the selling price of padi and rice produced by the farmer is still an adequate one. In other words, the farmers must still be able to make a profit on the padi which is by its nature a commodity which fetches very, very low income. So, on the one hand, we have got to ensure that the farmers make a profit; on the other hand, we have to ensure that rice is not sold at too high a price and that the dealers themselves make a reasonable profit; otherwise they will go out of business and I don't think that is the policy of the Government. The Government must be fair to all these groups. Finally, the consumers themselves—and all of us are consumers—want the price of rice to be as low as possible. So, it is a vicious cycle and that vicious cycle could only be broken by fair, firm measures implemented fairly and clearly, measures which must be clear and unequivocal so that everybody involved knows what we are doing. That is very important and this is something where we must all succeed.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN)

6.00 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang-Lupar): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, speaking on the Sales Tax (Amendment) Bill, I take this opportunity to state my view that the Sales Tax should never have been introduced in Malaysia. It was too great and too soon an incidence that when the Sales Tax was introduced in this Dewan two years ago inflation which had been then world-wide but had not been felt very much in this country suddenly came into our Malaysian scene with such suddenness that even now we still are reeling under its impact. Prices go up overnight and in every way they get out of control and out of proportion. Though I feel that the introduction of the Sales Tax in Malaysia is not to be blamed, but it is the Sales Tax that lighted the whole fireworks of inflation in this country. While it was originally supposed to be a 5% tax on goods that go out of the production line, by the time the goods had reached the poor people in the remote areas it had snow-balled 20% to 30% depending on the number of middlemen. As the goods passed through them each got their 5% slice or even more added in good measure for profits.

Much has been said by so many people about the Sales Tax, but I have never heard any good word ever since it was first introduced two years ago. It is almost becoming a necessary evil in our Malaysian way of life, and I take the opportunity to appeal to the Government to abolish this inflation starting tax in order to reduce some of the present inflation in this country. The Sales Tax is often payable twice by some people on the same goods. For example, I have a friend who bought some goods in

Kuala Lumpur. He paid the Sales Tax on those goods and he brought them to Sarawak from Kuala Lumpur. When he passed the Customs Check-point at Kuching Airport he was asked again to pay another 5% Sales Tax on the same items of goods. Thus this friend had to pay 10% or more on the goods.

The same happens if a businessman orders his goods from West Malaysia. The producer will charge 5%, then the wholesalers another 5%, the retailer adds in another 5% and by the time it gets to the rural areas with so many kedai runcit along the line, the total additional cost of the goods would be between 20% to 30% more payable by the consumers. This is a typical inflationary example which we must do away with without further delay. We Malaysians are simply not ready or affluent enough to bear the burden of this Sales Tax at the present stage of our development and at the present period of our people's economic circumstances. It is interesting to note that with the coming of the Sales Tax two years ago, our Malaysian one-cent piece has been rendered useless. One seldom sees the use if ever, one-cent piece any more. Now our 5-cent piece is slowly rendered useless gradually. Goods are in the habit of being sold to the nearest 10-cents. Our 10-cent piece has replaced our one-cent piece in almost all articles purchased. The worrying factor here is this: though our Ringgit is the second strongest money in the world, next to the German Mark, but locally it has less and less purchasing power. This in the long run defeats our efforts towards development, because whatever we have improved for the rakyat are absorbed by the high cost of living which is getting higher every month.

I, therefore, feel that if we abolish the Sales Tax, it will bring down the price by at least 5% all round.

6.05 ptg.

Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan), 1972 yang ada di hadapan kita ini. Cukai walau di mana-mana negeri sekalipun dalam dunia ini tak disambut baik oleh rakyat jelata, tetapi memikirkan cukai itu apabila dikumpul daripada beberapa punca kutipan

cukai, maka cukai itu akan ditabur semula, akan memberi faedah kepada segala rakyat jelata dalam negeri kita sendiri.

Cukai Jualan ini khasnya, saya boleh mengaku tidak berapa popular, sebab kesempatan telah diambil oleh pihak pekedai dan penjual mengambil keuntungan bagi kepentingan masing-masing. Kita tak boleh salahkan mereka. Saya sendiri sebagai Wakil Rakyat kalau ada peluang saya pun berkehendakkan keuntungan seperti itu juga. Jadi daripada asalnya Cukai Jualan yang telah diluluskan oleh Dewan ini sampai sekarang dan daripada penerangan Yang Berhormat Menteri, Kerajaan telah bermurah hati mengecualikan 628 jenis barang-barang daripada cukai. Maknanya Kerajaan telah berlembut daripada asal. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri daripada cukai 5% itu kepada barang-barang lain dalam negeri ini berapa banyakkah wang dapat kita kumpul dalam satu tahun, dan juga kalau kita memikirkan wang yang kita kehendaki untuk mentadbir, umpamanya, mengadakan ramai lagi pegawai-pegawai kastam, pegawai pencegah, pegawai itu, pegawai ini. Saya takut keuntungan bersihnya (net profit) sangat kurang, jadi tak patut dengan kepenatan yang telah kita jalankan.

Sayugia diingat bahawa wang terlampau banyak bertaburan dalam negara kita ini. Kalau kita pergi ke pasar, kita tengok penumpang bas penuh. Kita tengok di rumah-rumah yang dahulunya ada satu motokar, sekarang ada dua tiga motokar, getah ada motokar, penjual nasi ada motokar, penjual ice-cream sekarang tak ada lagi gunakan basikal, bahkan pakai motosikal Honda atau van. Kita pergi ke night club, di Bandaraya Kuala Lumpur ini penuh, tak ada tempat duduk kosong—terlampau banyak duit mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan hendak mop up the access money. Itu saya bersetuju, tetapi saya minta jangan disalah gunakan. Itu sahaja. Misalnya, baru-baru ini dalam Dewan kita ini kita telah meluluskan satu undang-undang berkenaan dengan surcharge kepada getah sebanyak 2 sen satu paun telah menjadi satu tekanan yang berat sekali kepada pekebun-pekebun kecil di dalam tanahair kita ini. Tujuan Parlimen ialah hendak kutip surcharge itu

daripada orang-orang yang berada, maknanya orang-orang yang berniaga getah, pembeli getah dan pengeksport getah, tetapi orang-orang kapitalis ditolakannya balik kepada pekebun-pekebun kecil. Begitulah juga keadaannya berkenaan dengan Cukai Jualan ini ditolakkan balik kepada orang-orang miskin (consumers).

Saya bersetuju sepenuhnya dengan ucapan Yang Berhormat dari Bungsar tadi iaitu apa-apa masalah negara kita mesti dihadapi dengan berani dan kita mesti mencari jalan mengatasi masalah itu. Umpamanya, kita adakan kedai-kedai Kerjasama (co-operative). Di jurusan ini saya telahpun membuat syor kepada Kerajaan dan Kerajaan saya rasa tidak mendinginkan diri. Dengan adanya galakan Kerajaan itu maka tertubuhlah co-operative ini dan Kerajaan telahpun bersungguh-sungguh mengadakan PERNAS EDAR iaitu mengedarkan kepada orang-orang yang tidak begitu bernasib baik, pendapatannya tidak begitu besar, barang-barangnya murah, dijual at cost kepada orang-orang ini.

Di Negeri Perak kita telahpun mengadakan seperti itu juga kerana menyambut seruan daripada Kerajaan. Kita adakan PERNIDA, kita pun menjual barang-barang cukup murah dan sambutannya sangat hangat dan baik. Saya rasa lama kelamaan kita boleh atasi masalah ini. Baru semalam sahaja kita telah tubuhkan satu co-operative juga di bawah naungan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak. Kita akan membina beribu-ribu rumah murah (low-cost houses) untuk orang-orang miskin. Kalau ada orang-orang lain yang susah hendak mendapatkan rumah harga murah, datanglah ke Negeri Perak bila rumah itu siap kelak; sekarang belum siap lagi.

Satu perkara lagi Yang Berhormat Menteri berkehendakan orang-orang ini menyimpan buku dan sebagainya. Kita hendaklah berfikir cara praktikal. Pegawai-pegawai hendaklah menjalankan pekerjaan ini dengan bertolak ansur sedikit kerana kita berkehendak cukai daripada mereka ini dan kita menyuruh mereka itu bertalutalut menyimpan buku dan sebagainya. Kalau jualan itu sedikit sangat, barang-barang itu dijual kepada saudaramara mereka hendak direkodkan juga kalau tidak diheretkan ke Mahkamah. Jadi di atas perkara ini tujuan kita hendak mengutip cukai daripada mereka itu sudah menjadi

sakit hati pula kepada orang-orang ini. Menyimpan buku cara teratur dan baik ini memanglah menjadi sungutan daripada peniaga-peniaga dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan memikirkan satu cara menyimpan buku yang senang sekali. Saya rasa dengan pengalaman kita yang lebih lama sedikit di atas soal cukai Jualan ini, maka desas desus di kalangan rakyat jelata dapat kita atasi.

6.15 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam Perbahasan Rang Undang-undang ini, dan saya cuma hendak menjawab satu dua perkara sahaja iaitu terhadap teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur.

Di bawah Akta Cukai Jualan Tahun 1972, pengilang berlesen seperti licensed printers atau motorcar assemblers adalah bahan-bahan mentah untuk pengilang bebas dan bebas daripada Cukai Jualan. Cukai Jualan hanya dikenakan apabila barang-barang tersebut siap dijual oleh pengilang-pengilang berlesen berkenaan. Tuduhan Ahli Yang Berhormat mengatakan barang yang dibawa masuk itu sudah kena Cukai Jualan dan apabila diassemble pula kena Cukai Jualan adalah tidak benar sama sekali. Cuma pengilang yang berlesen sahaja yang akan mengenakan Cukai Jualan untuk mengutip bagi pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh menghargai di atas pendapat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, dan perkara ini Kerajaan memang menggalakkan Syarikat-syarikat Kerjasama memainkan peranan yang penting dalam menjual barang-barang, terutama barang-barang keperluan yang digunakan oleh rakyat jelata pada hari ini. Barang-barang ini adalah barang keperluan yang tidak dikenakan Cukai Jualan sama sekali. Jadi dengan pengambilan yang aktif oleh syarikat-syarikat kerjasama ini, saya percaya barang-barang ini dapat diturunkan harganya, kerana pemodal dan enjual-penjual yang tidak bertanggungjawab tidak lagi dapat mengambil keuntungan yang lebih.

Bagi menjawab teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa iaitu Cukai Jualan hendaklah dikenakan sekali sahaja iaitu apabila barang yang kena cukai itu dijual oleh pengilang berlesen seperti saya sebut dalam ucapan saya apabila mengemukakan Bill atau Rang Undang-undang ini. Kalau barang ini dikenakan Cukai Jualan semasa dibawa keluar daripada Semenanjung Malaysia dan apabila dibawa masuk ke Negeri Sarawak atau Sabah tidak lagi dikenakan Cukai Jualan. Kalau ada penjual-penjual di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak mengutip lagi Cukai Jualan hendaklah melapurkan serta merta kepada Jabatan Kastam ataupun pihak Polis supaya tindakan boleh diambil terhadap mereka. Cuma pengilang yang berlesen sahaja yang akan mengutip Cukai Jualan bagi pihak Kerajaan. Penjual-penjual retailers di Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan juga di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tidak boleh mengenakan cukai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Larut Utara yang menyokong Rang Undang-undang ini. Berkenaan total collection, saya tidak ada angka yang tepat pada waktu ini, tetapi setahu saya adalah satu angka yang besar daripada hasil Cukai Jualan ini, tetapi perbelanjaan Kerajaan masih lagi banyak perbezaannya. Ini memberikan hasil kepada negara untuk dibelanjakan bagi faedah rakyat dan faedah negara, bahkan saya sudahpun mendapat angka ini iaitu Cukai Jualan atas impot sebanyak \$65,516,136 bagi tahun 1972, \$65,516,136.46 Cukai Jualan atas barang-barang tempatan, \$49,392,623.11. Jumlah \$114,908,799.57. Pegawai-pegawai yang menjalankan ataupun memungut Cukai Jualan ini adalah Pegawai-pegawai Kastam biasa sahaja yang dibayar gaji semenjak dahulu lagi untuk menjalankan tugas sebagai pegawai-pegawai kastam dan tugas-tugas yang lain. Ini tidaklah menambahkan perbelanjaan Kerajaan. Pungutan Cukai Jualan bagi tahun 1973: Cukai Jualan atas impot ialah sebanyak \$111,093,991.97, Cukai Jualan atas barang-barang tempatan ialah \$107,895,635.84. Jumlahnya \$218,989,587.81. Ini adalah satu angka yang besar yang memberi hasil kepada negara kita untuk Kerajaan menjalankan projek-projek pembangunan yang memberi faedah kepada rakyat. Kerajaan menambahkan lagi banyak

hospital-hospital dan sekolah-sekolah bagi rakyat. Jadi saya suka lah mendengar iaitu ucapan Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara iaitu Kerajaan Negeri Perak mengambil usaha yang lebih lagi bagi menubuhkan Syarikat-syarikat Kerjasama dan kita berharap Kerajaan-kerajaan Negeri lainpun berbuat demikian kerana Syarikat-syarikat Kerjasamalah yang akan dapat menolong Kerajaan untuk mencegah inflasi yang sedang merebak pada hari ini.

Sekianlah sahaja penjelasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (CARUM DAN PEMBAYARAN BALIK STOK PENIMBAL TIMAH)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.23 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi tujuan cukai pendapatan atas perkara-perkara berkaitan dengan pencaruman dan pembayaran yang dibuat di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bijeh Timah (Stok Penimbal), 1972" dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Peraturan-peraturan Kawalan Bijeh Timah (Stok Penimbal), 1972, yang berkuatkuasa sekarang ini, antara lain-lain

menghendaki orang-orang yang melombong bijih timah di Malaysia Barat membayar carum kepada Kumpulan Wang Stok Penimbai (Buffer Stock Fund). Carum ini boleh dibayar secara langsung oleh pelombong itu ataupun dengan cara memotong sebahagian daripada harga jualan apabila bijih timah dijual.

Carum-carum ini merupakan satu pinjaman kepada Kumpulan Wang Stok Penimbai dengan tujuan menolong menetapkan harga lantai (floor price) bagi bijih timah dan oleh itu boleh dikembalikan kepada pembayarannya apabila Kumpulan Wang itu dibubarkan. Oleh yang demikian, carum-carum ini tidaklah boleh dianggap sebagai satu perbelanjaan yang digunakan dalam menghasilkan pendapatan daripada perniagaan pembayar dan oleh itu tidaklah dibenarkan dipotong dalam pengiraan pendapatan yang dikenakan cukai pendapatan.

Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan suatu pelepasan sertamerta bagi pembayar itu dengan cara membenarkan dia memilih, tidak lewat daripada 31hb Disember, tahun ini samada berkehendakkan carum-carum itu dipotong atau tidak bagi menentukan pendapatannya yang dikenakan cukai pendapatan. Pemilihan setelah dibuat tidaklah boleh dibatalkan. Pembayaran daripada Kumpulan Wang itu kepada seorang pencarum yang telah membuat pemilihan hendaklah dianggap sebagai pendapatan yang dikenakan cukai pendapatan. Bagi seorang pembayar yang tidak membuat pemilihan bagi membenarkan pencarumannya sebagai satu potongan dalam menentukan pendapatan yang dikenakan cukai pendapatan, pembayaran yang diterimanya daripada Kumpulan Wang tidak akan disalurkan cukai pendapatan.

Jika sekiranya terdapat kes yang luarbiasa di mana penggunaan cara menetapkan pendapatan di bawah Rang Undang-undang ini mengakibatkan seorang pencarum kena bayar cukai yang tidak adil maka Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri ada mempunyai kuasa di bawah Rang Undang-undang ini bagi meremitkan sebahagian daripada cukai itu supaya cukai yang dikenakan adalah adil.

Rang Undang-undang ini adalah serupa dengan Akta Cukai Pendapatan (Carum dan Bayaran Kembali Stok Penimbai Bijih Timah), 1967 (No. 31 tahun 1967) melain-

kan ada terdapat beberapa perubahan deraf yang terpaksa dibuat mengikut peruntukan-peruntukan Akta Cukai Pendapatan tahun 1967 dan juga tafsiran yang luas bagi perkataan "contribution". Tafsiran "contribution" ini ialah untuk membolehkan pengusaha lombong yang memberi bukti kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bahawa dia telah membayar atau menanggung pencaruman (mengikut perjanjian atau peraturan dengan tuannya lombong) dengan menggunakan nama tuannya lombong sebagai pencarum yang berdaftar, diberi potongan bagi pencarumannya dan ditaksirkan atas pembayaran daripada Kumpulan Wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.30 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menyusun semula dan menyatukan undang-undang mengenai jalanraya, pamaritan dan bangunan seperti yang digunakan oleh pihak penguasa-penguasa tempatan sekarang. Dengan ini dapatlah diadakan keseragaman undang-undang dan polisi dalam perkara-perkara ini untuk digunakan oleh semua penguasa-penguasa tempatan.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan keselamatan yang cukup dalam bangunan-bangunan dan di tapak-tapak kerja yang dijalankan dan dengan itu peruntukan-peruntukan ini khususnya yang berkaitan dengan pencegahan kebakaran akan melibatkan kenaikan kos. Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan pencegahan kebakaran akan hanya melibatkan bangunan-bangunan perdagangan, perusahaan dan pejabat dan bukannya rumah-rumah kediaman. Akan tetapi dengan kemungkinan kenaikan kos itu terdapat juga lain-lain faktor yang harus dapat mengurangkan kos. Dengan menghapuskan kawalan yang ketat ke atas struktur-struktur dan ruangan boleh memudahkan lagi cara membuat reka bentuk dan ini akan dapat menjimatkan kos reka bentuk bangunan. Undang-undang kecil yang ada sekarang berdasarkan pada kekuatan bahan-bahan bangunan, tetapi undang-undang yang baru ini akan mengadakan sebagai tambahan satu konsep baru yang menumpukan kepada ciri bahan-bahan bangunan dan bukanlah kekuatannya.

Dengan kegunaan Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya adalah di harapkan masaalah pemaju-pemaju yang tidak membekalkan kemudahan-kemudahan infrastruktur dengan secukupnya tidak akan timbul lagi. Rang Undang-undang ini akan menghendaki pemaju-pemaju menjalankan kerja-kerja infrastruktur atau membayar deposit kepada penguasa tempatan untuk membolehkan penguasa tempatan berbuat demikian.

Pada amnya mutu yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang adalah paling minima yang diperlukan setelah diambil pertimbangan akan prinsip perancangan dan reka bentuk kejuruteraan dan arkitek yang sempurna dan keperluan untuk menjamin

keselamatan orang ramai dan mengekalkan mutu kesihatan orang ramai. Eloklah juga disebutkan di sini bahawa undang-undang yang baru ini dapat membuka jalan untuk mengguna teknologi baru dan bahan-bahan bangunan yang baru, khasnya cara-cara mengurangkan kos.

Butir-butir lanjut mengenai Rang Undang-undang ini adalah diberi di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Pada mulanya Rang Undang-undang ini akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan sahaja dan selepas itu akan dilaksanakan pula di penguasa-penguasa tempatan yang lain di Semenanjung Malaysia.

Saya suka menambah di sini bahawa sebagai yang dikehendaki di bawah Fasal 95A Perlembagaan Malaysia, Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan.

Akhirnya, saya suka juga menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada pindaan-pindaan kepada Fasal 16 dan 71 yang telah dibentangkan dengan Rang Undang-undang ini dan saya tidak akan membuat pindaan di Jawatankuasa Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.37 ptg.

Tuan Goh Hock Guan (Bangsar): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, with the spate of building activities that are now taking place in all the major urban centres of Penang, it is, therefore, very timely to see that this Bill that has been introduced will bring up-to-date the regulations governing the construction of buildings, roads and drains. Our present building by-laws are very out-dated as a result of which engineers and architects have to work under great difficulties. Furthermore, the building regulations of one local authority area vary from the next one, because there was not one set of uniform regulations that apply to the whole country. Everytime an architect designs a building in a different town, he has to read the building regulations special only to that particular town. This

makes for a great wastage of time and expenses.

However, Sir, I am somewhat surprised to note that, far from correcting this unhappy situation, the same problem is still going to be with us, because the new Bill allows a State Government to change "any or all provisions of this Act". So, Sir, we are back to square one. I, therefore, call on the Government to make this Bill applicable to all the States of Malaysia, if not now immediately, but at least at a later date as soon as possible.

Sir, the Government must ensure that the public interests are safeguarded in respect of the following and that architects, engineers, builders, developers and local authorities themselves observe the following:

- (1) Structural safety. Buildings must be designed so that they will not collapse like the disastrous Jalan Raja Laut one where many lives were lost. This means competent engineering design, good supervision and competent contractors.
- (2) Safety from fire hazards. All buildings must have adequate fire exits and fire-fighting devices with automatic ones for commercial complexes. The present fire exits, which are frequently blocked or locked in some hotels and cinemas, are absolutely dangerous and this must be corrected at once before tragedy strikes.
- (3) Safety from collapse of mining bunds, landslides, retaining walls and roads caving in through faulty construction must be ensured.
- (4) Safety from floods. Local authorities, engineers and architects must work closely in major housing projects and new towns to ensure that the present very bad flood situation is not made worse.
- (5) Safety for construction workers. Workers are not sufficiently protected against accidents and deaths. Only the other day, one worker died in the course of piling for the Sungei Wang project in Bukit Bintang Road. Falling down from tall buildings is also a common event. I suggest therefore that the Bill should incorporate laws to also safeguard the life of the construction workers.

In addition to the above, the Bill should:

- (a) Encourage and allow the use of our local building materials, especially timber, for a wide variety of construction and engineering works.
- (b) Allow the elimination of the filthy back-lanes if such back-lanes are not required.
- (c) Allow a greater freedom of architectural design for architects, so that we can bring out the best design within the framework of good building practices.
- (d) Compel local authorities themselves to quickly approve building plans without undue delay and so reduce the cost of housing and help in fighting inflation in this country.
- (e) Also compel local authorities to plant trees, undertake civic improvements like providing adequate playgrounds, schools, pedestrian sidewalks and adequate facilities for hawkers to make a living, install market stalls, provide adequate shopping and library facilities—an item which is frequently missed out.

in squatter areas where the Government is not yet able to resettle these squatters, it is essential that local authorities find ways and means to provide the basic infra-structural facilities like water, good drainage, good sanitation, in order to ensure that at least the lives of these poor people are made bearable; but more than that, Sir, it will ensure that contagious diseases like dengue fever and other diseases like cholera do not catch on and spread like wild fire.

Sir, with the introduction of this Bill, which I am sure would be welcomed by all the people involved in the building industries—the developers, the builders, engineers, architects, etc—I think it is also timely, perhaps at the next Session of Parliament, that the Government also introduce an up-to-date set of town planning legislation which will complement this set of uniform building regulations. This, I think, is very essential because our towns and cities are growing at an extremely rapid pace, a testimony to the booming economy of Malaysia.

Sir, I want just to bring up two more points. One involves the safety of passers-by. A lot of these sky-scrapers are now under construction in the city areas, and a few months ago there was an accident at the Hongkong and Shanghai building site in which one passer-by was killed, I think by falling debris from building works. So, I would urge that better protective hoardings be put up in all buildings, especially in the town centre where you have many people walking past the buildings, and that the local authorities themselves must ensure that these hoardings are put up according to the plans submitted by the architects or the builders.

Sir, another common complaint of buyers of homes in new housing estates concerns the drainage problem and the silting problem arising from the earth-works and construction works which are in progress. Here I hope the authorities concerned and the designers of these housing projects concerned must work more closely together; and where the engineers and the architects are concerned, they must adopt a more comprehensive outlook in other words, a larger view of their responsibilities not only to the particular project which they handle, to the clients whom they serve, but also their obligation to society whom they must also serve and whose interests are in no way lesser than the interests of their own clients.

Here, it would be noted that whilst engineers and architects have got to go through a four or five-year intensive course in the university, before these people can be registered or qualified to practise, there is no similar education required for builders and contractors. In fact, my view on this is that this was one of the reasons why some of the buildings collapsed: it is simply because anybody—literally anybody—even with not the faintest idea of building can call himself a contractor, can tender for a job and start constructing a building. I think we have got no legislation to protect the public against this, and I think it is time that a legislation be introduced to ensure that at least some minimum standards of sound construction are maintained. We may want to encourage more people to become contractors, but at the same time we must ensure that they have at least the rudimentary knowledge of sound building construction in order to protect the lives and safety of the public which in the end is more important than anything else.

Finally, Sir, on fire. The number of sun-shading screens which one sees in Kuala Lumpur and elsewhere, I think, are great barriers against an outbreak of fire. If fire catches on in one of these buildings, especially a sky-scraper, it will not be possible for the Fire Brigade to break through that aluminium or sun-shading screens to get through the windows to go in to rescue the poor chaps inside the building. So, here, Sir, I would like to suggest that in future, if these protective sun-shading screens are put outside the building—sometimes it is essential that they are put outside the building—then we must make sure that there are adequate openings, that they should be openable either with hinges or allow a sliding device, so that if there is a fire our firemen can get into the building to rescue the people inside. Similarly, Sir, in the case of a lot of lifts which have been installed in the low-cost flats and also in some of our sky-scrapers, we must make sure that, if there is a fire, all these lifts do not also break down with people trapped inside; in other words, there should be fire-lifts which can be used in the event of a breakdown in the electrical system.

So, these are some of the points and I welcome this Bill. I hope that some of the points which I have raised could be incorporated into the new building regulations, either now or later, as amendments have to be followed up by a new set of new town planning regulations. Thank you very much.

6.50 pm.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Saya menyokong Rang Undang-undang ini dan hendak bercakap cuma dalam 5 minit sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baguslah.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya cuma hendak menegur sedikit sahaja berkenaan taukeh-taukeh yang membuat rumah atau housing scheme. Kebanyakan orang-orang yang membuat housing scheme ini tak pedulikan apa akan jadi kepada orang lain akibat usaha mereka. Saya bercakap mengenai perkara ini oleh di atas pengalaman saya sendiri iaitu Petaling, jalan ke Puchong ada Housing Scheme yang sangat besar dibina oleh Overseas Chinese Banking Corporation. Satu

housing scheme yang cukup besar dan di bawahnya ada perkampungan orang-orang Melayu. Tiap-tiap kali hujan, kampung itu karam; kampung itu karam bukan dilanda oleh air putih, air sungai, air paip, tetapi air lodeh, air lodeh maknanya air lumpur. Kampung itu karam dan menderita orang-orang kampung itu. Masa majlis perkahwinan banjir menyebabkan rosak bantal-bantal, tilam pengantin dan sebagainya. Ini bukanlah cerita dongeng, walaupun ada setengah Ahli Yang Berhormat ketawa. Tetapi ini perkara yang benar berlaku. Taukeh yang begini tidak bertanggungjawab oleh kerana kita tidak mempunyai undang-undang yang tegas mengenai perkara ini. Kita membuat undang-undang menyuruh mereka ini membuat rumah dan menggalakkan mereka itu membuat rumah, tetapi mereka itu tidak pedulikan kepentingan orang lain, asalkan dapat duit banyak, biar orang lain mati.

Saya juga meminta kepada Menteri yang bertanggungjawab sebelum mereka meratakan tapak-tapak untuk membuat perumahan itu mestilah selepas sahaja meratakan tapak perumahan menanam rumput dan membuat parit yang besar. Rancangan perumahan Overseas Garden ini telah menyebabkan Kerajaan Selangor terpaksa mendahulukan wang sebanyak lebih kurang \$40,000 untuk kemudahan taukeh berkenaan membuat rumah. Perkara ini tentulah tidak patut sekali oleh kerana rancangan itu bukan dibuat oleh Kerajaan Selangor, tetapi sebaliknya taukeh itu yang untung. Saya harap pada masa hadapan, Menteri yang bertanggungjawab hendaklah meneliti perkara seperti itu supaya rakyat yang miskin terpelihara. Kalau tidak dipelihara rakyat yang miskin boleh jadi satu pergaduhan. Tempoh hari hampir-hampir bulldozer taukeh itu dibinasakan, oleh kerana orang-orang kampung di situ cukup marah dan mereka hampir-hampir hendak berlawan dengan bulldozer. Saya harap sebelum kejadian yang tidak diinginkan itu berlaku di tempat-tempat lain juga, saya harap diambil tindakan.

Saya lihat di Jalan Damansara ada new village—Jalan Damansara, arah pergi ke Bukit Lanjan di satu selekoh di sana ada housing scheme sedang dibina. Tiap-tiap kali hujan berlaku banjir. Dalam New village ini ada pekan, tetapi pekan di situ selalu dilanda oleh air banjir, kedai-kedai habis tiap-tiap kali banjir. Ini mestilah Kerajaan

ambil perhatian supaya jangan berlaku lagi. Kampung Baru itu adalah sebuah kampung orang-orang China.

Saya juga menyokong penuh oleh kerana sekarang Kerajaan telah sedar. Masa penjajah membuat segala projek menggunakan bahan-bahan B.S. standard. Jadi engineer kita yang belajar di England dalam kepalanya seniasa memikirkan B.S. standard, tak ada German standard, tak ada Jepun standard, tak ada China standard, semua bahan mesti menggunakan B.S. standard, lain daripada bahan-bahan orang putih tak baik, oleh kerana pada masa penjajah dahulu segala pegawai Kerajaan hendak beli motokar, mesti beli motokar orang putih, segala-galanya baik pada orang putih. Sekarang kita sudah merdeka maka patutlah kita ubah pemikiran seperti itu.

Saya berbanyak terima kasih kepada Menteri yang bertanggungjawab kerana sedar di atas perkara ini, oleh kerana para engineer kita kebanyakannya kalau ditunjukkan sesuatu bahan, dia kata tak boleh, bahan ini tak boleh. Bukannya tak ada bahan. By-laws tak ada mengatakan, yakni lain dari barang-barang British tak boleh, oleh kerana itu mesti digunakan B.S. standard juga, paip B.S. standard, papan B.S. standard, kunci pun B.S. standard dan lain-lain bahan pun B.S. Dengan sebab itu, maka negeri kita adalah terkebelakang sangat di atas perkara membuat rumah atau sebagainya.

Saya tidak akan bercakap panjang lagi oleh kerana masa sudah suntuk dan ramai rakan-rakan saya hendak balik ke Sabah dan Sarawak. Dengan itu di sini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang saya bercakap semalam selama sejam.

6.58 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Saya mohon izin bercakap tentang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, dan disamping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniat dan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan yang telah membawa suatu Rang

Undang-undang yang begitu lengkap dan sempurna, tetapi walaupun begitu diharap beliau mengambil perhatian tentang apa-apa cadangan yang dikemukakan oleh wakil dari Bungsar tadi, dan saya pun akan membangkitkan beberapa perkara supaya Rang Undang-undang ini boleh berjalan dengan lalin dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun kkuatir apabila saya membaca Rang Undang-undang ini bahawa State Authorities dan perbadanan-perbadanan lain pun boleh mengubah Rang Undang-undang ini. Saya berharap di masa akan datang, kalau perlu, Menteri yang berkenaan boleh membawa pindaan supaya Kerajaan Negeri atau Majlis Bandaran boleh meminda Rang Undang-undang ini dengan persetujuan Menteri yang bertanggungjawab, atau pindaan itu dibincangkan di dalam National Council for Local Government.

(*Dengan izin*) As the Member for Bungsar has stated, if the State Authorities or the Local Authorities can amend this Bill to suit their needs without "by your leave" from the Minister who is responsible, then we will be back to square one. The poor architect will have to crack his head to find out whether the conditions as laid down in Kuala Lumpur will apply to conditions that are prevailing in Kuantan, for example. This does not mean, Mr Speaker, Sir, that I am against any amendments. Obviously, there must be amendments to suit local conditions but what I wish to postulate is that any amendments that are to be made should be discussed in the National Council for Local Government and should have the approval of the Minister, so that we could try and have a set of rules applicable to the whole country.

Mr. Speaker, Sir, in this Bill, there are a number of Clauses on streets and obviously in this country, where roads are being widened, the relevant authorities must have the power to acquire land for the enlargement of streets. However, I wish to point out to the Minister that whoever is responsible for the acquisition of land, one should give the owner of the land adequate notice before the land is compulsorily acquired.

Secondly, adequate compensation should be given to the owner of the land which is acquired. The Government or the relevant authority can say: "You know, if the person is not satisfied, he can take us to court", but

the Minister knows and the Government knows that not everybody dares to tangle with the Almighty Government. The Government, to the ordinary man is a big thing. Never in their minds would they ever dream of tangling with the Government in a Court of Law; and even if they are *berani* enough to tangle with the Government, I dare say not more than 1% or even 1/2% of them have the funds to tangle with the Government bearing in mind that they must engage a lawyer if they want to tangle with the Government and they must be prepared to pay costs, if they lose. So, the Government should not use the big stick in this question of acquisition of land. The Government should:

- (a) give adequate notice;
- (b) give adequate compensation, so that the people, whose land is compulsorily acquired, need not have to take recourse to a court of law to get what they think is adequate compensation.

The other thing of course is this: wherever possible, the Government should try and give alternative sites, because land being so costly these days, if land is taken over by the Government for the purposes of street building and the owner is paid a compensation—supposing he is paid a compensation for the acquisition of $\frac{1}{2}$ or $\frac{1}{4}$ acre of land, for example, and he is paid \$20,000 or \$30,000 that is not enough for him to buy any land of any size in Kuala Lumpur. Recently, a person came to see me and he told me, "Doctor, you see this plan here, it cuts right through my house, and the Government gives me only one week to remove, to buzz off, from that land and where am I to go, doctor? This one cuts through my land, and there is only a little bit left there; the Government tells me that I can build on it." As I looked at that little piece of land, I realised that the relevant authority would not approve a house to be built there. Consequently, Mr Speaker, Sir, I do hope that the Government should, where possible, give alternative sites, so that the people not only whose land has been taken away, but whose houses are being knocked down, should be given a piece of land to rebuild their homes.

Mr Speaker, Sir, I do know that in this country as elsewhere, there is a need to enlarge our streets in order, to cope with the

ever-increasing volume of traffic. But I do wish to tell the Minister that there is a limit to the enlargement of any street, because if we do not have any limit, the time will come in a city like Kuala Lumpur, where you will have only streets and no buildings, for example, because the local authorities will want to enlarge streets and break down all buildings and say, "Well, we must cater for traffic perhaps 50 years hence or perhaps 100 years hence". Now not many countries have the

of building a new capital like Canberra or New Delhi. If you build a new capital then you can provide for large boulevards. For instance, in a City like Kuala Lumpur where in the past there has been haphazard or no planning at all, it is inevitable there should be streets that are narrow. I do agree that the streets should be enlarged, but there must be a point at which the Minister must tell the planning officers—this much and no more. You cannot acquire, for example 80% of the land for enlargement of the streets and leave 20% to the land-owner to build on. Now what is he going to build on? Land in Kuala Lumpur is so costly that we should make the maximum use of any land that is available. I would like to bring to the notice of the Minister that instead of this obsession with building or enlarging streets *per se*, one should try and find other means to cope with the ever-increasing traffic that would enable the vacant land in Kuala Lumpur to be used for building purposes rather than being acquired for the widening of roads. Several suggestions have been thrown about in this House during the present session and other sessions; one would be to build underground tubes for example, to cope with the ever-increasing traffic. Another thing would be to prohibit motor vehicles from using the town centre and improving the internal transport system, so that chaps who have cars need not use the cars to come to town but can go by public transport. One more thing that the Minister can consider is the question of an inner ring and an outer ring. One has heard for years on end that there will be an inner ring for Kuala Lumpur and an outer ring for Kuala Lumpur, so that a person who comes from Seremban does not have to go through the town in order to go to Ipoh or Klang. If you have this inner ring or bypass road it will take away a good deal of the unnecessary traffic that passes through Kuala Lumpur.

Now, if the Minister adopts some of these suggestions that have been thrown about in this House, then I dare say the need for widening roads will not be that great. There will be the need, but there will be no such necessity to widen the roads and make use of the valuable land that is available in Kuala Lumpur.

Mr Speaker, Sir, I want to bring to the attention of the Minister that in Kuala Lumpur there are houses which are being built back to back—literally the houses have been built back to back. How the Municipal Council in those days allowed such houses, I do not know, but obviously the Minister should see to it that such houses should never have been built and will not be built in future not only in Kuala Lumpur but elsewhere. The other thing the Minister should note is that our back lanes are in a deplorable condition, our back lanes have become an extension of houses in lots of cases, and in lots of cases the backlanes are clogged with all sorts of things. The Minister should see that the back lanes are all cleared so that they can be used as side roads, for example, in order to take away the traffic from the main roads and I call upon the Minister to improve our back lanes so that in Kuala Lumpur the back lanes can be used not only as parking spaces for cars but also for cars to move about.

Mr Speaker, Sir, both the Member for Kuala Selangor and the Member for Bungsar have touched on the need for proper drainage in housing estates. There is no doubt that the development of housing estates in and around Kuala Lumpur is the main cause of the floods that abound in Kuala Lumpur. The Member for Kuala Selangor has highlighted the mud that flows down from an estate in Klang Road side. I wish to tell the Minister that this happens not only in Klang Road side but in all parts of Kuala Lumpur where development goes on in the upper parts of the town higher levels, and they just don't care what happens below and of course when it rains all the earth is swept down and the poor chap down below has to cope with the mud coming down into his house with floods. This happens in many areas in the town and so I hope that whenever building permission is given to any developer or to the builder of any house, care should be taken to see that the people down below do not have to suffer for what the

people above do, so that the people down below will not have to cope with mud entering their homes every time there is a heavy shower.

Now, Mr Speaker, Sir, Clause 30 of this Bill talks of fire-hydrants, and I want to bring to the attention of the Minister that very often the local authorities neglect these hydrants with the result that when there is a fire, there is no water from the hydrants and the Fire Brigade men have to tear their hair in rage and look around for other sources of water. Very recently, I visited Port Weld, for example. There was a fire and it destroyed about 27 houses. The people there told me that when the Fire Brigade came, and it came a little too late, the firemen connected the hose to the hydrants, but there was no water from there. Fortunately for the people there the sea is only a few yards away from the fire-hydrant, with the result that the Fire Brigade could use the sea water to put out the fire. But if Port Weld, for example, were a little further away from the sea and there was no sea water available, then I dare say that practically the whole town would be destroyed by the fire because the fire-hydrants were without water.

I remember in my own backyard of Batu, in Jinjang North, for example, there was a fire some two years ago and again when the Fire Brigade went there, there was no water in the hydrant. So I call on the Minister to see that there is water in the fire-hydrants. It is all very well to say there must be fire-hydrants, but it is another thing to find out whether water comes out from the fire-hydrants or not. From time to time, the local authorities should see to it that the fire-hydrant is supplied with water, so that it serves the purpose for which it is built.

Mr Speaker, Sir, there is a certain section in this Bill on buildings and I need hardly remind the Minister that in my own backyard of Batu in Jalan Raja Laut, about six or seven years ago, a building collapsed killing a number of people. I do hope, with this Bill, the relevant authorities would see to it that the plans are properly designed; for example, the contractors do their work and not try and cheat on cement and cheat on steel with the result that the whole building collapsed. Fortunately, I see now there is a fresh building going up in the same site, and I see now that the columns going up are fairly

strong, at least from outside it appears thick and strong.

Mr Speaker, Sir, with regard to the drains, I suggest that the Minister should see to it that at least for Kuala Lumpur there should be a proper sewerage system. I believe only a little part of Kuala Lumpur has a sewerage system. The whole of Kuala Lumpur should be served by water-borne sewerage system. I do know that this costs a great deal of money, but if we are to prevent the spread of the incidence of infectious diseases like cholera, typhoid, dengue fever, etc. then water-borne sewerage system is the best way of ensuring that these infectious diseases do not crop up and become endemic.

Mr Speaker, Sir, I want to bring to the attention of the Minister one problem that faces quite a number of people who buy houses. In my own constituency of Batu, there is a housing estate known as Nanyang Estate and I think it is about 12 years old. Up to now, the purchasers of buildings in that housing estate still do not have the titles to the houses that they bought 12 years ago. I hope that in time to come, the Minister will incorporate a clause in this Bill to say that whoever develops a house must within, let us say 3 or 5 years, provide the purchasers of such houses with titles. What has happened, of course, is quite understandable and common, i.e., the developer mortgages the whole land to a bank, and, of course, then he can't sub-divide the land and give individual titles to the purchasers of the houses. What the Minister should do is to compel the developer to provide the purchasers of these houses within a reasonable time—I think, two or three years or the most five years, should be a reasonable time—with such titles. Not only in Nanyang Estate but, I believe, in other bigger housing estates all over the country, this is happening. The developer mortgages the land and so is unable to provide the purchaser with the title to which he is entitled. He has paid up in full the cost of the house and yet after more than a decade the house really does not belong to him and he cannot, for example, mortgage the land or sell the house.

Mr Speaker, Sir, the other thing I want to bring to the attention of the Minister is the delay that occasionally happens with the passing of building plans. In some cases we

do know that such delays may be inevitable, but the Minister should see that in the interest of the owner and in the interest of the relevant authorities things are speeded up, because if the building is put up soon the purchaser will pay rates and so there should not be inordinate delay in the passing of building plans.

I do know of cases where planning permission sometimes takes more than a year. That really is an inordinately long time for any planning permission to be obtained, and I call on the Minister to look into this aspect of it.

Finally, Mr Speaker, Sir, I do hope that the Minister will take into consideration the suggestions that we have made in this House, so that at a later date he can incorporate some of these suggestions that we have made in any amendments that he wants to make to this Bill at a later date.

7.18 mlm.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengalukan Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan yang dikemukakan dalam Dewan hari ini, saya menyatakan kegembiraan terhadap kesedaran pihak Kerajaan untuk mengemaskan undang-undang ini demi memperbaiki alam sekeliling negara kita.

Undang-undang ini ialah sejajar dengan hasrat dan kehendak matlamat Kerajaan hari ini untuk mengimbangkan perbezaan antara bandar dan luar bandar. Kalau undang-undang ini dibuat untuk tujuan tersebut, maka cita-cita Kerajaan hendak memberi segala kemudahan dan kelegaan kepada rakyat adalah dianggapkan sangat adil dan saksama menepati cogan kata "Masyarakat Adil". Pembangunan yang berjalan dalam negara hari ini adalah sesungguhnya bergerak begitu cergas dan cepat, lebih cepat dari sangkaan dan impian Kerajaan. Bandar Kuala Lumpur bertukar menjadi Bandaraya Kuala Lumpur dengan sekelip mata setelah kemerdekaan dicapai.

Saya percaya dan begitu juga rakyat percaya bahawa tidak lama lagi pertumbuhan banyak lagi bandar-bandar dan pekan-pekan baru akan berlaku kerana adanya pergelutan dalam negara ini dalam bidang kemajuan ekonomi, pelajaran, sains dan politik sihat dan dinamis.

Dalam jangka harapan kita bahawa kampung-kampung dan desa-desa akan menjadi cerah terang membangun dan akan berubah sesuai dengan masa dan keadaan. Kekayaan ekonomi dalam negara ini dapat dikecap oleh seluruh rakyat atau dibanggakan itu tidak akan menjadi suatu makna pun kalau penyusunan dan ketertipan dalam negeri ini tidak dibuat dengan begitu mendalam dan meluas. Kita ingin hendak melihat satu masa kelak keadaan gambaran dalam negara kita ini sebagai negeri yang tidak ada tolok bandingnya, cantik teratur dalam semua aspek pembangunan dan jalan-jalan, tempat tinggal, bandar-bandar, kampung-kampung biarlah dikatakan sebagai fairyland, indah segala-galanya.

Hari ini tidak ada satu undang-undang yang ketat, atau dikuatkuasakan di seluruh negara dalam aspek ini. Dalam bandaraya yang begitu mashyur kedapatan gobok-gobok buruk, jalan-jalan sempit, parit-parit busuk yang airnya tersekat dan bertakung di belakang bangunan-bangunan yang berlapis-lapis menusuk langit. Keindahan-keindahan yang dibangga-banggakan itu biasanya diselubungi dengan berbagai-bagai titik-titik hitam seperti yang disebutkan tadi. Ya, Kota Rome yang begitu mashyur itu bukan didirikan dalam masa sehari bahkan mengambil masa perantaraan berkurun. Tetapi dengan kemajuan sains dan teknologi hari ini, semua dan segala-galanya itu dapat dilaksanakan dengan cepat.

Saya percaya undang-undang ini dibuat ialah kerana kesedaran Kerajaan hendak mengelakkan daripada kejadian-kejadian yang buruk yang mungkin berlaku kalau sekiranya penyusunan cepat dan pesat serta teratur tidak dijalankan. Kita tidak ingin melihat ghetto ataupun rumah-rumah gelap terdapat di belakang-belakang jalan, kerana kita ingin kepada keselamatan diri dan segala-galanya. Tempat-tempat gelap dan busuk adalah menjadi sarang kepada keganasan pencerobohan dan suasana maut. Parit dan jalan-jalan yang baik dalam bandar adalah menjadi landasan kepada hidup yang sihat dan teratur. Kalau undang-undang ini dikuatkuasakan atau diperuntukkan kepada pembangunan untuk rakyat di luar bandar, maka ini adalah satu pembaharuan yang harus diberi pujian. Parit-parit dan longkang-longkang dapat mengalirkan segala kekotoran dan menjauhi daripada segala

pembiakan kuman penyakit yang berkurungan sebagai daki kepada rakyat di kampung-kampung. Rakyat dalam negara ini di mana sahaja mereka berada harus diberitahu tentang peri mustahaknya peraturan-peraturan mengadakan parit-parit yang sesuai, jalan-jalan yang memberi kemudahan dan juga bangunan-bangunan yang selesa bagi kehidupan setaraf dengan sebuah negara yang maju dan meningkat maju ini.

Secara community development ataupun pembangunan masyarakat pelajaran-pelajaran menuju kepada matlamat undang-undang ini hendaklah ditekankan kepada seluruh rakyat, khususnya rakyat di kampung supaya esok 100 tahun hadapan ini seluruh rakyat dalam negara ini akan merasai terhitung budi dan dengan pandangan jauh, sebab-sebab undang-undang ini dibuat pada hari ini. Jika kita mendalam pembangunan atau kemajuan di antara bandar dengan yang terdapat di luar bandar, maka jurang perbezaan itu masih terdapat dengan luasnya. Saya katakan begitu sebab Kerajaan tidak begitu memberi perhatian kepada perubahan-perubahan yang semestinya berlaku di kampung-kampung. Tumpuan Kerajaan dan lain-lain pihak hanya semata-mata kepada bandar dan pekan sahaja dan kerana itu walaupun pembaharuan di segi pembangunan rumah-rumah hanya terdapat di bandaraya-bandaraya ataupun di Petaling Jaya di mana perlumbaan-perlumbaan berlaku, bermacam-macam bentuk bangunan yang berupa ataupun bercorak Peking, bercorak Minang, bercorak Parsi dan lain-lainnya kedapatan, tetapi rakyat di luar bandar yang mempunyai tenaga dan fikiran yang terhad tidak pernah diberi pertunjuk, galakan, dorongan, tunjuk ajar untuk membuat pembaharuan.

Kalau rumah itu berbentuk perlepar atau berbentuk berserambi ala 100 tahun dahulu, maka begitu juga keadaannya hari ini. Kerajaan harus memikirkan bagaimana hendak menggalakkan rakyat miskin di kampung-kampung mendirikan rumah-rumah, walaupun kecil tetapi sesuai dengan kesihatan dan lasak. Tidak siapa dapat menafikan bahawa pembiakan anak di dalam masyarakat luarbandar sentiasa meningkat. Kita tidak rela melihat kebanyakan daripada keluarga kita yang mempunyai anak berbilang, tidur bergelimpangan di dalam sebuah bilik 10 kaki $\times$ 12 kaki itu dan disitulah juga tidur ayah dan ibu dengan bersekat

hanya dinding. Keadaan ini kalau dibanci adalah hampir 80% keadaan-keadaan demikian rupa di dalam negara kita pada hari ini. Maka sudah sampai masanya hari ini Kerajaan memikirkan hal ini dengan bersungguh-sungguh supaya dapat memberikan kesempatan kepada rakyat di kampung bukan hanya di pekan, tetapi juga di desa-desa merasai nikmat dalam rancangan pembangunan negara yang berjalan hari ini dan juga dengan kuatkuasa undang-undang yang akan diluluskan sebentar lagi.

Kita bercakap berkenaan dengan keciciran murid-murid sekolah. Entah berapa banyak masa yang digunakan untuk membincangkan soal nasional ini. Entah berapa banyak kepala-kepala bijak pandai seperti professor-professor, doktor-doktor untuk merumuskan soal kepincangan dan kemunduran pelajar anak-anak di luar bandar. Tetapi tidak ada siapa pun yang serious atau menekan berat tentang cara penghidupan rakyat di luar bandar; keadaan rumah, keadaan alam sekeliling seperti jalan dan parit yang harus diharungi oleh anak-anak kita sekarang ini dan masa hadapan dalam hendak mencapai kemenangan dalam sesebuah negara yang makmur dan adil ini. Wabillahi taufik wal-hidayah.

7.27 ptg.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, with the introduction of this Bill, we can see that after a long lapse of doing nothing by the Government in producing uniform by-laws which could be used throughout the country, the enactment of the Street, Drainage and Building Bill would create a better environment, a better living community for this country. Well, I would say that the reason for the long delay and the sudden cropping up of this Bill in this House, I am afraid, is because the Government, after denying the people the democratic rights of electing their own local councils and insisting on nominated councils, feels that it is time now for them to devise something so as to justify their intentions and their policies. Therefore, we have this piece of legislation in front of us.

Sir, with the absence of this uniform legislation on Street, Drainage and Building throughout the country, as the former speaker has expressed, we would have the

spectacle of each individual township, municipality and local councils having their own book of by-laws which would create confusion, inconvenience and also impracticability. Therefore, I say that with the absence of uniform by-laws and what is embodied in this Bill, a lot of damages had already been done.

In this Bill, I have noticed that on page 8, Clause 2, Savings states that nothing in the Act shall affect the past operation or anything done in the past, now we can forget about it. But, Sir, these things which we have already done and the bad environment, even an unbearable environment, had already been created; we cannot just simply put in one Clause in the Bill and then forget about it. We cannot just simply say, "All right put in one clause and then forget about it." For example, within the City of Kuala Lumpur, now the Federal Territory of this country, at the 4½ mile Klang Road which had always been within the municipality of Kuala Lumpur, it is very glaring that in this area there is not only no proper street, no proper drainage, no proper building but in this area the health hazards are such that especially in case of fire, once a fire starts from one house, it will spread throughout and very soon one row of houses is gone in flame. Sir, I suggest that with the passage of this piece of legislation the authority must have a comprehensive study on what are the damages caused to townships, new villages and other areas which have not complied with the standard requirements which today we have come to debate. To do that, it is only possible and practicable that the Government must also allot certain provisions in the form of loans or grants to improve those conditions and environments which have been unsatisfactory in the past.

Sir, coming to another point I would like to draw the attention of the Minister concerned that basically this piece of legislation is sort of a professional one, where special knowledge and special studies have been put in, and what I would like to point out is eventually when this Bill is passed in this House, it will go to the various levels, like the State level, the municipality level and the local council level. Now, Sir, you can easily see a piece of legislation like this, when it goes to the hands of the layman or for that matter, to the level of the District

Office or the Local Councils, are they able to interpret every substance in this legislation or are they able to use this legislation to govern administration in the process of approving plans and in the process of supervising whether streets, drainage and buildings are done according to what is stated here? I am afraid not. That is the sad fate of this piece of Bill where there is no provision to ensure that. Of course, I must make an exception because in a City like Kuala Lumpur where you have Dewan Bandaraya, but in the municipalities or local councils there are not enough trained or skilled persons to interpret and to execute the contents of this piece of legislation. Therefore, I strongly suggest that the Central Government should ensure the setting up of advisory councils in the various States. These advisory councils will be able to advise all the municipalities, local councils and what not, regarding the implementation of this Act. This council, I suggest, must compose of professional men like architects, engineers, planners, surveyors or technicians so that they are able to liaise with these competent authorities and to ensure that they are able to carry out the substance in this Bill.

Sir, another point I like to bring up is about the manner the staff of the competent authorities and members of the competent authorities carry out their duties. I mean, in our Malaysian life when officers from the local council, officers from the municipality and officers from the city council go out of the office and when they are in the course of executing their duties, there is always the case of falling into various forms of temptation because they are the executioners of the law. When they go to their areas the kawasan, they will tell the people, "That is not right; this is not right." I mean, we cannot run away from admitting that there are irregularities and to an extent, corruption by some undesirable officers—I am not saying all—who take the law into their hands and commit unnecessary acts. I suggest with the stricter control of street drainage and building by-laws, the Government should also at the same time make sure that these laws are fairly and justly carried out.

Coming to another point, Sir, in the contents of this Bill I notice there is one drawback which has occupied a fair coverage in this Bill—that is the backlanes. Sir, backlanes were only suitable in those days

during the colonial period where sewers were not so commonly used and where we needed the backlanes to cart away the waste, where you have to cart away rubbish. That is the conveying passage. But today we have septic tank, we have sewers and rubbish can be cleared through the front door. So why should we have backlanes? Usually if you go to the various housing estates or even in the City the backlane remain a deserted place where everyone dumps their rubbish and everyone neglects it. So I suggest that the Minister will take note to study whether it is a necessity to have backlanes because, after all, if I can illustrate further, say, in a row of terrace houses, we reserve between house, back to back, 40' to 30' and we can create a little garden at the back of each house. At least if you create a little garden the owners of the houses will look after it; otherwise you have a common passage which nobody looks after. Of course, that is part of the problem for the maintenance part of it.

Sir, finally, though it is not quite related to this Bill but in view of the Minister being in front of us, I would like to take this opportunity to stress one point. When we want to purchase a house, we go to a developer to purchase a house, you pay a booking fee and you pay deposit and after that they ask you "Come, let us go to the lawyer's office and sign the purchasing agreement." Now when you sign the purchase agreement—I have done so as an architect—the lawyer produces the agreement in front of you and says "Now, this is the agreement, you sign". If you look at it, it is a one-sided agreement. Since the developer has employed the lawyer to draft the agreement, of course it is one-sided, and of course the lawyer who produces the agreement will act under the instruction of his client and will not act under the instruction of the purchaser. Therefore, I say it is time now that the Ministry concerned should ensure a fair and two-sided building purchasing agreement so as to protect on the one hand the developer and on the other hand the purchaser; otherwise the purchaser pays the money but, on the other hand, the developer does not make any guarantee on the quality of the building on its completion date. There are many ways whereby one can manipulate. It is always the case that the purchasers are on the losing side.

Well, if the Minister could look into the few points I have submitted, I should be happy to see this Bill pass through.

7.42 p.m.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 ini, dan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan juga Ahli-ahli Jawatan-kuasanya yang telah bersusah-payah untuk mengadakan suatu Rang Undang-undang, kerana saya faham iaitu untuk menyediakan Undang-undang seperti yang macam ini mengambil masa yang singkat, tetapi telah mengambil masa dan mesyuarat yang panjang dan banyak.

Dengan adanya Rang Undang-undang seperti ini, maka jelaslah bagi pihak akitek-akitek, jurutera-jurutera dan juga pemaju-pemaju akan dapat mengemukakan pelan-pelan mengikut satu undang-undang yang seragam dan juga ini akan mengakibatkan pihak jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Dewan Bandaraya, Majlis-majlis Bandar dan sebagainya dan tentulah mereka ini akan mengadakan kakitangan-kakitangan yang lengkap untuk memeriksa samada pemaju-pemaju, akitek-akitek dan jurutera-jurutera mematuhi segala peraturan yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini.

Saya cuma hendak menyentuh atas dua, tiga perkara sahaja yang saya fikir adalah mustahak terutama sekali berkenaan dengan jalan, kerana di sini kita telah mendengar beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang mengatakan, terutama sekali di bandar Kuala Lumpur ini tiap-tiap kali kita tengok jalan itu dibuka, digali dan sebagainya. Selepas JKR memasang paip, LLN pula memasang kablanya, Jabatan Talikom dan sebagainya. Di sini saya rasa tentulah apabila mereka merancang jalan-jalan di bandar-bandar, terutama sekali di kawasan bandar-bandar baharu maka reserve jalan ini mestilah besar. Apa yang kita nampak pada masa ini apabila lepas JKR mengorek, menanam paipnya datang pula LLN, datang pula Talikom dan datang pula Dewan Bandaraya untuk membuat saluran paip

najisnya, tetapi di sini kita belum mengadakan gas paip lagi. Kalau kita mengadakan gas paip seperti di bandar-bandar yang lain, gas paip pula datang ke situ hendak mengadakan paipnya. Rasa saya apabila mereka ini merancang jalanraya-jalanraya di bandar-bandar mestilah kemudahan-kemudahan ini diberi.

Satu perkara lagi yang saya tidak nampak di dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan sub-ways dan juga jejambat. Perkara ini rasa saya sangat mustahak, tetapi dalam bandar Kuala Lumpur ini oleh sebab kedudukan bandar telah lama tentulah payah sedikit hendak mengadakan perkara-perkara yang macam ini, tetapi jejambat-jejambat di jalanraya-jalanraya yang besar sepatutnya mesti diadakan dan mustahak dalam Rang Undang-undang ini diadakan. Dan juga dalam rancangan jalan-jalan ini pegawai-pegawai perancang mestilah mengambil perhatian iaitu simpang jalan biarlah jangan rapat sangat. Ini menyusahkan masalah lalu lintas.

Berkenaan dengan lalu lintas ini, suka juga saya menyentuh sedikit iaitu di mana ada bas menggunakan jalanraya-jalanraya yang besar, maka satu lane untuk bas mesti disediakan, seperti telah dibuat di beberapa bandar-bandar yang besar di seluruh dunia ini dan juga mengadakan perhentian bas yang semudah-mudahnya. Kalau kita tengok di Kuala Lumpur ini, Jalan Ampang misalnya ataupun Jalan Raja Laut ataupun Jalan Sulaiman tidak ada bus stop yang seendehendahnya, yang selega-lega. Dalam merencanakan bandar-bandar ini perkara ini mestilah diambil perhatian.

Dalam Bahagian II Rang Undang-undang ini ada juga disebutkan berkenaan nama-nama jalan. Rasa saya nama-nama jalan ini adalah sangat mustahak, kerana janganlah nama-nama jalan ataupun juga nama-nama tempat itu diberi mengikut suka pemaju-pemaju sahaja. Kita tidak hendak tengok nama jalan itu macam Jalan Mati, Jalan Hantu, Jalan Belimbing, kerana belimbing ini masam. Rasa saya itu tidak elok dinamakan, mestilah nama-nama yang sewajarnya, nama-nama yang elok ataupun atas nama orang-orang yang telah memberi jasa kepada tempat itu, jadi menunjukkan identiti tempat itu, kerana saya terbaca baharu-baharu ini di suratkhbar yang mengatakan, sekarang ini

di bandar Kuala Lumpur telah ada beberapa nama jalan yang baharu. Katanya, kalau seorang pelancung itu datang, dia berdiri di Jalan Tun Ismail misalnya, dia tengok dalam map itu Jalan Maxwell, tetapi tengok di situ Jalan Tun Ismail, mesti dia bertanya: mana Jalan Maxwell? Rasa saya koordinasi antara jabatan Perlacungan dengan Dewan Bandaraya dan juga Jabatan Juru Ukur mestilah bersama-sama, mesti serentak membuat pertukaran ini. Selagi benda ini tidak dibuat bersama-sama rasa saya akan mendatangkan kesusahan bukan sahaja kepada pelancung, barangkali kepada kita sendiri juga. Misalnya, saya yang duduk, yang beranak di Kuala Lumpur inipun tidak tahu separuh daripada nama jalan itu; di mana misalnya, Jalan Syed Putera, Jalan Tun Ismail dan sebagainya.

Begitu juga saya sukalah mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana saya dapati di sini ada juga syarat-syarat berkenaan dengan membuang sampah atau menaruh bahan-bahan bangunan. Syarat ini adalah sangat mustahak, terutama sekali benda ini selalu kita nampak mengganggu lalu lintas. Mereka inilah yang menyimpan barang-barang, pasir, batu, dan sebagainya; dicurahkan di tepi jalan dengan sesuka hati mereka di mana lalu lintas kadang-kadang tergendala. Apa yang patut dibuat ialah mengadakan satu syarat yang sepatut dibuat oleh Bandaraya ini, misalnya, disuruh pembina-pembina ini mengadakan satu tong yang besar seolah-olah macam lori diletakkan di tepi jalan, di mana mereka itu boleh membuang sampah ataupun menaruh bahan-bahan bangunan itu, kerana dengan secara ini rasa saya tentulah menjadikan satu pandangan yang bersih dan juga senang bila benda itu hendak diangkat ke tempat lain dan juga tidak akan menghalang lalu lintas. Rasa saya dua perkara ini sangat mustahak kerana ini telahpun dibuat di merata-rata tempat di bandar-bandar di seluruh dunia ini.

Saya telahpun mendengar ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Damansara dan dari Bungsar yang telah menyentuh berkenaan pelan-pelan yang lambat diluluskan oleh Dewan Bandaraya dan juga Majlis Bandaran-Majlis Bandaran. Di sini saya tidak hendak menyentuh apakah sebab dan bagaimana pelan-pelan ini lambat. Saya tahu yang mereka itu tidak ada cukup kakitangannya. Ada satu perkara yang saya hendak

syorkan iaitu apa yang kita dapat pada masa sekarang ini di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ialah kalau kita hendak membesarkan rumah, katalah rumah itu besarnya 10 kaki $\times$ 10 kaki, bermakna luasnya 100 kaki persegi. Pelan itu kena dibawa Ke Building Planning Committee dahulu. Apabila Building Planning Committee sudah luluskan, barulah pula dihantar kepada akitek. Akitek pula barulah menengok, menyiasat samada ianya boleh dibuat atau tidak. Ini bermakna ada dua jawatankuasa. Saya mengesyorkan di sini kalau penambahan (extension) kepada sesebuah rumah itu tidak lebih daripada 200 kaki persegi, boleh diberi kuasa kepada Akitek Kanan Dewan Bandaraya. Bagi Majlis Bandaran akitek atau juruteranya boleh meluluskannya. Saya fikir cara ini mencepatkan pelan yang dihantarkan kepada pihak Dewan Bandaraya itu diluluskan.

Satu perkara lagi, saya suka juga menyokong apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi berkenaan dengan sewerage system. Di Kuala Lumpur sungguhpun perkara ini ada tetapi tidak mencukupi, kerana bukan meliputi semua kawasan di dalam Wilayah Persekutuan, iaitu Wilayah Kuala Lumpur yang baru, tetapi kawasan Kuala Lumpur yang lama pun tidak ada mencukupi sewerage system ini. Kita faham hendak mengadakan sewerage system ini bukanlah satu perkara yang mudah, ia memakan belanja yang banyak, tetapi kita mesti mendesak, terutama sekali Kerajaan Negeri untuk mengadakan sewerage system. Kalau kita bandingkan dengan bandar-bandar besar seperti Johor Bahru, Kelang, Seremban, belum ada sewerage system lagi. Rasa saya bandar-bandar yang seperti ini sepatutnyalah mengadakan sewerage system di tempat masing-masing. Petaling Jaya sendiri pun tidak ada, begitu juga Shah Alam, pekan yang baru pada masa ini belum mengadakan lagi kemudahan-kemudahan seperti ini.

Di sini saya suka juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah mengadakan satu syarat berkenaan dengan penyelenggaraan dan membaiki jalan-jalan awam. Kita faham di Malaysia ini banyak housing estates yang telah membina jalan mengikut syarat-syarat yang dikehendaki oleh Dewan Bandaraya, Majlis Bandaran dan sebagainya, tetapi jalan-jalan ini tidak diambil-alih oleh pihak yang

berkenaan sungguhpun jalan-jalan itu telah dibina mengikut syarat-syarat; rizabnya cukup, tebal batunya cukup, longkangnya cukup, api di tepi jalan ada dan sebagainya. Jadi rasa saya ini adalah kemungkinan untuk pihak yang berkenaan mengambil-alih dengan secepat mungkin. Saya ingat dahulu beberapa kali di Dewan ini Ahli Yang Berhormat dari Batu telah mengatakan mengapa jalan itu tidak diambil-ahli oleh Kerajaan. Kita faham peruntukan untuk hendak menyelenggarakan jalan ini tidak mencukupi, bukan sahaja untuk menyelenggara jalan yang ada sekarang ini, tetapi hendak menyelenggarakan jalan-jalan yang baru ini pun akan memakan belanja yang banyak. Jika sekiranya diambil-ahli dengan berperingkat-peringkat rasa saya penduduk-penduduk dalam bandar dan juga di luar bandar akan puas hati dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya setakat inilah sahaja yang dapat saya memberikan pandangan yang sedikit kerana banyak perkara-perkara lagi yang saya hendak sebutkan di sini walaupun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Di sini sekali lagi saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa. Kerana saya faham sepertimana saya katakan tadi, membuat Rang Undang-undang yang seperti ini bukannya mengambil masa yang sengkat, tetapi mengambil masa yang panjang, dan kita faham sungguhpun ini telah diadakan barangkali banyak perkara-perkara lagi yang akan timbul esok yang tidak sesuai. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan dan juga kakitangan Kerajaan yang menjalankan ini tidak mengambil kesempatan untuk menghalang pembangunan-pembangunan yang dibuat dalam bandar-bandar dan di tempat-tempat yang lain.

7.55 mlm.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang ini dan saya juga hendak mengambil kesempatan pada masa ini mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapatnya yang constructive. Jadi apa-apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh Kementerian saya apabila Hansard

Dewan Rakyat ini telah didapati. Saya juga hendak mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada kebanyakan orang awam yang telah memberi pendapatanya kepada Kementerian saya apabila Rang Undang-undang ini telah diishtiharkan dalam *Warta Kerajaan*. Sebelum Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan ini Kementerian saya telah terima kurang lebih 18 memoranda daripada orang awam, daripada perbadanan-perbadanan awam yang telah memberi pendapat masing-masing berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Ada beberapa masaalah yang timbul di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini yang saya hendak jelaskan. Pertama sekali kepada Yang Berhormat dari Damansara, katanya, kebanyakan developer menggunakan peguam-peguamnya sendiri dan pembeli-pembeli rumah terpaksa menggunakan peguam developer itu. Saya telah dinasihatkan tidak berapa lama lagi akan diadakan satu Rang Undang-undang iaitu *Legal Profession Bill* yang akan dibawa ke Parlimen ini pada masa yang akan datang. Rang Undang-undang ini boleh mengatasi masaalah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Daniansara.

Berkenaan dengan masaalah-masaalah yang lain yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bungsar, Kuala Selangor dan Batu, semua itu ada peruntukannya dalam Rang Undang-undang ini. Misalnya, berkenaan dengan kelewatan mendapat kelulusan pelan daripada Penguasa-penguasa Tempatan (*Local Authorities*). Peruntukan ini telah diadakan dalam Fasal 70, (18) ini jika Penguasa Tempatan itu tidak meluluskan pelan ini dalam masa 3 bulan, maka Kerajaan Negeri boleh mengambil alih kuasa itu dan boleh meluluskan pelan itu.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang ini tidak dijalankan terus kepada semua Negeri, peruntukan ini sengaja dibuat oleh

sebab Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedar dalam negara kita kemajuan antara bandar-bandar yang besar dan kampung-kampung tidak sama. Oleh itu, kita mesti menjalankan perkara ini dengan berperingkat-peringkat. Oleh itu, peruntukan ini ada dalam Fasal 1 supaya Rang Undang-undang ini boleh dijalankan oleh pihak Negeri jika dikehendaki dan boleh dipindahkan jikalau dapat persetujuan. Ini saya hendak terangkan kalau sekiranya tidak dapat persetujuan oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan; tiap-tiap Negeri tidak boleh membuat pindaan kepada Rang Undang-undang ini dengan sesuka hatinya sendiri.

Sekianlah sahaja yang hendak saya ucapkan dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa. Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 135 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan pada suatu masa yang belum ditetapkan lagi. (*Tepuk*).

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.05 malam.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

Penyorok-penyorok Barang

1. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) bilangan serbuan yang dibuat di seluruh Semenanjung Malaysia sejak 1hb Mac, 1974 untuk membasmi penyorok-penyorok barang-barang;
- (ii) jenis barang yang dirampas, nama penyorok-penyorok serta tempat mereka dan nilainya pada masa rampasan;
- (iii) dari jumlah penyorok yang ditangkap berapakah yang telah dan akan didakwa di mahkamah; dan bilangan mereka yang disabit kesalahan; dan
- (iv) jenis barang dan nilainya yang telah dipulangkan kepada pemilik-pemiliknya kerana barang-barang itu tersalah rampas.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein Onn):

- (i) Bilangan serbuan yang telah dibuat di Semenanjung Malaysia mulai 1hb Mac, 1974 hingga 31hb Mac, 1974 ialah sebanyak 145 serbuan.
- (ii) Jenis barang-barang yang ditahan ialah tepung gandum, minyak masak, gula pasir, baja dan cuka getah. Tempat barang-barang ditahan itu ialah kebanyakannya di Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Trengganu dan Kelantan. Nilai barang-barang yang ditahan ialah \$2.9 juta.

(iii) Daripada jumlah orang-orang yang disyaki menyorok seorang daripada mereka akan dibicarakan pada 2-5-1974 dan yang lain itu masih dalam siasatan.

(iv) Belum ada barang-barang yang telah dipulangkan kepada pemilik-pemilik kerana tersalah tahan.

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Lesen Teksi dan Lori

2. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (i) jumlah bilangan lesen teksi dan lori, berasingan, yang telah dikeluarkan dalam tahun 1968, 1969, 1970, 1971, 1972, 1973 dan 1974 dengan memberi angka-angka menurut pecahan kaum bagi setiap tahun itu; dan
- (ii) jumlah bilangan lesen teksi dan lori yang telah ditarik balik daripada pemegangnya sehingga hari ini dengan memberi angka-angka menurut pecahan kaum bagi setiap jenis kenderaan itu.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Oleh kerana jumlah bilangan lesen-lesen teksi dan lori secara berasingan yang dikeluarkan bagi tiap-tiap tahun sejak 1968 hingga 1974 dan menurut pecahan kaum bagi setiap tahun itu terlalu banyak dan memakan masa untuk menerangkannya, tidaklah dapat saya kemukakan di sini. Walau bagaimanapun sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin melihat butir-butir tersebut, bolehlah datang ke Kementerian saya supaya dapat dijelaskan bilangannya.

Jawatan di dalam Jabatan Keretapi Tanah Melayu

3. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) berapa banyakkah jawatan secara memangku di Jabatan Keretapi Tanah Melayu yang belum disahkan hingga 31hb Mac, 1974 dan berapa ramaiakah mereka yang bertugas lebih daripada enam bulan. Harap nyatakan nama, pekerjaan dan tempoh masa perkhidmatan; dan

- (b) adakah kenaikan pangkat dalam Jabatan Keretapi Tanah Melayu dibuat berdasarkan kepada kelayakan seseorang ataupun kepada pertimbangan-pertimbangan yang lain.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Saya sukacita melaporkan bahawa sejak beberapa bulan yang kebelakangan ini Pertadbiran Keretapi telahpun mengambil tindakan mengisi banyak jawatan-jawatan kosong. Bagi jawatan-jawatan yang ada kosong lagi itu, saya suka memaklumkan juga bahawa Pertadbiran Keretapi sedang memberi keutamaan tindakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut dan perkara ini dijangka akan selesai tidak berapa lama lagi. Dalam urusan tersebut segala timbangan akan juga diberi kepada pegawai-pegawai yang sedang memangku untuk kenaikan pangkat. Bagaimanapun saya tidak hendak menafikan bahawa ada di antara pegawai-pegawai yang sedang menampung atau memangku jawatan-jawatan atasan itu telah menjalankan tugas-tugas tersebut lebih daripada enam bulan. Tetapi oleh kerana banyak di antara pegawai-pegawai itu tidak mempunyai perkhidmatan yang cukup sebagai membolehkan mereka layak ditimbangkan untuk kenaikan pangkat maka urusan kenaikan pangkat mereka kepada jawatan-jawatan yang mereka pangku itu tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu mereka telahpun terus memangku jawatan-jawatan itu sehingga sekarang. Dalam pada itu kekurangan pegawai-pegawai yang layak dan berada dalam lingkungan naik pangkat apabila dibandingkan dengan jumlah penuh bilangan jawatan kosong adalah menjadi satu di antara sebab-sebab maka jawatan-jawatan itu tidak dapat diisi dengan sepenuhnya. Sehingga hari ini, banyak di antara mereka-mereka yang sedang memangku jawatan-jawatan tersebut belum cukup layak untuk ditimbangkan mengikut sekim perkhidmatan bagi jawatan-jawatan yang ada. Bagaimanapun Pertadbiran Keretapi telah dapat mengatasi kesulitan ini dengan mendapat kerjasama daripada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk melonggarkan syarat-syarat kenaikan pangkat supaya membolehkan pegawai-pegawai tersebut ditimbangkan untuk kenaikan pangkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlonggaran ini adalah diberi bagi maksud urusan buat kali ini sahaja sebagai menemui keadaan yang terdesak.
- (b) Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang satu lagi itu, saya suka hendak memaklumkan bahawa tiap-tiap kes kenaikan pangkat itu adalah sentiasa berdasarkan kepada perinsip kelayakan, kebolehan dan kecakapan seseorang pegawai itu dalam jawatannya dan jawatan naik pangkat itu selain daripada kekanannya dalam jawatannya sebagai satu daripada faktor yang menjadi asas pertimbangan.

KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT

Pemogokan—Bilangan Pekerja Terlibat

4. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan pemogokan, bilangan pekerja yang terlibat dalam setiap pemogokan, dan bilangan hari bekerja (man-days) kehilangan, bagi setiap tahun mulai tahun 1969 hingga bulan April, 1974; dan apakah tindakan Kementerian beliau sedang ambil untuk menyelesaikan masaalah-masaalah ekonomi asas yang telah menyebabkan kegelisahan perusahaan yang bertambah lagi dalam negara ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Maklumat-maklumat yang diminta adalah seperti berikut:

PEMOGOKAN

Tahun					Bil. Pemogokan	Jumlah Bil. pekerja-pekerja terlibat		Jumlah Bil. Hari bekerja yang rugi
1969	...	...	...	...	49	...	8,750	76,779
1970	...	...	...	...	17	...	1,216	1,867
1971	...	...	...	...	45	...	5,311	20,265
1972	...	...	...	...	66	...	9,701	33,455
1973	...	...	...	...	66	...	14,003	40,866
1974 (hingga 31-3-74)	...	...	...	...	29	...	7,704	13,809

Pemogokan di atas berlaku terutamanya oleh kerana kegagalan perundingan-perundingan di antara majikan-majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja, yang berkenaan, mengenai syarat-syarat pekerjaan dan lain-lain masalah-masalah perhubungan perusahaan dan bukan disebabkan oleh masalah-masalah ekonomi yang asas.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya memang mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan penasihat, perundingan dan pendamaian untuk membantu majikan-majikan dan pekerja-pekerja dalam perhubungan mereka, termasuklah soal penyelesaian pemogokan-pemogokan. Saya suka menyatakan bahawa hampir kesemuanya pemogokan-pemogokan di atas telah diselesaikan sebaik sahaja mula berlaku, sebagai hasil dari nasihat yang telah diberi; ataupun oleh kerana campur tangan dari Kementerian saya.

The information asked for is as follows:

STRIKES

Year					No. of Strikes	Total No. of Workers involved		Total No. of Man-days lost
1969	...	...	...	...	49	...	8,750	76,779
1970	...	...	...	...	17	...	1,216	1,867
1971	...	...	...	...	45	...	5,311	20,265
1972	...	...	...	...	66	...	9,701	33,455
1973	...	...	...	...	66	...	14,003	40,866
1974 (up to 31-3-74)	...	...	...	...	29	...	7,704	13,809

The above strikes occurred largely due to breakdowns in negotiations between the employers and trade unions concerned over terms and conditions of employment or other industrial relations problems and were not caused by basic economic problems.

My Ministry, however, provides advisory, conciliation and arbitration services to assist employers and workers in the conduct of their relationship including the settlement of strikes. I am glad to point out that almost all the above strikes had been resolved soon after their occurrence as a result of advice given or intervention by my Ministry.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

Tanaman Padi

5. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) luas kawasan tanaman padi dua kali setahun di negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Trengganu, Kelantan, Johor, Sarawak dan Sabah;
- (b) luas kawasan yang dijangka boleh ditanam dengan padi;
- (c) luas kawasan yang boleh ditanam sekali setahun;
- (d) luas kawasan padi bukit; dan
- (e) kawasan yang luasnya lebih daripada 100 ekar dipunyai oleh orang per-seorangan.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi):

- (a) Luas kawasan padi dua kali setahun bagi negeri-negeri tersebut ada diberi dalam Jadual di bawah. Adalah dijangka iaitu semua kawasan tanaman dua kali setahun akan ditanam dengan tanaman ini.

Negeri	Luas kawasan tanaman padi dua kali setahun
Perlis	35,000
Kedah	210,370
Perak	99,200
Selangor	48,030
Melaka	4,630
Negeri Sembilan	17,490
Trengganu	10,410
Kelantan	51,930
Johor	4,160
Sarawak	720
Sabah	14,048

- (b) Luas kawasan yang dijangka boleh ditanam dengan padi di Malaysia ialah 1,528,070 ekar. Ini termasuklah kawasan ditanam dengan padi bendang dan padi huma.
- (c) Luas kawasan yang boleh ditanam dengan padi sekali setahun di Malaysia ialah 944,830 ekar.
- (d) Luas kawasan padi bukit (padi huma) di Malaysia ialah 251,125 ekar.

- (e) Menurut Kementerian Kemajuan Tanah tiada tanah milik bagi bendang yang luasnya lebih dari 100 ekar di bawah satu nama.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN EKONOMI DESA

Persatuan Peladang

6. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan:

- (a) bilangan Persatuan-persatuan Peladang di peringkat daerah yang telah ditubuhkan selama ini dengan menyatakan kemajuan yang telah dicapai;
- (b) samada benar bahawa Syarikat-syarikat Kerjasama Peladang dan Persatuan-persatuan Peladang sangat susah untuk diselaraskan; dan
- (c) jumlah modal yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi penubuhan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) 120 persatuan. Kemajuannya ialah bilangan ahli-ahlinya bertambah seramai 104,745 ahli, mengumpul jumlah harta sebanyak \$16.7 juta dan keuntungan sebanyak \$1.6 juta.
- (b) Tidak.
- (c) Jumlah modal yang diperuntukan ialah \$22 juta.
- (a) 120 Farmers' Associations at district level have been established with 104,745 members and more members are joining the Associations. The Associations now have a working capital of \$16.7 million and so far has made a profit of \$1.6 million.
- (b) No.
- (c) The amount allocated is \$22 million.

Pinjaman-pinjaman MARA

7. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan jumlah pinjaman-pinjaman dari MARA dan beri satu senarai yang menunjukkan butir-butir tiap-tiap satu kes pada 31hb Disember, 1973 seperti berikut:

- (a) nama peminjam;
- (b) berapa banyak wang dipinjam;

- (c) tarikh pinjaman;
- (d) samada dengan cagaran atau tidak; dan
- (e) berapa banyak daripada pinjaman itu sudah dibayar balik.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

1. (a, b & c) Jumlah pinjaman yang dikeluarkan sehingga 31hb Disember, 1973, berjumlah \$131,735,050 untuk 30,910 orang peminjam. Nama peminjam, jumlah pinjaman dan tarikh tidak dapat dilengkapkan kerana jumlah pinjaman 30,910 itu terlalu banyak untuk disenaraikan.
 - (d) 48.5% pinjaman bercagaran penuh.
 - 28.3% pinjaman separuh cagaran.
 - 23.2% pinjaman tanpa cagaran tetapi mempunyai sekurang-kurangnya dua orang penjamin.
 - (e) Bayaran balik pada 31hb Disember 1973 berjumlah \$104,983,156.
1. (a, b & c) The total amount of loans which have been issued by MARA as at 31st December, 1973 was \$131,735,050 for 30,910 loanees. We are not able to produce the full name of loanees, amount of loan and date of giving out loan because clients are too many for such list to be drawn up.
 - (d) 48.5% fully secured.
 - 28.3% partly secured.
 - 23.2% not secured but are guaranteed by at least two sureties.
 - (e) The amount of repayment received as at 31st December, 1973 was \$104,983,156.

KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN TENAGA

Jambatan-jambatan—Adakan

8. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada Kementerian ini sedar mengenai kesusahan yang dialami oleh rakyat jelata terutama sekali kanak-kanak di daerah-daerah ulu negara ini seperti Pancor, Kundang Hulu dan Durian Condong di Johor untuk menyeberangi sungai, dan jika ya, samada

Kerajaan akan menimbang membina jambatan-jambatan menyeberangi sungai-sungai di daerah-daerah tersebut.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Oleh kerana tempat-tempat menyeberangi sungai itu tiada disebut, satu jawapan yang tepat tidak dapat diberi kepada soalan yang merupakan terlalu umum itu. Tambahan pula perkara ini adalah jatuh dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sekiranya tempat-tempat menyeberangi sungai itu dapat diketahui, terpulanglah kepada mereka yang berminat mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Pembasmian Cacing/Fluoridasi

9. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan hendak melancarkan:

- (a) kempen besar-besaran membasmi cacing; dan
- (b) rancangan fluoridasi (floridation) besar-besaran di sekolah-sekolah dalam negara ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

- (a) Kempen Kawalan Cacing telah dilancarkan dengan resminya pada 27-12-73.

Sebagai permulaan kempen ini telah dijalankan pada penggal pertama sekolah-sekolah pada tahun 1974 di dalam 11 daerah di Semenanjung Malaysia di mana pada tahun 1969, satu projek Perintis Kebersihan Sekeliling telahpun dimulakan. Kempen ini meliputi 41 buah sekolah-sekolah rendah dengan 12,949 bilangan murid-murid di dalam lingkungan umur 6 tahun hingga 12 tahun. Sehingga hari ini 10,540 jumlah murid dari 33 buah sekolah telahpun diberi ubat cacing, dan projek permulaan ini dijangka selesai pada awal penggal kedua sekolah-sekolah 1974 ini.

Tujuan besar kempen ini ialah untuk membuat persediaan-persediaan dan mendapat pengalaman-pengalaman yang lebih mendalam supaya projek besar-besaran di peringkat Nasional akan dapat dijalankan. Tujuan khas kempen ini ialah untuk meninggikan lagi taraf

kesihatan murid-murid di sekolah di luar bandar dengan menghapuskan cacing di dalam badan mereka. Penyakit cacing adalah punca kemunduran mutu darah dan dengan itu melibatkan kelemahan murid.

Kementerian Kesihatan sedang membuat persediaan-persediaan untuk memperluaskan kempen dengan giatnya ke daerah-daerah lain, dan telahpun menyediakan ubat cacing bagi 300,000 murid-murid bagi tahun ini.

- (b) Sukalah saya memaklumkan bahawa "topical application of fluoride to teeth" ataupun tindakan menyapu fluoride ke atas muka-muka gigi murid-murid sekolah sudah mula dijalankan sebagai satu peraturan biasa dalam usaha untuk menjaga kesihatan gigi murid-murid sekolah. Selain dari itu pula, tindakan-tindakan supaya murid-murid berkumur-kumur mulut dengan air-air yang telah dicampurkan dengan fluoride telah juga dilaksanakan. Ini adalah merupakan sebagai satu rancangan tambahan untuk menjaga gigi-gigi mereka itu dari kerosakan.

Rancangan pertama pembekalan air untuk Fluoridasi akan dijalankan pada tahun ini dan adalah dijangka bahawa lebih dari 3,000,000 penduduk-penduduk kita akan mendapat faedah dari Fluoridasi ini dan murid-murid sekolah yang tinggal di dalam kawasan yang mempunyai bekalan air yang dicampurkan dengan Fluoride akan juga mendapat faedah dari rancangan kesihatan awam ini.

- (a) The Worm Control Campaign was officially launched on 27-12-73.

The campaign commenced during the first school term in 1974 in eleven districts where an Environmental Sanitation Pilot Project had started in 1969. 41 schools with 12,949 students in the age group 6-12 years have been selected in this initial campaign. 10,540 students from 33 schools have been given treatment and it is expected that this first phase will be completed by the early part of the second term.

The main objective of the campaign is to gain experience so that preparations can be made for the campaign to be expanded on a large scale to the rest of the country soon.

The plans are now being prepared for expansion of the project to other areas and 300,000 doses of the treatment have already been purchased this year.

- (b) Topical application of fluoride to teeth of School Children is at present carried out as the usual routine dental care of School Children. In addition, mouth-rinsing with Fluoride dissolved in water is also an additional health measure adopted by the Ministry of Health for the prevention of dental decay.

The first phase of the fluoridation of the community water supplies will be carried out this year and it is expected that over 3 million of our population will benefit from the effects of fluoridation and school children living in the areas with fluoridated water supplies will also get the benefit of this dental public health measure.

Kerosakan Otak Bayi

10. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar kerosakan otak bayi di luar bandar dan di bandar kerana kekurangan protin, dan jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memberi panduan kepada Dasar Makanan Kebangsaan untuk memulih keadaan ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Ada bukti yang menunjukkan bahawa kekurangan calorie zat protin dalam pemakanan di waktu kanak-kanak itu kecil akan menyebabkan kerosakan otak kanak-kanak itu disebabkan oleh kurangnya brain cells (sel-sel otak) dan mengakibatkan kemundoran akal. Namun demikian, luas kerosakkan otak itu adalah bergantung kepada betapa buroknnya kekurangan zat dalam pemakanan itu dan berapa lamanya kekurangan zat itu berlaku. Masaalah malnutrition atau pemakanan tak seimbang di Malaysia tidaklah begitu burok keadaannya apabila dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Tetapi, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar, masaalah pemakanan tak seimbang bukanlah semata-mata kerana kesihatan, tetapi berkait juga dengan ekonomi, pelajaran dan faktor kebudayaan.

Sejak tahun 1969, satu projek dalam Amalan Nilai Pemakanan telah dibentuk bagi memperbaiki taraf pemakanan Masyarakat

sebagai satu Projek Pembangunan Masyarakat dengan cara satu serangan serampang empat mata,

- (a) memperbaiki pendapatan dan menambahkan pengeluaran makanan-makanan berzat;
- (b) Pelajaran Pemakanan dan ekonomi rumahtangga;
- (c) memperbaiki kesihatan dan kebersihan; dan
- (d) makanan tambahan bagi ibu-ibu mengandung dan ibu-ibu mengasuh kanak-kanak dan kanak-kanak sekolah.

Projek ini diselenggarakan oleh Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa dengan Kementerian-kementerian Kesihatan, Pelajaran dan Pertanian sebagai ejensi-ejensi utama yang mengambil bahagian.

Projek ini sedang diperluaskan pada tahun ini ke Trengganu, Kelantan, Pahang, Perak dan Kedah, meliputi kira-kira satu juta penduduk.

Pada bulan Mac 1973, satu Seminar Kebangsaan mengenai Makanan dan Pemakanan dalam Pembangunan telah diadakan di Melaka oleh Jabatan Perdana Menteri. Syor-syor Seminar ini termasuklah cadangan bagi satu dasar Makanan dan Pemakanan Negara yang mana sedang dikajikan samada untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

There is evidence that malnutrition due to protein-calorie deficiency in early childhood may result in brain damage due to a reduced number of brain cells, thereby resulting in lowered mental capacity. However the extent of the damage will depend on the severity of the malnutrition and the duration of the deficiency. The problem of malnutrition in Malaysia is a comparatively mild one.

But, as the Honourable Member of Parliament is aware, the problem of malnutrition is not of Health alone, but is related to economy, education and socio-cultural factors.

Since 1969, a pilot project in Applied Nutrition has been developed to improve the nutritional status of the Community as a Community Development Project by means of a four-pronged attack:

- (a) improving income and increasing local production of nutritious foods;

- (b) Nutrition education and home economy;
- (c) improvement of health and sanitation; and
- (d) supplementary feeding of pregnant and nursing mothers; of young children and school children.

This project is coordinated by the Ministry of Rural Economic Development with the Ministries of Health, Education and Agriculture as the major participating agencies.

This project is being expanded this year to Trengganu, Kelantan, Pahang, Perak and Kedah, to cover an estimated of 1,000,000.

In March 1973, a National Seminar on Food and Nutrition in Development was convened in Malacca by the Prime Minister's Department. The recommendations of this seminar include proposals for a National Food and Nutrition policy which is being looked into for possible incorporation in the Third Malaysia Plan.

Jururawat—Kekurangan

11. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menambahkan bilangan jururawat yang sangat berkurangan dalam negeri.

Tan Sri Lee Siok Yew: Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi menambah bilangan Jururawat di Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:

1. Tiga buah sekolah latihan yang pada tahun 1970 dahulu boleh mengambil 300 penuntut bagi tiap-tiap sebuah sekolah telahpun diperbesarkan dan pada masa ini boleh mengambil lebih dari 600 penuntut bagi tiap-tiap sekolah.
2. Pada bulan September 1972 sebuah lagi sekolah latihan telah dibuka di Melaka.
3. Dua buah lagi sekolah latihan Jururawat akan dibina tidak berapa lama lagi di Ipoh dan Kota Bharu. Kerja-kerja pembinaan bagi mendirikan bangunan-bangunan tersebut sedang dalam penyelesaian.
4. Kementerian telah membuat rayuan kepada Jururawat yang berada di seberang laut pada masa ini supaya balik berkhidmat di negeri ini. Dalam tahun 1972, 77 Jururawat dan di dalam

tahun 1973, 112 Jururawat telah balik ke Malaysia dan berkhidmat dengan Kerajaan.

5. Mulai daripada tahun 1973 Kerajaan telah bersetuju mengambil balik Jururawat-jururawat yang telah bersara berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan.
6. Kementerian juga telah membuat rayuan kepada Jururawat-jururawat yang telah meletakkan jawatan pada masa yang lepas untuk berkhidmat semula dengan Kementerian Kesihatan.
7. Masaalah ini telah juga saya terangkan dalam Dewan Rakyat ini pada masa menjawab soalan Yang Berhormat Wakil dari Tanjong Malim pada 3-12-73.

The measures taken by the Ministry of Health to increase the number of Nurses in the Ministry are as follows:

1. Three Training Schools which could accommodate 300 students each in 1970 have been expanded so that each can now accommodate more than 600 students.
2. In September 1972 another Training School was opened in Malacca.
3. Two Nurses Training Schools will be constructed soon at Ipoh and Kota Bharu. Construction work is in progress.
4. The Ministry has appealed to Nurses who are currently overseas to return and serve in this country. In 1972, 77 Nurses returned to Malaysia and in 1973, the number increased to 112 and all are serving in the Ministry of Health.
5. From 1973 the Government has agreed to reemploy retired Nurses to serve in the Ministry of Health.
6. My Ministry has also appealed to the nurses who had resigned in the past to rejoin service.
7. This question was replied by me in this House when answering the question put up by Yang Berhormat Wakil from Tanjong Malim on 3-12-73.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

Rumah Murah.

12. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan:

- (i) bilangan rumah murah yang telah dibina oleh Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia setiap tahun sejak 1968, dengan memberi nama tempat rancangan itu diadakan; dan
- (ii) bilangan rumah murah yang diberi kepada rakyat dalam setiap rancangan dengan memberi angka pecahan mengikut kaum.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui):

- (i) Bilangan rumah-rumah murah yang telah dibina oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kuasa-kuasa Tempatan dengan wang pinjaman Kerajaan Persekutuan yang diluluskan oleh Kementerian ini sejak tahun 1968 ialah seperti berikut:

Tahun	Yunit yang disediakan
1968	... 3,991
1969	... 13,259
1970	... 2,536
1971	... 2,037
1972	... 846
1973	... 1,777
	24,446

- (ii) Tempat rancangan-rancangan itu yang telah disediakan ialah seperti yang ditunjukkan di dalam Lampiran "A". Data-data yang diberi seperti di atas tidak termasuk rumah-rumah murah yang telah dibina oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Polis, Angkatan Tentera, Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, MARA dan lain-lain. Kementerian ini tidak dapat mengadakan segala butir-butir atau perangkaan berkaitan dengan agensi-agensi tersebut.

- (i) The number of low-cost houses built by the State Governments and Local Authorities with Federal loans approved by this Ministry since 1968 is as follows:

Year	No. of Units Completed
1968	3,991
1969	13,259
1970	2,536
1971	2,037
1972	846
1973	1,777
	24,446

The location of the schemes is as shown in Appendix "A". The above figures exclude low-cost houses built by other Government agencies like FELDA, Police, Armed Forces, Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan, State Development Corporations, MARA, etc. It is not possible to obtain all the statistics relating to these agencies.

- (ii) Regarding the number of low-cost houses allotted to the people in each scheme by race I wish to inform the Hon'ble Member that these figures are available with the State Governments who are responsible for allocation.

LAMPIRAN "A"

BILANGAN RUMAH-RUMAH MURAH YANG DISIAPKAN DARI TAHUN 1968-1973

Tahun/Negeri	Skim	Yunit yang disiapkan (
1968 JOHOR	Segamat ...	48
1969	Tangkak	50
	Sagil	32
	Bukit Gambir	32
	Labis	50
	Pekan Nanas ...	50
	Benut	32
	Kg. Paya	32
	Endau	32
	Seram	32
	Bekok	32
	Paloh	32
	Ulu Tiram	32
	Kota Kechil	32
	Kulai ...	50
	Bukit Batu	32
	Kg. Rambah	32
	Bukit Siput	32
	Cha'ah ...	50
	Yong Peng	50
	Bukit Pasir	32

1607

3 MEI 1974

1608

Tahun/Negeri	Skim	Yunit yang disediakan	
	Layang Layang	32	
	Simpang Rengam	32	
	Senai	32	
	Jementah ...	32	
	Buloh Kasap	32	
	Mersing Kechil ...	50	
	Jalan Sungai Abong	50	
1971	Jalan Lumba Kuda, Johor Bahru	717	
			1,773
1968 KEDAH	Lunas	26	
1969	Kuala Kedah (■) ...	162	
	Sungai Lalang	50	
	Serdang ...	50	
	Bedong ...	50	
	Baling	50	
	Kuala Ketil	32	
	Padang Serai ...	50	
	Kelang Lama	50	
	Karangan	32	
	Gurun ...	50	
	Jeniang ...	32	
	Pendang ...	32	
1970	Guar Chempedak	50	
1972	Jitra	50	
	Tongkang Yard	120	
	Kuala Kedah	218	
			1,104
1969 KELANTAN ...	Kuala Krai	50	
	Tanah Merah	32	
			82
1968 MELAKA	Peringgit I	100	
	Bandar Hilir	151	
	Kg. Pulau ...	32	
	Bukit Rambai	50	
	Masjid Tanah	32	
	Jasin	50	
	Sungai Udang	50	
1970	Tanjong Bedara	50	
1972	Peringgit II, Melaka	28	
			543
1969 NEGERI SEMBILAN ...	Jelebu	188	
	Sekamat New Village ...	50	
	Kuala Sawah	32	

1609

3 MEI 1974

1610

Tahun/Negeri	Skim	Yunit yang disediakan	
	Membau	32	
	Gemas	50	
	Nilai	50	
	Mantin	50	
	Rembau	50	
	Pasir Panjang	32	
	Linggi	32	
	Titi	50	
	Simpang Pertang	50	
	Rompin ...	32	
	Mah San	50	
	Batu Kikir	50	
	Port Dickson, 3rd Mile	50	
	Rantau ...	50	
	Kota	50	
	Senaling, Batu 46	50	
	Juasseh ...	50	
	Tanjong Ipoh ...	32	
1970	Telok Kemang ...	50	
			1,130
1968 PENANG	Kepala Batas ...	50	
	Tasek Glugor ...	32	
1969	Bukit Panchor ...	50	
	Kg. Bahru Alma	50	
	Telok Ayer Tawar	50	
	Sungai Dua	32	
	Jalan Berapit ...	50	
	Simpang Ampat	32	
	Kubang Semang	32	
	Kg. Gurun (Sungai Bakap)	32	
	Genting ...	32	
	Penaga ...	32	
	Bayan Lepas	32	
	Ayer Itam III	517	
	Mak Mandin	240	
	Rifle Range Road	2,925	
1970	Rifle Range Road	816	
	Noordin Street Ghaut ...	398	
			5,402
1968 PAHANG	Kuala Pahang	112	
	Jasar Valley	30	
	Maran	32	
	Kemayan	32	
	Pekan	32	

Tahun/Negeri

Skim

Yunit yang disiapkan

	Triang	50	
	Sungai Ruan	50	
	Cheroh	32	
	Karak	32	
	Ketari	32	
	Kuala Lipis	32	
	Gambang	50	
	Kg. Sempalit	32	
	Jasar Valley	32	
	Sungai Jan	32	
	Kg. Raja	32	
1973	Raub	100	
	Karak, Bentong	20	
	Tanah Puteh III	60	
	Chamang, Bentong	60	
			884
1969 PERLIS	Pauh	32	
	Kaki Bukit	32	
	Simpang Ampat	32	
1973	Padang Besar	26	
			122
1968 PERAK	Parit Buntar	50	
	Lenggong	48	
	Batu Gajah	50	
	Telok Anson (11)	222	
	Kg. Bahru Bemban	32	
	Kg. Pinang	32	
	Port Weld	50	
	Salak North	50	
	Padang Rengas ...	32	
	Simpang Pulai	32	
	Trong Village ...	50	
	Parit	32	
	Tanjong Rambutan	32	
	Chemor ...	32	
	Tambun ...	32	
	Gopeng ...	50	
	Simpang Village	50	
	Malim Nawar ...	32	
	Tanjong Tualang	32	
	Tronoh ...	32	
	Chenderong Balai	32	
	Langkap	32	

Tahun/Negeri	Skim	Yunit yang disediakan	
1969	Pokok Assam, Taiping	200	
	Sungkai ...	32	
	Gelok	32	
	Ayer Tawar	50	
	Tapah Road	50	
	Temoh ...	32	
	Chenderiang	32	
	Kroh	50	
	Kuala Kangsar ...	50	
	Marang ...	32	
	Pantai Remis	50	
	Bota Kanan ...	32	
	Kota Tampan	50	
	Pekan Gurney	32	
	Ayer Kuning	32	
	Kuala Kurau	50	
	Changkat Jering	32	
	Simpang Ampat	32	
	Sauk	32	
	Temerloh	50	
	Jelapang	32	
	Bagan Serai	50	
	Behrang Station	32	
1971	Jalan Ashby, Ipoh	336	
1973	Kampar II	100	
			2,588
1969 SABAH	Berhala Darat	300	
			300
1968 SELANGOR	Rawang II	99	
	Batang Kali	146	
	Kuala Kubu Bahru I ...	30	
	Telok Gadong ...	123	
	Ulu Bernam	20	
	Pandamaran New Village	50	
	Semenyih	50	
	Batu Sembilan ...	32	
1969	Kalumpang	80	
	Kuala Kubu Bahru	197	
	Pandamaran II ...	80	
	Serendah	50	
	Batang Berjuntai	50	
	Ulu Yam Lama	32	
	Ulu Yam Bahru	32	
	Pasir Penambang	32	
	Kuala Sungai Buloh	32	
	Sungai Buloh ...	50	

Kereta Lembu—Lesen

13. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan:

- (a) bilangan kereta-kereta lembu yang mempunyai lesen di Semenanjung Malaysia;
- (b) samada kereta-kereta lembu akan dibenarkan menggunakan jalanbesar atau Jalanraya Persekutuan; dan
- (c) samada Kerajaan akan mengeluarkan lebih banyak lagi lesen kereta lembu untuk mengatasi masalah kekurangan minyak petrol dan disel sekarang.

Datuk Ong Kee Hui:

- (a) Oleh sebab pihak yang mengeluarkan lesen kereta lembu ialah pihak berkuasa tempatan masing-masing, jadi Kementerian saya tidak menyimpan rekod bilangan-bilangan lesen yang dikeluarkan.
- (b) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum kereta-kereta lembu dibenarkan menggunakan jalan-jalan di mana ia tidak dilarang. Di mana kereta lembu tidak dibenarkan menggunakan sebarang jalan di situ terdapat papan-tanda yang bermaksud melarang.
- (c) Keputusan bahawa bilangan lesen akan ditambahkan bergantung kepada pihak penguasa tempatan masing-masing.
- (a) As the licensing authority for bullock-carts are the respective local authorities my Ministry does not keep any records of the number of licences that are issued.
- (b) As the Honourable Member is aware bullock-carts are allowed to use any road from which they are not prohibited. Where bullock-carts are prohibited from using any road, there would be signboards indicating such prohibition.
- (c) The decision as to whether more licenses should be issued depends on the individual local authorities.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI****Pengganas-pengganas Kominis**

14. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) siapakah Setiausaha Agung Parti Kominis Malaya sekarang;
- (b) di manakah Chin Peng berada sekarang;
- (c) bilangan pengganas-pengganas kominis di Semenanjung Malaysia sekarang;
- (d) apakah keampunan yang akan diberikan kepada pengganas-pengganas kominis sekiranya mereka ingin menyerah diri;
- (e) samada Kerajaan telah membuat sebarang percubaan untuk mengadakan dialog atau mesyuarat seperti perbincangan Baling untuk mencapai penyelesaian muktamad mengenai masalah keganasan di Semenanjung Malaysia;
- (f) samada hadiah-hadiah bagi penangkapan pengganas-pengganas kominis masih lagi laku; dan
- (g) mengapakah nama-nama dan gambar-gambar pengganas kominis tidak dilekatkan di papan-papan kenyataan polis di seluruh Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Saya tidak tahu.
- (b) Saya tidak tahu.
- (c) Untuk mengelakkan daripada musuh mengetahui apa yang kita tahu berkenaan dengan kedudukan mereka saya minta izin tidak menjawab.
- (d) Mereka akan diberi layanan seperti yang selalu dibuat.
- (e) Kerajaan tidak pernah membuat sebarang percubaan untuk mengadakan sidang seperti "Baling" talk.
- (f) Ya.

- (g) Kerajaan mempunyai cara-cara yang tertentu untuk menghadapi musuh serta aktiviti-aktiviti mereka. Pada hemat Kerajaan memaparkan gambar bukanlah satu cara yang paling memuaskan.

KEMENTERIAN PELAJARAN

Pembayaran Gaji Guru-guru Sementara

15. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa:

- (a) walaupun seluruh jawatan perguruan mendapat bayaran gaji kebelakangan mengikut Lapuran Aziz daripada 1-1-1970 tetapi guru-guru sementara cuma dikuatkuasakan bayaran gaji mereka dari 1-1-72 sungguhpun kedua-dua jenis guru ini dipilih atas asas latihan dua tahun sebagai guru. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membetulkan keadaan ini; dan
- (b) jika sekolah dibuka pada 7hb Januari, guru-guru sementara tidak dibayar untuk enam hari yang sudah dalam bulan itu walaupun semua pekerja-pekerja Kerajaan mendapat gaji penuh bulanan. Bolehkah Kementerian memberi jaminan bahawa amalan ini dapat dibetulkan.

Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Yaacob):

- (a) Saya sedar. Ini adalah kerana mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971 bertarikh 15hb Disember, 1971, tunggakan hanya diberikan kepada guru-guru tetap sahaja. Mengikut Pekeliling Perkhidmatan yang tersebut juga guru-guru sementara hanya layak menerima tangga gaji mulai dari 1-1-1972.
- (b) Ini adalah terpulang kepada syarat-syarat perlantikan. Jika guru-guru sementara itu dilantik mulai 7hb Januari maka pembayaran gaji akan dimulakan pada tarikh tersebut.

Padang Permainan Sekolah—Kekurangan

16. Dr A Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan, sebagai soalan berikutan kepada soalan yang ditanya di Parlimen pada 12hb Disember, 1972 tentang kekurangan padang

permainan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Lukut, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membina padang tersebut.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tapak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina); Lukut bukannya milik Kerajaan tetapi milik Lembaga Pengurus sekolah tersebut. Pada biasanya, Kerajaan tidak mendapatkan tanah untuk mengadakan padang permainan bagi sekolah-sekolah dalam gulungan ini. Kerajaan hanya memberikan bantuan modal (Capital Grant) untuk memperbaiki padang permainan yang sedia ada atau mengadakan pagar dan sebagainya. Kementerian Pelajaran sudah menerima satu permohonan dari S.R.J.K. (Cina), Lukut untuk mendapat padang permainan. Permohonan itu sedang dikaji.

Bantuan ke Sekolah

17. Tuan V. Veerappen minta Menteri Pelajaran memberi satu senarai sekolah-sekolah yang telah diberi bantuan oleh:

- (a) Menteriannya; dan
- (b) Jabatan Perdana Menteri setakat 31hb Mac, 1974

Tuan Mohamed bin Yaacob: Saya tidak faham apakah bantuan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh itu saya tidak dapat menjawab soalan ini.

KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA

Minyak Petrol

18. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilakah Malaysia akan menampung sendiri kecukupan minyak petrol dan berapakah peratus minyak petrol kita yang dapat digunakan dalam negara ini pada masa sekarang.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Pada masa sekarang pengeluaran minyak negara boleh menampung lebih kurang 25% daripada keperluan minyak negara. Walau bagaimanapun Malaysia masih mengimpot sebahagian besar keperluan minyak negara dan mengekspot kesemua pengeluarannya kecuali sejumlah kecil yang ditapis oleh kilang menapis di Sarawak dan di Port Dickson. Ini adalah

kerana dari segi ekonomi dan teknikal, adalah lebih menguntungkan bagi Malaysia berbuat demikian.

Untuk menyatakan dengan tepat bilakah Malaysia akan menampung sendiri kecukupan minyak petrolnya amatlah sukar sekali. Kerana ini adalah bergantung besar kepada jenis-jenis minyak mentah yang akan dijumpai dan lain-lain faktor-faktor seperti adanya kilang menapis yang boleh menapis minyak keluaran Malaysia, harga minyak jenis keluaran Malaysia berbanding dengan harga minyak Arab yang diimpotkan dan lain-lain lagi. Oleh itu setakat ini boleh dikatakan bahawa perjumpaan minyak di Malaysia sangatlah menggalakkan tetapi untuk Malaysia menampung sendiri kecukupan keperluan minyak petrol akan memakan masa yang panjang lagi.

Harga Getah

19. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan walaupun harga getah telah naik pada masa sekarang, samada Kementerian ini sedar bahawa pekebun-pekebun kecil di negara ini masih belum lagi menerima harga berpatutan selaras dengan keadaan pasaran pada masa sekarang, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk menolong mereka.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Sungutan-sungutan ada diterima daripada pekebun-pekebun kecil yang mengatakan bahawa harga getah yang diterima oleh mereka adalah kurang daripada harga yang sepatutnya diterima oleh mereka. Kekurangan harga ini adalah disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Potongan cess dan cukai yang dikenakan oleh Kerajaan.
- (b) Harga menyimpan atau storing.
- (c) Harga mengasap dan
- (d) Harga mengangkut.

Lain-lain sungutan yang diterima adalah mengenai gred-gred getah yang dijual oleh pekebun-pekebun kecil yang mana mengikut pekebun-pekebun kecil gred sepatutnya lebih tinggi daripada gred yang diterima oleh pembeli-pembeli getah.

Kementerian ini telah mengambil langkah untuk mengatasi kerumitan-kerumitan yang

berbangkit dan telahpun memberi arahan yang tegas kepada pihak RISDA untuk mengatasi kerumitan-kerumitan ini dengan menjalankan beberapa kegiatan:

- (a) Pihak RISDA sekarang ini menolong pekebun-pekebun kecil memasarkan getah-getah mereka dengan cara berkelompok di mana boleh. Pihak RISDA mengadakan pengangkutan supaya getah-getah ini dibawa kepada pembeli-pembeli yang boleh menjual dengan harga yang sepatutnya.
- (b) Pihak RISDA juga menggalakkan pekebun-pekebun kecil menjualkan getah mereka daripada pusat-pusat memproses getah berkelompok yang dijalankan di bawah anjuran RISDA supaya harga yang diterima oleh mereka adalah memuaskan.

Berkenaan dengan kerumitan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil tentang gred getah yang dijual oleh mereka pihak RISDA sedang memberi latihan kepada beberapa kakitangan RISDA untuk menjadi Merinyu untuk menentukan gred-gred getah yang dijual. Dengan cara ini pekebun-pekebun kecil bolehlah menerima harga-harga getah mereka mengikut gred tertentu dengan adanya pertolongan daripada pihak RISDA dengan menggunakan perkhidmatan Merinyu yang akan dilatih itu.

Dalam jangka panjang, RISDA bekerjasama dengan pihak MRDC (Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia) untuk mengkaji dan mengatur usaha-usaha untuk memasarkan getah pekebun-pekebun kecil terus kepada pembeli-pembeli di luar Negeri.

KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH

Pembabagian Tanah

20. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa peruntukan dan pembahagian tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, FELDA dan FELCRA amatlah dirahsiakan dan akibatnya rakan-rakan ahli UNMO, MCA, MIC dan rakan-rakan parti dalam Kerajaan campuran yang mendapat faedah dari pembahagian tanah itu tetapi orang-orang yang benar-benar tidak bertanah masih diketepikan.

Menteri Kementerian Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Peruntukan atau pembahagian tanah yang dijalankan oleh agensi-agensi pembangunan tanah seperti FELDA, FELCRA dan juga agensi-agensi Kerajaan Negeri yang dijalankan sekarang ini bukanlah dihadkan atau dirahsiakan kepada mana-mana golongan atau pertubuhan yang tertentu sahaja bahkan dibuka kepada semua keturunan rakyat Negara ini yang mempunyai kelayakan.

Semua Warga Negara Malaysia yang berkelayakan untuk permohonan bagi menyertai rancangan-rancangan tanah FELDA, FELCRA dan rancangan-rancangan yang dikelola oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri bolehlah membuat permohonan menyertai rancangan-rancangan itu.

Pemilihan peserta-peserta untuk memasukkan rancangan-rancangan itu adalah mengikut

kelayakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi tersebut. Pengumuman-pengumuman mengenai pengambilan-pengambilan peserta telah disebarkan dalam jangka masa yang secukupnya untuk disampaikan kepada pengetahuan rakyat apabila agensi-agensi itu membuka sesuatu rancangan itu.

Mengenai dengan permohonan-permohonan tanah dari pihak berkuasa Kerajaan Negeri pula sebagaimana yang diketahui semua Warga Negara yang mempunyai kelayakan memohon tanah mengikut kehendak undang-undang Kanun Tanah Negara boleh membuat permohonan itu kepada pihak berkuasa Negeri bila-bila masa. Peruntukan-peruntukan atau kehendak-kehendak undang-undang Kanun Tanah Negara itu telahpun dikuatkuasakan dalam tahun 1965 dan ini tidaklah merupakan rahsia kepada semua rakyat di negara ini.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS TAMBAHAN No. 1

JABATAN PERDANA MENTERI

Lantikan-lantikan secara "political patronage"

1. **Tuan Mustapha bin Hussain** minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak ahli-ahli dari Parti Islam SeMalaysia yang diberi kerja atau jawatan-jawatan sementara, kekal, secara "political patronage", di semua badan-badan Kerajaan dan badan-badan berkanun, sejak Parti Islam SeMalaysia menyertai Kerajaan Campuran sampai hujung bulan Mac 1974, dan beri satu senarai menunjukkan:

- (a) nama-nama mereka;
- (b) jawatan-jawatan dan tarikh lantikan; dan
- (c) gaji dengan elaun-elaunnya.

Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein): Perlantikan seseorang pegawai bagi memenuhi mana-mana jawatan sementara atau tetap di semua badan-badan Kerajaan dan badan-badan berkanun adalah diperbuat semata-mata atas pertimbangan kepada keperluan jawatan-jawatan itu serta kebolehan dan kesesuaian seseorang itu. Dari itu soal lantikan-lantikan secara "political patronage" sepertimana yang dianggapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Brunei—Polisi Tidak Campurtangan

2. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada tawaran yang dibuat oleh Ketua Menteri Sarawak pada 22hb Mac, 1974 untuk membantu sesiapa yang mencari kemerdekaan bagi Brunei itu menunjukkan yang Malaysia mempunyai polisi tidak campurtangan, regionalism dan berkecuali di Asia Tenggara.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein): Malaysia mematuhi dengan tegas kepada dasar tidak

campurtangan di dalam hal ehwal dalam negeri negara-negara lain. Malaysia tidak mempunyai niat lain daripada perasaan persahabatan terhadap Brunei, dan kami harap perasaan ini dapat dibalas oleh Brunei.

Mengenai kenyataan yang dibuat oleh Ketua Menteri Sarawak itu, ini patut dipandang dari konteks kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Seri Begawan yang menuntut hak ke atas Limbang iaitu sebahagian daripada Sarawak yang tak dapat dipisahkan. Memandangkan kepada hasutan-hasutan ini, iaitu campurtangan oleh Brunei dalam halehwal Malaysia, reaksi daripada Ketua Menteri Sarawak bolehlah difahami dan kita sangat-sangat bersimpati dengan beliau.

Malaysia adheres strictly to the policy of non-interference in the internal affairs of other countries. Malaysia has nothing but friendly sentiments for Brunei and we sincerely hope these sentiments will be reciprocated by Brunei.

As far as the statements by the Chief Minister of Sarawak are concerned, these should be seen in the context of the provocative statements made by the Seri Begawan laying claim to Limbang which is an integral part of Sarawak, casting aspersions upon Malaysian leaders, and attempting to create ill-feelings towards the democratically elected Governments of Sarawak and Malaysia. In the face of such provocations where Brunei is interfering in the internal affairs of Malaysia, the spontaneous reactions of the Chief Minister are understandable and we fully sympathise with him.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

Senarai Syarikat Swasta dan Awam

3. **Tuan V. Veerappen** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi satu senarai nama-nama syarikat swasta dan awam dalam:

- (1) Perindustrian kain; dan
- (2) Perindustrian Elektronik yang menyatakan;

- (a) modal (yang telah diselesaikan);
- (b) jumlah pekerja yang diambil bekerja;
- (c) jumlah keuntungan yang didapati oleh syarikat-syarikat tersebut dalam 10 tahun yang lalu atau semenjak penubuhan mengikut mana yang kurang;
- (d) gaji pukul rata yang diberi kepada pekerja-pekerja itu.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein Onn): Oleh kerana pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu sangat luas dan melibatkan Badan-badan lain di luar Kementerian ini termasuk sektor-sektor swasta dalam kerja pengumpulan data-data dan butir-butir yang dikehendaki, maka adalah tidak manasabah pertanyaan serupa itu boleh diberikan jawapan.